

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 12

Khamis

29 Mac 2012

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 23)

Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong – *Dato' Lilah bin Yasin (Jempol)* (Halaman 24)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Khamis, 29 Mac 2012
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah pihak kementerian bercadang untuk menambah kekuatan armada kapal laut pihak Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dalam memperkukuh kesiap siagaan operasi maritim negara yang luas.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, usaha kementerian dalam meningkatkan sistem pertahanan negara adalah berpandukan kepada pelan pembangunan Angkatan Tentera Malaysia atau pelan dengan izin *Fourth Dimension Malaysian Armed Forces for the MAF* yang merupakan landasan ataupun dengan izin *road map* untuk tempoh jangka panjang 2009 hingga 2020 dan seterusnya.

Strategi pembangunan ini sejajar dengan konsep pertahanan yang termaktub dalam Dasar Pertahanan Negara (DPN) dan Strategi Ketenteraan Negara (SKN). Justeru itu, proses penambahan kekuatan armada Tentera Laut Diraja Malaysia perlu dibangunkan secara bersepadu melalui rancangan jangka pendek dan jangka panjang sejajar dengan perkembangan teknologi semasa melalui perolehan aset pertahanan yang berteknologi terkini. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada kemampuan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah menambah kekuatan jangka pendek, program modenisasi dan juga pemanjangan jangka hayat atau '*Shift Life Extension Programme*' (SLEP), beberapa buah kapal TLDM sedang dilaksanakan untuk memastikan peralatan kapal-kapal tersebut diganti dengan yang terkini bagi menangani isu keusangan untuk menjadikan aset-aset ini lebih efektif dan berkesan untuk dioperasi. Bagi proses memperkuat armada laut, untuk jangka panjang, melalui proses enam buah kapal *Offshore Patrol Vessel* (OPV) yang dilakukan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan, dua buah kapal latihan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, dan diikuti dengan rancangan perolehan enam kapal perang *Littoral Combat Ship* (LCS) yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan sebahagiannya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Kekuatan TLDM bukan sahaja terletak kepada aset yang berteknologi tinggi tetapi ia hendaklah berbekalkan modal insan yang berkualiti untuk menghasilkan satu angkatan yang

credible, mampu melaksanakan peranan dan fungsi dalam mempertahankan kedaulatan perairan negara serta kepentingannya. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan. Sebagai rakyat negara yang tercinta, saya bangga dengan jawapan itu kerana bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya. Saya ulangi lagi. Saya yakin dan percaya dalam menentukan keselamatan dan kedaulatan perairan kita supaya sentiasa terpelihara dan selamat dari anasir-anasir yang berbagai-bagai yang mengancam keselamatan kita. Nilai wang pelaburan bukan menjadi isu tetapi bagi sesetengah pihak dalam Dewan ini dan juga dalam negara kita yang dimainkan oleh pembangkang ingin menjadikan ini isu. Saya mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjaga keselamatan negara.

Cuba terangkan dengan jelas untuk menangkis dakwaan-dakwaan liar. Soal perolehan kapal-kapal perang kita. Walaupun agaknya nilainya tinggi, tetapi ia sangat berbaloi kepada keselamatan dan maruah negara. Sepatutnya tidak menjadi isu kerana impak positif yang diperoleh dari sudut keselamatan ini. Baik keselamatan negara dan ekonomi negara dan dalam soalan saya, saya juga menekankan soal kesiapsiagaan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab kalau dapat dinyatakan lebih jelas kesiapsiagaan Tentera Laut Diraja Malaysia kita. Maknanya seperti jawapan tadi, Tentera Laut Diraja Malaysia kita mempunyai peralatan yang canggih, yang moden dan yang mendahului masa supaya tidak ketinggalan.

■ 1010

Jadi bagaimana kalau agaknya dengan kemampuan negara, kita tingkatkan termasuklah nilai-nilai kemanusiaan yang mengendalikan senjata-senjata kita ini boleh dipertingkatkan oleh Kementerian Pertahanan kerana bagi saya, maruah negara ini sangat besar ertinya sama dengan nyawa kepada badan kita. Jadi saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mewakili Kementerian Pertahanan. Jadi soalan saya, di mana agaknya *limit* kesiapsiagaan Tentera Laut Diraja Malaysia kita dalam hendak menentukan keselamatan perairan negara kita yang begini luas. Saya mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Terima kasih sahabat saya, kakanda Yang Berhormat Sri Gading. Panjang soalan ini. Sesetengah itu Tuan Yang di-Pertua, dia sudah jawab. Jadi saya tidak payah jawablah.

Pertama sekali, saya amat bersetuju dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Sri Gading kerana dalam hal-hal yang bersangkutan paut dengan keselamatan negara mahupun aset pertahanan, sebenarnya tiada kompromi untuk dipolitikkan. Yang lain boleh dipolitikkan tetapi tidak mengenai keselamatan negara dan juga aset pertahanan kita. Kesan daripada elemen-elemen yang dipolitikkan ini, pertama sekali ia mendedahkan rahsia

keselamatan dan kesiapsiagaan negara kepada pihak musuh yang kita tidak pasti. Kalau dulu kita tahu siapa musuh kita. Dulu ada musuh tradisional. Sekarang sudah tidak ada lagi. Dia sudah jadi *non-traditional trap*.

Kedua, pada waktu yang sama, bila dia dipolitikkan, kecil hati anggota-anggota tentera kita. Tidak kiralah *navy*, darat mahupun udara. Setiap kali kerajaan membuat keputusan untuk memperoleh aset-aset baru, mereka amat gembira kerana mereka dilatih, dididik untuk menjadi seorang tentera yang profesional. Jadi kalau pihak sana, kita untung Tuan Yang di-Pertua. Kita untung. Lagi banyak dia kutuk tentang aset ini, lagi banyak sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional. [*Tepuk*]

Perkara ketiga, ia juga menunjukkan kurang cerdik. Dia tidak – Tuan Yang di-Pertua, dia tidak bodoh tetapi dia kurang cerdiklah. Dia kurang cerdik bila menyatakan umpamanya waktu saya kempen di Hulu Selangor sewaktu pilihan raya kecil. Dia buat kapal besar-besar, kapal selam yang dikatakan tidak boleh menyelam. Untuk selamkan kapal ini, kapal selam memang kerjanya menyelam. Untuk tenggelamkan kapal ini semua orang boleh buat termasuk Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi hendak naikkan balik, itu perlukan kepakaran.

Jadi perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Sri Gading, kenapa kita peroleh aset-aset ini? Ini kerana ia sesuai dengan perkembangan sistem pertahanan. Pertama, kita kena ingat bahawa negara kita adalah negara Maritim. Keluasan laut kita termasuk ZEE lebih daripada satu juta kilometer persegi. Kalau kira perairan sempadan sahaja, 600,000 kilometer persegi. Dua kali ganda daripada darat yang kita ada. Kemudian, bukan sahaja kita ada laut tetapi kita ada hasil mahsul ada dekat 200 *oil fuel* dengan izin. Gas dan juga petroleum yang nilainya trilion. Jadi ini semua kita kena jaga. Kita kena kesiapsiagaannya mestilah cekap dan sesuai dengan perolehan aset. Kita beli LCS. Bukan kita suka-suka beli. Kita beli LCS kerana LCS ini dia ada kepakaran sonar yang boleh kesan kapal selam. Kita sudah ada kapal selam. Kita kena ada peralatan yang boleh mengesan kapal selam.

Jadi perkara-perkara ini mungkin kawan-kawan kita di sebelah sana dia tidak berapa setuju kerana harganya mahal. Dia kata mahal. Sebenarnya kalau kita bandingkan epal dengan epal, harga kita lebih kompetitif daripada harga yang dibeli oleh negara-negara lain. Pada waktu yang sama, *capability* kita dengan adanya aset-aset ini lebih luas dan kita boleh menjaga kesiapsiagaan kita, kedaulatan negara kita dengan lebih cekap. Terima kasih.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Gading dan dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya juga boleh mewakili rakan-rakan di sebelah sini tidak langsung mempertikaikan keperluan kepada kita untuk menjaga keselamatan negara kita dengan mempertingkatkan segala kemudahan dan *facility* pertahanan negara sama ada udara, darat mahupun laut. Isu yang dibangkitkan adalah proses perolehan peralatan-peralatan ini yang menimbulkan tanda tanya yang banyak. Saya

pernah membangkitkan dalam Dewan ini satu ketika dulu pembelian sebuah kapal yang kita beli daripada Amerika yang umurnya sudah 25 tahun. Barang *secondhand* yang dibeli yang harganya sama mahal dengan kalau kita beli kapal yang baru.

Jadi isu yang dibangkitkan adalah dalam hal yang berkaitan dengan keselamatan negara, memang kita tidak kompromi sama ada sebelah sana mahupun sebelah sini. Apa sahaja usaha untuk memastikan keselamatan negara ini hendaklah dipertingkatkan. Cuma saya ingin mendapatkan penjelasan ataupun yang ditimbulkan oleh rakan-rakan di sebelah sini adalah proses perolehan tersebut. Saya juga ingin tahu apakah dia pelan yang adil daripada pihak kementerian untuk mempertingkatkan peralatan-peralatan terkini.

Contohnya kalau kita bandingkan peralatan udara kita kalau dibandingkan dengan jiran yang paling dekat dengan kita. Saya sebutlah namanya. Singapura contohnya. Mereka sudah memiliki AWACS dan AWACS yang mereka miliki itu sudah pun dipertingkatkan kepada generasi yang seterusnya. Maknanya dalam keadaan negara mereka yang sebesar itu pun dengan *base* mereka yang merata tempat, sudah mereka siapsiagakan diri mereka.

Isunya tadi Yang Berhormat Sri Gading siapsiaga dengan persiapan pertahanan kita sendiri. Apa pula persiapan kita dalam konteks peralatan-peralatan? Adakah hendak ditambah? Kalau hendak ditambah itu apa dia antara peralatan lain yang bakal ditambah untuk memastikan isu keselamatan dan kedaulatan negara ini terjamin dan akan disokong oleh semua rakyat Malaysia sama ada di sebelah sana ataupun di sebelah sini. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Bachok. Yang Berhormat Bachok punya *tune* ini semakin lama semakin macam dekat sebelah sini. *[Ketawa]* Sangka baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perolehan ini, semua perolehan ketenteraan atau aset, kita ikut peraturan kewangan. Semua sekali ditentukan mengikut *Treasury instruction*. Tidak ada satu *procurement* kita yang tidak mengikut arahan Perbendaharaan. Cuma dalam sesuatu *procurement* aset, jika ia melibatkan perkara-perkara rahsia umpamanya pilihan radar, itu dibuat melalui *team project* yang akan pergi lebih awal dan menilai tiap-tiap satu aset dari sudut teknologinya.

■ 1020

Jadi keperluan teknologi itu perlu dipenuhi mengikut keperluan dan kehendak *end user* sesuai dengan kemampuan kewangan negara. Jadi tidak timbul perkara-perkara yang dibuat tidak mengikut *Treasury instruction* atau perkara-perkara yang di luar peraturan-peraturan yang telah kita tetapkan. Kalau hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bachok bila dah jadi kerajaan nanti baru faham. Terima kasih.

2. Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan usaha jangka pendek dan jangka panjang serta kos yang terlibat dalam mengatasi masalah hakisan pantai yang teruk di sepanjang pantai dan masalah muara-muara sungai utama yang cetek di Terengganu.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa terdapat 16 kawasan di negeri Terengganu mengalami masalah hakisan yang kritikal. Bagi mengatasi masalah ini dalam jangka pendek, Jabatan Pengairan dan Saliran atau JPS telah membina struktur lapis lindung batu seperti di Pantai Tok Jembal dan sebahagian Pantai Teluk Lipat. Sebagai tindakan jangka panjang bagi mengatasi masalah hakisan pantai, pihak JPS bercadang untuk menyediakan pelan pengurusan pantai bersepadu atau dengan izin *integrated coastal management plan* bagi negeri Terengganu.

Ini akan dijadikan bahan rujukan bagi kawalan pembangunan oleh pihak berkuasa tempatan semasa meluluskan pembangunan di tepi-tepi pantai manakala bagi mengatasi masalah muara sungai yang cetek dalam jangka pendek, kerja-kerja menggali dan mengorek muara sungai dilaksanakan secara berkala. Daripada jumlah 9 muara di negeri Terengganu, setakat ini tiga telah disediakan iaitu muara sungai di Besut, Kuala Terengganu dan Marang. Sebagai langkah jangka panjang bagi mengatasi masalah muara sungai yang cetek, JPS bercadang membina pemecah ombak dan ia bergantung kepada peruntukan yang akan disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Ahli Yang Berhormat selanjutnya, semenjak tahun 2008 sehingga kini pihak Jabatan Pengairan dan Saliran telah menyiapkan dua projek muara sungai melibatkan kos RM505 juta manakala dua lagi projek dengan kos RM15 juta sedang dalam pelaksanaan. Selain itu, pihak JPS juga telah menyiapkan dua projek hakisan pantai dengan kos sebanyak RM87 juta. Sekian.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya merasakan usaha-usaha yang dilakukan dan melibatkan kos yang tinggi ini seolah-olah macam kita buang duit ke laut sahaja, tidak banyak memberi kesan. Dengar dahulu. Saya hendak memberi contoh Tuan Yang di-Pertua. Kisah di Terengganu ini sejak 1980-an dahulu, sekarang saya tidak tahu sejauh mana *detail environmental impact assessment* dia buat kajian secara holistik. Tahun 1980-an dahulu kita bina *dam* di kenyir sebagai contoh. Apabila empangan *dam*, Empangan Kenyir kita bina, ada faedahnya tidak dinafikan yang pertama ia boleh mengurangkan kejadian banjir dan keduanya menjana kuasa elektrik, itu tidak dinafikan.

Akan tetapi apabila berlaku pembinaan tersebut dalam satu jangka masa kita dapati air sungai daripada hulu apabila disekat oleh *dam* ini, empangan ini, mengalir ke sungai-sungai ini agak perlahan dan sedikit, air pun menggeladak, timbul pulau-pulau dalam sungai dan tidak

dapat menahan ombak yang kuat daripada laut yang menyebabkan berlakunya muara sungai yang cetek dan juga hakisan yang teruk di pantai-pantai.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh lagi pembinaan Lapangan Terbang Sultan Mahmud apabila *runway* itu dipanjangkan ke laut. Dia buat *runway* dengan menambak laut ataupun kita guna istilah benteng pemecah ombak ataupun *break water* dan juga menambak laut. Apabila ini dilakukan, kawasan yang ditambak ada *break water* itu mungkin selamat tetapi kawasan yang sebahagian sebelah sini macam di Pantai Tok Jembal itu dikorek dengan *underwater current* yang cukup kuat.

Jadi apa yang saya hendak tahu selain daripada masalah-masalah faktor lain mungkin *global warming* dan sebagainya kerana benda-benda ini kita tidak ambil sebagai pengajaran. Sebagai contoh di Marang, dahulu kita buat satu jeti hendak angkut pelancong, hendak bawa pelancong dari Marang ke Pulau Redang. Akhirnya tidak sampai berapa lama, jeti duduk atas darat. Tidak ada kajian yang holistik. Jadi itu saya harap dan saya minta selain daripada perbelanjaan dan ada dijawab tadi ada beberapa usaha jangka pendek, jangka panjang kajian yang menyeluruh dengan menggunakan pakar-pakar. Sejauh mana kita gunakan supaya perkara ini tidak berulang dan melibatkan kos yang begitu tinggi. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seperti mana kita dengar sebentar tadi soalan itu merupakan sedikit soalan tetapi penjelasannya banyak juga. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan di sini berkaitan dengan kewangan yang kita belanjakan itu. Saya sudah katakan awal-awal sebentar tadi bahawa kerja-kerja yang kita buat sekarang itu merupakan untuk mengurangkan atau untuk mengatasi masalah dengan jangka pendek sahaja iaitu membina lapis lindung dan memandangkan keadaan ombak yang kita tidak duga akan berlaku kemudian sama ada kurang deras atau lebih deras daripada itu akan berlaku maka apa yang kita buat itu sememangnya ada kerosakan berlaku kemudian tetapi apa yang berlaku di situ ialah ia dapat mengurangkan kerosakannya.

Jawapan bagi soalan kedua itu, saya juga katakan bahawa kita sedang menjalankan kajian untuk mengatasi masalah ini secara holistik, secara bersepadu. Ia bukan sahaja melibatkan kerja-kerja fizikal tetapi langkah jangka panjang ini akan melibatkan juga dengan memberi khidmat nasihat, teknikal dalam perancangan guna tanah dan pembangunan di zon pantai dengan memberi pertimbangan sewajarnya kepada proses-proses semula jadi pantai sebelum sesuatu projek pembangunan akan dilaksanakan.

Ini bererti bukan sahaja kita melihat untuk memperbaiki keadaan itu, membaik pulih semula kerosakan-kerosakan akibat daripada hakisan laut itu kepada pantai-pantai kita tetapi ia juga melibatkan khidmat nasihat teknikal ke atas penggunaan tanah itu dan bagi lapangan terbang itu sebentar tadi saya sudah mendapat maklumat bahawa tempat yang ada kerosakan

itu sebenarnya sudah dibuat dan sekarang itu nampaknya tidak ada menimbulkan masalah lagi. Sudah kita buat untuk pembinaan semula, sekian.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya Yang Berhormat Kuala Terengganu, peranan kita untuk menyelesaikan apa masalah.

■1030

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya bangsa Terengganu, sebahagian orang Terengganu. Saya hendak cerita sikit sebab Yang Berhormat Kuala Terengganu cerita mengenai Kenyir dan sebagainya. Semasa kerajaan PAS memerintah Kenyir dahulu, pokok-pokok di Kenyir dirogol dan saya pergi melawat sendiri. Sebab saya sebahagian daripada orang sana, jadi sebab itulah jangan kita bercakap memburukkan kerajaan. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, positif sikit sebab bukan semua orang boleh buat macam mana caranya. Kalau ada pembangkang apa salahnya, berikan cadangan yang baik, bagaimana kita mengatasi masalah hakisan ini?

Soalan saya, sepatutnya panjang lagi tapi cukuplah. Sekadar memberikan kesedaran kepada belah sana. Supaya berfikir positif. Tuan Yang di-Pertua, kita kadang-kadang berbangga dengan keindahan pantai kita, ramai pelancong yang datang ke pantai kita, tetapi dalam masa yang sama kadang-kadang kita berhadapan dengan masalah terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang cukup besar bagi mengatasi masalah hakisan pantai dan sebagainya, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi. Akan tetapi, saya lebih positif sebab saya hendak cari jalan bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, apakah usaha kerajaan dan kementerian dalam membina penampan ombak semula jadi. Dahulu pantai kita ada pokok-pokok dan sebagainya, bak kata pepatah bagai aur dan tebing, sebab itu kadang-kadang tebing sungai ini jarang runtuh kerana dia berpakat di antara aur dengan tebing ini. Jadi, apakah langkah kerajaan dalam mengatasi masalah ini, di samping kita terpaksa membuat tembok penampan ombak yang belanjanya lebih besar. Jadi apa langkah kerajaan dalam membina penampan ombak semula jadi ini, termasuk kita menanam pokok dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. sebentar tadi saya sudah menjelaskan bahawa ini sedang dikaji dan pendekatan kita itu akan melibatkan keseluruhannya. Saya ingin ulangi sekali lagi bahawa ini melibatkan juga nasihat-nasihat teknikal kepada orang-orang yang akan membangunkan tanah, yang mempunyai hak milik tanah di persisiran pantai. Berkaitan dengan apakah usaha kerajaan untuk mengatasi masalah di mana hakisan pantai mungkin boleh dikurangkan dengan penanaman kayu dan

sebagainya. Sebenarnya usaha ini kita sedang buat sekarang, di mana-mana tempat pun kita buat. Jadi kita akan cuba memperbaiki lagi keadaan itu, sekian.

3. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:-

- (a) pakej serta tawaran bantuan kerajaan kepada usahawan yang berminat menceburi perniagaan dalam sektor pengeluaran makanan di negara ini; dan
- (b) jumlah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan dalam membiayai segala bentuk makanan di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sejak tahun 2001 telah mewujudkan insentif percukaian untuk dimanfaatkan oleh petani, penternak, nelayan dan pengeluar agro-makanan. Insentif ini berbentuk pengecualian atau pemotongan cukai pendapatan serta elaun pelaburan bagi aktiviti pengeluaran bahan makanan yang dipersetujui di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 yang diberi kepada syarikat dan para pengeluar produk makanan bagi memastikan pelaburan untuk mengeluarkan bekalan produk makanan dapat dipertingkatkan. Di bawah insentif ini, terdapat lima projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan seperti berikut:-

- (i) penanaman sayur-sayuran, buah-buahan herba dan rempah;
- (ii) penternakan lembu, kambing dan biri-biri;
- (iii) *agriculture*;
- (iv) perikanan laut dalam; dan
- (v) Projek Integrasi yang melibatkan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan seperti yang disenaraikan di atas.

Pemberian insentif cukai ini telah dilanjutkan selama lima tahun sehingga 31 Disember 2015. Selain daripada insentif itu, insentif lain yang ditawarkan adalah dalam bentuk subsidi diesel, petrol, geran bagi bantuan input pertanian, benih dan baka, peralatan, pembiayaan projek pembangunan pertanian dan infrastruktur pembiayaan berbentuk pinjaman melalui Agrobank dan TEKUN Nasional serta khidmat nasihat.

Tuan Yang di-Pertua, subsidi yang ditanggung oleh kerajaan bagi membiayai pengeluaran makanan di negara sekarang ini termasuklah subsidi diesel dan petrol nelayan yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan pemberian bahan api kepada nelayan bertujuan untuk menampung sebahagian daripada kos operasi menangkap ikan, pengusaha *vesse/* perikanan utama nelayan tradisi yang berpendapatan rendah. Jumlah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan pada tahun 2011 adalah RM1.4 bilion dan bagi subsidi

petrol sebanyak RM141 juta. Bagi subsidi untuk padi dan beras, subsidi berasaskan insentif padi adalah sebanyak RM4.1 bilion. Jadi keseluruhan jumlah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan ialah sebanyak RM5.72 bilion.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apakah langkah-langkah ataupun pendekatan yang lebih komprehensif yang telah dan boleh dilakukan oleh kementerian dan kerajaan sendiri, bagi memastikan bahawa kita dapat memberi, membuka peluang yang lebih meluas, lebih lebar kepada usahawan-usahawan kecil tempatan di kampung-kampung yang mana mereka pada hari ini, 10 tahun yang lalu begitu juga, hari ini pun begitu juga. Jadi mungkin dengan adanya usaha-usaha yang lebih agresif, contohnya, kalau hari ini dia nelayan yang bersifat tradisional, mungkin dalam tiga tahun, dia boleh menjadi nelayan yang konvensional yang boleh menjadi usahawan yang besar.

Ini yang kita ingin tahu, apakah langkah-langkah. Ini termasuk mungkin memberi pendidikan kefahaman kepada individu-individu tertentu yang telah kita kenal pasti di mana mereka, siapa yang kita boleh bangunkan. Contohnya di Kubang Pasu, 10 nelayan mahu kita jadikan jutawan, jadi siapa 10 orang ini? Di Kinabatangan, tiga orang usahawan pertanian yang boleh kita bangunkan, siapa tiga orang ini? Adakah langkah seperti ini dapat dilaksanakan oleh kementerian? Terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali ialah apabila kita hendak mewujudkan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu, pertama ialah kita mesti melibatkan golongan yang mempunyai ilmu dalam bidang pertanian, iaitu mereka-mereka yang mempunyai kelulusan dalam bidang-bidang pertanian untuk terlibat terus dengan pertanian. Malangnya, pada masa-masa yang lepas tidak banyak graduan-graduan dari institut pengajian tinggi yang terlibat dengan pertanian. Maka itulah, kita punya program-program agak gagal dan sebagainya, kerana pengetahuan yang tidak banyak. Sebab itu, di bawah Kementerian Pertanian melalui FAMA, baru-baru ini kita telah melancarkan kelab iaitu Kelab My Agrosis, di mana kita melibatkan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi dan peruntukan sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan untuk mereka-mereka yang terlibat dengan program-program ini yang melibatkan semua pelajar di institusi pengajian tinggi.

Baru-baru ini, saya telah melancarkan di Institut Pertanian di mana ada graduan daripada institut-institut ini telah diberi sebanyak RM30 ribu untuk memulakan tanaman sayur dan sebagainya, ini di peringkat permulaan. Selain daripada itu juga, di bawah Agrobank, kita mempunyai banyak pinjaman-pinjaman yang telah diluluskan.

■1040

Di bawah EPP 4, 7, 8 dan 12 kita mempunyai peruntukan sebanyak RM55 juta dan di bawah skim ini bagi tiada penjamin yang diperlukan sekiranya pemohon ini adalah daripada individu atau daripada kelompok-kelompok. Jadi, maknanya ini pinjaman mudah. Selain

daripada itu juga kita telah baru-baru ini di bawah pinjaman Agrobank juga kita telah meluluskan RM10 juta lebih untuk mereka-mereka yang terlibat dengan penternak iaitu yang telah terlibat selama dua tahun sekurang-kurangnya boleh membuat pinjaman tanpa cagaran sebanyak RM300,000. Ini akan dikeluarkan sekarang ini.

Selain daripada itu juga, melalui nelayan kita ada Program Transformasi Nelayan iaitu untuk *upgrade* nelayan-nelayan pantai ini untuk mendapat *vessel* yang lebih besar, di mana kita menggalakkan mereka menubuhkan syarikat dan pinjaman yang dibagi ialah sebanyak RM100,000 kepada setiap orang itu dan maksimumnya adalah RM500,000. Ini adalah program-program yang dilaksanakan untuk nelayan. Banyak lagilah program selain daripada khusus dan galakan yang kita sediakan. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Makanan ini bukan sahaja disebut beras, sayur-sayuran dan seumpamanya tetapi juga kuih-kuih. Jadi negara kita Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mampu menjadi pengeksport makanan yang hebat di dunia sebab sekarang ini kita tengok banyak eksport *frozen food* telah pun menembusi pasaran di Timur Tengah. Sehubungan dengan itu sebagaimana dengan Yang Berhormat sedia maklum Kelantan adalah sebuah negeri yang cukup berpotensi dari segi pengeluaran makanan, sebabnya bahan-bahan mentah banyak dan kreativiti rakyat Kelantan terutamanya wanita Kelantan dengan menghasilkan berbagai-bagai jenis makanan. Sebut sahaja nama-nama pun pelik, ada dinamakan 'tahi itik' pun ada, 'lompat tikam'...

Seorang Ahli: 'Talam dua muka'

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya, 'talam dua muka' sebelah sini. [*Ketawa*] Macam-macam kuih. Jadi, termasuk yang terbaru macam makanan martabak Raja. Ini boleh dijadikan makanan segera seperti burger dan seumpamanya. Soalnya walaupun kementerian bagi macam-macam pinjaman tetapi dari segi *hands on* untuk melatih mendidik dan memastikan membantu usahawan ini bukan sahaja dari segi peringkat pengeluaran sampai kepada pemasaran. Bukan setakat bagi pinjaman sahaja dan pinjaman pun kadangkala *'hidup segan mati tidak mahu.'* Hendak kata cukup tidak cukup, hendak kata tidak cukup, cukup.

Jadi sebab itu saya hendak tanya apakah rancangan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ada rancangan khususnya hendak fokus di Kelantan seperti KADA. KADA ini daripada dahulu sampai sekarang tumpu tanam padi sahaja. Kenapa tidak KADA digalakkan membuat kajian bersama-sama dengan MARDI dibangunkan usahawan makanan ini secara hiliranlah, *downstream activity* dan program-program seperti martabak Diraja ini boleh dijadikan bahan eksport. Maknanya baru kita berjaya bukan setakat bagi pinjaman. Bank mana-mana pun bagi pinjaman, tetapi ini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani *hands on* untuk menentukan usahawan kita berjaya dalam berbagai-bagai-bagai bidang pengeluaran makanan. Sekian, terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat di atas perkara yang dibangkitkan. Memang kita mempunyai bahagian IET dan juga MARDI yang selalu memberi khidmat nasihat kepada pengusaha-pengusaha yang menghasilkan bahan-bahan makanan yang berasaskan pertanian iaitu seperti *packaging*, kita memberi nasihat dari segi *packaging*, teknologi-teknologi yang kita perkenalkan. Umpamanya sekarang ini dodol. Dodol kalau di Kedah dahulu, kalau kita pergi ke Pekan Rabu kita beli dodol, untuk orang buat dodol ini ia mengambil masa 24 jam. Akan tetapi sekarang dengan teknologi yang ada di MARDI dalam masa 25 minit sahaja kita boleh buat dodol yang mempunyai cita rasa sama. Rasa yang sama seperti dodol yang lain yang telah diproses begitu lama, masa dua, tiga tahun dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dodoi atau dodol?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Dodol. Kedah kata dodoi. Johor dodol. *[Ketawa]* Jadi, berkenaan dengan *packaging* sekarang ini kita membantu dalam usaha pemasaran iaitu di bawah FAMA dan juga dari segi pensijilan dan pengiktirafan *Malaysia Best* yang kita keluarkan oleh FAMA untuk membantu memasarkan produk-produk pertanian. Ini keluar peringkat antarabangsa. Sebenarnya memang sudah ramai yang Dato' Ibrahim Ali kata itu ialah di peringkat kampung. Macam di peringkat kampung saya pun banyak lagi yang masih menggunakan cara lama dan sedikit demi sedikit melalui agensi kita, melalui KADA, FAMA dan MADA sedang kita memberi didikan dan juga resipi-resipi baru kepada mereka ini untuk menghasilkan produk-produk yang lebih baik.

Umpamanya macam belacan. Kalau kita tengok ramai orang buat belacan tetapi kita hendak belacan yang terbaik di Tanjung Dawai. Sekarang pengusaha-pengusaha belacan ramai. *So*, sekarang ini kita hendak gabung semua pengusaha belacan ini supaya dapat menghasilkan belacan yang lebih baik dengan *packaging* yang lebih baik, mungkin boleh dieksport dan sebagainya. Jadi, itulah usaha yang sedang dijalankan oleh pihak kerajaan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadilah belacan pun belacanalah. *[Ketawa]*

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Jadi Dato' Mahfuz pun makan belacan juga, bukan? *[Ketawa]*

4. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:-

- (a) bilakah Akta Perkahwinan dan Penceraian akan dipinda supaya menambahbaikkan perlindungan kepada kanak-kanak dari segi pemberian nafkah; dan
- (b) nyatakan jumlah kes penceraian setiap tahun bagi tahun 2000-2011.

Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Sei Kie]: Tuan Yang di-Pertua, bidang kuasa berhubung Akta Memperbaharui

Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976, Akta 164 adalah di bawah Jabatan Pendaftaran Negara. Sehubungan itu kementerian akan berunding untuk mengadakan satu sesi dengan *stakeholders* bagi mendapat sebarang cadangan penambahbaikan kepada Akta 164 bagi maksud perlindungan kanak-kanak dari segi pemberian nafkah.

Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berpandangan bahawa penguatkuasaan nafkah kepada isteri atau bekas isteri dan anak-anak boleh dilaksanakan melalui Akta Perempuan Bersuami dan Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968, Akta 356. Ini kerana Akta 356 ini telah memberikan kuasa kepada mahkamah di bawah seksyen 4 Akta 356 untuk membuat perintah tahanan pendapatan suami bagi maksud pembayaran nafkah kepada isteri dan anak-anak. Akta 356 ini telah diguna pakai di mahkamah-mahkamah di Semenanjung Malaysia termasuklah Mahkamah Syariah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah kes penceraian yang dicatatkan dari tahun 2000 hingga 2011 adalah sebanyak 354,750 kes iaitu 293,258 kes yang melibatkan pasangan yang beragama Islam. Manakala sebanyak 61,492 kes pula melibatkan pasangan bukan Islam. Sekian, terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kita semua memang tahu bahawa akta ini di bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri. Akan tetapi sekali lagi kementerian yang mewakili kepentingan wanita dan kanak-kanak juga adakan komitmen kerana memang bekas Timbalan Menteri Kementerian ini pun pernah mengatakan bahawa kementerian ini akan melibatkan diri dalam meminda akta ini.

■1050

Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri dalam akhbar pun mengatakan bahawa memang akta pada waktu sekarang tidak cukup dan perlu dipinda.

Akan tetapi saya tidak melihat komitmennya untuk membawa pindaan ini. Jadi saya hendak bertanya adakah Akta 356 yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada ia cukup untuk memberikan perlindungan. Sekiranya tidak mencukupi, apakah yang boleh dibuat oleh kementerian ini yang mewakili kepentingan kanak-kanak, wanita dan keluarga? Bilakah ia akan ditambah baik? Sekian, terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Kementerian ini memang bersetuju bahawa akta memperbaharui undang-undang iaitu Perkahwinan dan Perceraian tahun 1976 iaitu suatu akta yang telah pun digubal lebih kurang 36 tahun yang dahulu mengikut keadaan sosioekonomi pada masa itu, sudah tiba masanya untuk dipinda mengikut keadaan semasa.

Sehubungan dengan itu, sejak tahun lepas iaitu pada awal tahun lepas, kementerian telah pun mengkaji semula isu ini. Kini kita dalam proses berunding dengan Kementerian Dalam Negeri untuk membuat pindaan iaitu supaya nafkah anak ini diteruskan iaitu sehingga 18 tahun ataupun tamat pengajian mengikut yang mana yang terkemudian. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya perlu beri kepada wanita. Yang Berhormat Batang Sadong.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada kementerian, kalau kita mendengar tadi daripada segi jawapan kementerian mengatakan perbincangan melibatkan *stakeholders*, apa yang merisaukan kita sekarang Tuan Yang di-Pertua, semakin banyak kes kehilangan kanak-kanak dan ada juga yang *orchestrated case*, dengan izin. Selain daripada itu juga daripada segi kes perceraian. Saya hendak tahu apakah perancangan ataupun strategi pihak kementerian untuk membawa seramai yang boleh untuk melibatkan diri dalam membantu kita menangani masalah-masalah seperti ini.

Misalnya kalau kita menyebutkan perkara seperti dengan izin, *stakeholders* kita, *stakeholders* itu melibatkan ramai pihak. Jadi kita hendak tahu apakah strateginya sebab ia melibatkan institusi keagamaan, ia melibatkan institusi kekeluargaan dan juga pihak-pihak yang lain daripada segi institusi pengajian tinggi juga. Mungkin ini hanya melibatkan perkara yang tersirat, yang tidak nampak bahawa kita hendak menghala kepada menyelesaikan masalah sosial. Ini di antara masalah-masalah sosial yang perlu kita tangani. Jadi, saya hendak tahu apakah pelan tindakan pihak kementerian? Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong atas soalan tambahan yang dinyatakan. Tuan Yang di-Pertua, *stakeholders* yang dimaksudkan, yang dilibatkan dalam menangani isu-isu yang berbeza adalah berbeza mengikut mereka yang berkepentingan. Jadi, berkenaan dengan isu kanak-kanak ataupun wanita, kita akan melibatkan bukan sahaja semua agensi kerajaan malahan NGO's juga masyarakat umum dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan boleh? Ini wanita juga, ya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Dengan syarat jangan ada hal politik nanti. Kecoh, lagi lambat. Sekarang baru soalan keempat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, saya hendak cepat tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sementara menunggu kementerian berunding, mengkaji akta ini sebab sudah lama kita bangkitkan keperluan meminda akta ini dan NGO wanita juga telah menyeru pindaannya khasnya kelemahannya dalam menguatkuasakan perintah mahkamah.

Apakah sementara mengkaji dan berunding dengan kementerian yang lain, pihak kementerian boleh mempertimbangkan untuk mengadakan satu bahagian sokongan keluarga seperti yang ada dalam Jabatan Kehakiman Syariah yang mana wanita-wanita dan anak-anak

mereka yang dalam proses perceraian ataupun selepas perceraian, mereka menghadapi masalah sara hidup atau untuk mendapatkan nafkah daripada bekas suami yang tidak bertanggungjawab ini? Bolehkah sementara menunggu proses perundingan dan mengkaji ini, sediakan kemudahan ini bagi membantu golongan bekas isteri dan anak-anak ini?

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi wanita yang menghadapi masalah dalam kes perceraian, mereka sebenarnya boleh merujuk ataupun mendapatkan bantuan daripada bantuan guaman ataupun *Bar Council*.

Kedua, bagi nafkah, bagi bantuan untuk menanggung nafkah, sebenarnya pertama sekali mereka boleh merujuk kepada JKM dan yang kedua, mulai tahun lepas sebenarnya sebanyak RM50 juta telah pun diperuntukkan di bawah Jabatan Guaman Negara untuk memberikan bantuan yang sedemikian kepada wanita dan anak-anak yang menghadapi masalah tersebut, sementara menunggu untuk kes perceraian yang berhubung dengan nafkah itu diselesaikan. Sekian, terima kasih.

[Soalan 5 – Yang Berhormat Kalabakan tidak hadir]

6. Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang] minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) rancangan kementerian untuk membina Hospital Daerah Rembau seperti mana yang dijanjikan ketika Pilihan Raya Umum Kedua Belas yang lalu; dan,
- (b) bilakah pembinaan dijangka bermula dan jangkakan kos yang terlibat dan nisbah doktor berbanding pesakit.

Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Kesihatan telah memulakan perancangan bagi membina Hospital Rembau dalam *rolling plan* pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh. Hospital Rembau ini akan dibina di atas tapak seluas 45 ekar yang terletak di mukim Chembong dengan kapasiti 76 buah katil yang akan menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada pesakit luar dan pesakit dalam serta mempunyai kemudahan perubatan lain seperti yang terdapat di hospital daerah tanpa pakar yang lain. Hospital Rembau juga akan dilengkapi dengan kemudahan satu bilik pembedahan dan menyediakan ruang tambahan bagi sebuah lagi bilik bedah tambahan bagi menampung keperluan pada masa akan datang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rembau. Sebenarnya beliau telah pun banyak memperjuangkan pembinaan hospital ini dan dapat dipercepatkan sehinggakan beliau berkali-kali berjumpa saya dan juga berjumpa dengan Perdana Menteri untuk dapat kita melaksanakan hospital ini dengan secepat

mungkin. Pembinaan Hospital Rembau ini akan dilaksanakan secara berfasa yang melibatkan kerja-kerja tanah dalam fasa pertama dan fasa kedua, pembinaan bangunan. Kos projek dianggarkan berjumlah RM122.6 juta. Bagi fasa pertama, pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) telah mengiklankan tender pada 27 Februari 2012 dan tender telah ditutup pada 27 Mac 2012 dan kerja-kerja tanah akan bermula pada awal bulan Mei dan mengambil masa selama empat bulan. Sementara itu, tender bagi fasa dua untuk pembinaan bangunan akan ditender pada penghujung bulan Mei.

Mengikut perancangan Hospital Rembau akan mempunyai enam buah wad termasuk wad lelaki, wad perempuan, wad kanak-kanak, wad bersalin, wad *geriatric* dan wad rehabilitasi. Fasiliti-fasiliti lain termasuk untuk perkhidmatan pesakit luar, unit kecemasan dan forensik, unit rawatan harian, jabatan x-ray, makmal dan sebuah dewan bedah. Hospital Rembau akan menerima perkhidmatan lawatan pakar-pakar dari Hospital Tuanku Jaafar Seremban yang akan turut memantau perkhidmatan *geriatric* dan rehabilitasi secara berkala. Hospital Rembau dijangka akan mempunyai pegawai perubatan, doktor seramai 10 sehingga 12 orang. Sekian, terima kasih.

■1100

Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berterima kasih dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri yang begitu *detail* sekali, hanya semenjak ia dimaklumkan pada tahun 2008 dan juga kawasan pun telah ditentukan, sewaktu itu dengan papan tanda siap dengan papan tanda dan kawasan telah pun di pagar tadi. Saya hanya menyoal perkara ini adalah kerana perkara ini telah memakan begitu lama untuk dilaksanakan dan ditanya-tanya oleh rakyat Rembau apakah ini satu rancangan yang telah pun dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sewaktu itu sebagai satu cadangan politik. Akan tetapi, *alhamdulillah* oleh kerana rancangan ini akan diteruskan maka saya hanya ingin tahu mengikut jadual bilakah hospital ini akan siap dan boleh digunakan. Secara keseluruhan kelengkapan yang disebutkan tadi disediakan dan mengikut perbelanjaan yang diperuntukkan iaitu RM122 juta, terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Memang hospital ini telah pun dirancang pada tahun 2008 dan mempunyai perancangan untuk membina melalui PFI tetapi kerana kesuntukan kewangan, maka ia dimasukkan dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kita telah pun dapat mendahulukan projek komitmen, komitmen-komitmen telah dibuat untuk melaksanakan projek ini dan mengikut perancangan apabila hospital ini dapat ditenderkan pada hujung bulan Mei ini, maka kita boleh mulakan projek pada tahun ini dan ia akan siap dalam masa tiga tahun untuk kita membolehkan hospital ini dapat berfungsi dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana meluluskan peruntukan untuk membangunkan Hospital Rembau. Yang Berhormat Menteri, Hospital Besar Seremban sekarang ini sudah penuh dan tidak ada lagi untuk kita

besarkan hospital tersebut. Oleh kerana hospital baru ini tidaklah berapa jauh di antara hospital besar dengan hospital yang baru, saya mencadangkan kalau boleh di atas persetujuan Yang Berhormat supaya sebahagian daripada rawatan-rawatan pakar dibangunkan di Hospital Rembau supaya membolehkan rawatan pesakit-pesakit yang memerlukan tenaga pakar ini, kita pindahkan di hospital yang baru.

Ini sudah tentu akan memberikan lebih keselesaan kepada pengguna-pengguna yang sedia menggunakan Hospital Besar Seremban. Sehubungan dengan itu, keperluan pelajar-pelajar kita dalam bidang perubatan, saya mencadangkan supaya kementerian menawarkan tempat latihan yang khusus kepada pelajar-pelajar di mana-mana universiti di dalam negara kita untuk dijadikan sebagai tempat latihan pelajar-pelajar fakulti perubatan.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Saya memang amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Jempol kerana Hospital Rembau ini sebagai hospital daerah dan tanpa pakar. Akan tetapi memandangkan jaraknya agak dekat dengan Hospital Seremban dan kita boleh menghantar doktor pakar kita untuk membuat lawatan berjadual ataupun mengadakan penetapan pakar. Oleh itu, kita telah pun menetapkan Hospital Rembau ini akan kita menguruskan doktor pakar geriatric dulu. Geriatric sebab itu kita ada rawatan geriatric di Hospital Rembau dan dari semasa ke semasa kita akan menambahkan bilangan *specialty*. Apabila bilangan kepakaran meningkat kepada enam bidang, kita boleh menghantar *houseman* kita, semua *houseman* perlu mempunyai panduan dan bimbingan doktor-doktor pakar dan hanya boleh dilakukan di hospital-hospital pakar sahaja. Oleh itu, hospital daerah tanpa pakar memang tidak boleh melakukan *houseman training* di hospital daerah dan Hospital Rembau ini kita akan meningkatkan keupayaannya dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Lain kalilah Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini yang bersangkutan paut dengan soalan ini sahaja.

Tuan Pengerusi: Hal Negeri Sembilan...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Pembinaan...

Tuan Yang di-Pertua: Rembau Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Pembinaan...

Tuan Yang di-Pertua: Lain kali.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Pembinaan klinik kesihatan itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Lain kali Yang Berhormat.

7. **Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah status dan perkembangan hasil inovasi akar umbi yang berjaya dikenal pasti oleh pihak Kementerian semasa menjalankan Jejak Inovasi pada tahun 2011.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 2011 Jejak Inovasi telah dijalankan di negeri Melaka, zon pedalaman Sabah dan bahagian Mukah Sarawak. Sebanyak 17 hasil inovasi telah direkodkan di Melaka, 12 produk di zon pedalaman Sabah dan 12 produk di bahagian Mukah Sarawak. Secara keseluruhannya 41 inovasi akar umbi tempatan telah berjaya didokumentasikan sepanjang tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9 produk inovasi telah dikenal pasti oleh Jawatankuasa Pengkomersilan dan Pelaburan, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) untuk dibangunkan melalui Program Inkubasi.

Bagi produk pertama iaitu Tuhau, peruntukan sebanyak RM100,000 telah diluluskan di bawah InnoFund MOSTI dan diperuntukkan kepada Technology Park Malaysia (TPM) bagi tujuan menambahbaikkan kaedah pembuatan untuk pengkomersilan produk. Bagi produk kedua, ketiga dan keempat iaitu *smart water trap*, RPS, *fire nozzle* dan *jack hang door* ketiga-tiga produk ini telah disenarai pendek oleh Cradle Fund Sdn. Bhd. bagi tujuan pengkomersilan. Selain itu YIM juga sedang membantu inkubator bagi ketiga-tiga projek ini bagi menyiapkan kertas permohonan dana kepada Cradle Fund Sdn. Bhd. Produk kelima iaitu mini hidro elektrik yang dibangunkan oleh Encik Abdul Hamid Jasmin dari Limbang Laut Sabah telah di naik taraf dan diberi penambahbaikan kepada infrastruktur sedia ada. Produk keenam yang merupakan *bamboo saxophone* telah dimasukkan ke dalam *fast track* ataupun lorong laju bagi tujuan pengkomersilan oleh YIM.

Manakala bagi projek ketujuh, kelapan dan kesembilan iaitu mesin pelera padi, serbuk minuman halia, penuai padi daripada pemotong rumput, kesemua produk ini bersekali dengan produk-produk yang telah saya nyatakan tadi telah dikenal pasti oleh MOSTI dan YIM bagi tujuan inkubasi. Selain enam projek yang saya sebutkan tadi, pihak Cradle Fund Sdn. Bhd. yang turut serta dalam Program Jejak Inovasi juga telah menyenaraikan produk-produk yang berpotensi untuk dikomersialkan seperti kolam hibrid dan *hydro fuel*. MOSTI dan YIM sedang dalam proses ke arah pengkomersilan produk-produk tersebut.

MOSTI dan YIM juga sedang membantu menghebahkan penemuan Jejak Inovasi serta memberikan peluang kepada masyarakat untuk mempelajari serta mengiktiraf ciptaan pereka cipta akar umbi melalui pendedahan di pameran, persembahan, saluran media cetak dan multimedia. Maklumat dan video produk Jejak Inovasi telah dimuat naik ke pangkalan data produk akar umbi iaitu di www.yim-inobank dan kompilasi produk juga telah *didelete* sebagai penerbitan untuk edaran ke perpustakaan dan pusat-pusat komuniti tempatan.

Program Jejak Inovasi ini akan diteruskan sepanjang tahun 2012 bermula pada 3 hingga 5 Mac di Daerah Temerloh Pahang baru-baru ini dan akan melibatkan 13 buah negeri

dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. MOSTI berharap dengan perkembangan positif terhadap produk-produk inovatif ini akan dapat merangsang lebih ramai individu untuk menghasilkan produk inovasi daripada golongan akar umbi, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak mengucapkan tahniah kepada MOSTI, rupanya banyak yang sudah dijejaki inovasi di seluruh negara ini. Cuma saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, setakat ini fokus Jejak Inovasi ini di mana, sama ada di bandar, di pinggir bandar, desa dan sebagainya. Maknanya fokus itu di mana, menjejaki inovasi dan mengangkat martabat mereka?

■1110

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh biarlah – saya datang daripada kampung lebih fokus kepada luar bandar supaya segala inovasi itu dapat ditingkatkan dan bagaimana Technology Park Malaysia (TPM) boleh membantu mereka yang bergiat di luar bandar ini ditingkatkan supaya menjadi lebih berdaya maju dan memberi peluang pekerjaan yang besar kepada masyarakat di luar bandar. Kalau boleh biarlah perkara ini disensasikan supaya rakyat tahu tentang usaha yang dibawa oleh kerajaan dan jemput juga datang ke Ledang. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. *Insyah-Allah* bila sampai tempoh untuk program di negeri Johor nanti kita akan singgah di Ledang. Terima kasih di atas sokongan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program sokongan yang kita jalankan ialah menjalankan penilaian teknikal kepada produk yang dihasilkan sama ada oleh individu mahupun komuniti. Dalam menyelaras bantuan teknikal, apa yang kita lakukan ialah kita memberi khidmat nasihat. Kita akan memberi *mentoring* ataupun *coaching* dengan izin, kita akan membuat produk *refinement*, kita akan membuat *workshop* untuk membuat *business* dan *marketing plan*, dan kita juga akan membina *business model* untuk strategi dan hala tuju perniagaan untuk komuniti ataupun masyarakat yang telah berjaya tadi.

Dalam usaha untuk mengkomersialkan inovasi akar umbi, kita telah menubuhkan jawatankuasa di peringkat kementerian. Pertamanya, untuk menilai produk-produk berdasarkan hasil daripada cantuman pakar-pakar yang ada untuk melihat bagaimana kita dapat meningkatkan produktiviti hasilan mereka sama ada dari segi pemprosesan produk, mekanisasi, penghasilan produk pensijilan dan piawaian, penjenamaan termasuk juga pembungkusan. Setelah itu kalau mereka layak, maka mereka akan diberi InnoFund, dana untuk membangunkan produk mereka. Untuk makluman bagi individu dalam InnoFund kita sediakan ialah RM50,000 dan kalau untuk komuniti ataupun syarikat ialah RM500,000 dengan syarat mereka akan layak di bawah Program InnoFund tersebut.

Selain daripada itu, kita juga akan membantu membuat *packaging* dan *branding* melalui agensi-agensinya kita termasuklah SIRIM dan yang saya katakan tadi kita, menjalankan kalau

komuniti itu ataupun produk mereka hendak dikembangkan lagi. Mereka boleh gunakan kemudahan inkubasi sama ada di Technology Park Malaysia di mana banyak program kita jalankan termasuklah *testing* hasil mereka dan sebagainya. Selain daripada itu juga kita bekerjasama dengan *Centre for Entrepreneurship and SME Development* di UKM di bawah Pengarah Fakulti Pembangunan Ekonomi iaitu Professor Dr. Fauzi untuk menyediakan inkubasi pada masyarakat untuk membangunkan produk mereka. Itulah dua inkubasi yang kita wujudkan di Technology Park Malaysia dan juga di UKM, seperti yang saya katakan tadi. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, cabaran terbesar kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ialah menterjemahkan antara lain hasil penyelidikan kepada peringkat pengkomersialan. Dana untuk penyelidikan cukup besar, dana untuk menterjemahkan hasil itu menjadi usaha komersial juga besar. Ada yang berjaya, ada yang tidak termasuk melalui penubuhan syarikat ya. Salah satu yang tidak begitu menjadi ialah NineBio Sdn. Bhd. ya. Walaupun dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun itu diperuntukkan dana yang besar dan *disbursement* sudah diberikan kepada NineBio tetapi akhirnya keputusannya ialah kerajaan buat keputusan untuk tutup kedai NineBio ini ya.

Soalan saya ialah apakah sebab kegagalan penubuhan syarikat ini yang mempunyai objektif yang cukup cantik. Siapakah yang bertanggungjawab dan bagaimana berlaku terhadap usaha peruntukan atau geran yang besar yang mencecah ratusan juta yang telah diguna pakai setakat ini? Apa pengajaran kementerian boleh ambil daripada kegagalan syarikat ini?

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya kira soalan ini lari daripada soalan pokok kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ledang. Keduanya, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang sepatutnya ditujukan kepada Kementerian Kewangan sebab itu lebih kepada penubuhan sesebuah institusi. Dalam konteks R&D memang benar. Dana yang kita wujudkan lebih kepada tanggungjawab Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ialah untuk kita melakukan *research development* dan setakat ke pra-pengkomersialan. *Pre-commercialization*, itu dana yang kita uruskan.

Selepas, pengkomersialan maka ia akan diserahkan kepada satu lagi unit iaitu Agensi Inovasi Malaysia yang telah kita wujudkan di mana aktanya telah kita luluskan tahun yang lepas. Maka, di situlah fokus yang akan diberi tumpuan. Jadi, kita membangunkan kepada *basic fundamental research* untuk dibawa ke tahap *prove of concept*. Jadi, bila *prove of concept* itu sudah tercapai maka kita akan serahkan kepada AIM ataupun agensi yang lain yang ada mewujudkan dana pengkomersialan. Jadi, merekalah yang akan membawa perkara ini kepada market ataupun kepada pasaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[soalan No. 8 - Y.B. Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera) tidak hadir]

Datuk Matulidi Jusoh [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya panjangkan soalan, izinkan saya untuk memaklumkan seramai 40 orang daripada Ahli-ahli

Cawangan UMNO dan juga JKKK Kampung Teratai, DUN Sura, Parlimen Dungun ke Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

9. Datuk Matulidi Jusoh [Dungun] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan tindakan bersepadu yang akan diambil bagi menangani eksploitasi anak yatim dan pelajar pusat tahfiz berdaftar dan tidak berdaftar dalam aktiviti mengutip derma dan menyatakan tindakan kerajaan terhadap pemungut derma lainnya seperti di hentian rehat lebuhraya dan bank-bank.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius akan kes yang melibatkan eksploitasi kanak-kanak dalam aktiviti mengutip dana atau meminta sedekah dengan berselindung di sebalik nama institusi atau rumah anak yatim. Sehubungan itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat sebuah agensi di bawah kementerian menjalankan operasi dari semasa ke semasa untuk menyelamatkan kanak-kanak yang menjadi mangsa eksploitasi untuk mengutip dana ataupun meminta sedekah di tempat awam.

Bagi menangani isu eksploitasi kanak-kanak yang digunakan untuk mengutip dana atau meminta sedekah secara lebih berkesan, kementerian telah mengadakan perbincangan antara agensi pada 2 Ogos 2011. Perbincangan ini melibatkan pihak Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara persetujuan yang dicapai ialah mengadakan operasi secara bersepadu dengan kerjasama semua agensi terbabit.

Apabila operasi bersepadu dijalankan, kanak-kanak akan diselamatkan berdasarkan kepada perenggan 17(1)(k) Akta Kanak-kanak 2001 dan ditempatkan di tempat selamat. Manakala mereka yang mengeksploitasikan kanak-kanak pula akan ditahan, disiasat dan didakwa di bawah seksyen 32 akta yang sama, yang mengenakan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang diselamatkan pula perlu menyempurnakan bon dengan perintah mahkamah bagi kanak-kanak di bawah perenggan 30(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 (b) bagi memastikan mereka menjalankan pemeliharaan dan penjagaan diberi bantuan yang sepatutnya demi kesejahteraan anak mereka.

■1120

Kementerian melalui JKM turut bekerjasama juga dengan Projek Lebuhraya Utara Selatan Berhad (PLUS) dalam usaha mencegah aktiviti terhadap pengutip dana atau pemungut derma di hentian lebuhraya di bawah kendalian syarikat tersebut. Dalam hal ini sebanyak dua kes yang melibatkan empat orang kanak-kanak telah pun di lapor dan diambil tindakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, selain itu pihak JAKIM telah pun meminta pihak berkuasa agama negeri untuk mengambil beberapa tindakan seperti berikut:-

- (i) penguatkuasaan secara bersepadu dipergiatkan lagi oleh pihak berkuasa agama negeri bersama dengan agensi kerajaan. Bagi menahan pihak-pihak yang mengeksploitasikan kanak-kanak;
- (ii) mendaftarkan sekolah-sekolah agama tahfiz dan anak yatim;
- (iii) memberi bantuan kewangan kepada pihak-pihak yang memerlukan;
- (iv) pemantauan dan pengawalan sekolah agama tahfiz dan rumah anak-anak yatim dari semasa ke semasa;
- (v) mengeluarkan larangan kanak-kanak sekolah agama dan anak yatim untuk mengutip derma dan membuat jualan amal;
- (vi) penyelarasan dalam mekanisme untuk memungut derma; dan
- (vii) publisiti dan kempen kesedaran agar masyarakat tidak mudah memberikan sumbangan kepada pihak-pihak yang tidak dikenali.

Sekian terima kasih.

Datuk Matulidi bin Jusoh [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri yang telah mengemukakan jawapan sebentar tadi. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan saya mengucapkan selamat datang kepada pelajar Sekolah Menengah Seri Perpatih, Negeri Sembilan dan mahasiswa mahasiswi UiTM. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kita akur dan kita akui dilaksanakan dalam negara kita. Masalah eksploitasi anak yatim dan pelajar tahfiz mengutip derma semakin menjadi-jadi, semakin serius. Malahan dua malam lepas pun saya berjumpa dengan kanak-kanak, pada saya kecil sangat, kasihan. Di hati kecil saya melihat bila bertanya, "*Daripada mana ini?*" Katanya daripada Kedah, kutip derma untuk sekolah.

Seolah-olah sebagai satu penganiayaan kepada anak-anak ini. Di lebuhraya oleh kerana saya di Terengganu datang ke Kuala Lumpur ini selalu singgah di lebuhraya di Temerloh. Berderet dua tiga empat orang ini pelajar-pelajar yang besar, yang saya sebut tadi yang kecil, ini yang besar juga mengutip derma. Kasihan, bila tanya, "*Sudah makan?*" Belum, kita mengajak dia makan. Apakah undang-undang yang ada dalam negara kita ini telah benar-benar memastikan pengutip-pengutip derma daripada sekolah tahfiz, daripada sekolah-sekolah agama terus berjalan ataupun dilaksanakan mengikut undang-undang?

Soalan tambahan saya, apakah langkah atau mekanisme yang kemas kini dan diselaraskan mengutip derma oleh anak yatim dan pusat tahfiz ini sebenarnya melalui proses yang terurus oleh sekolah berkenaan yang tidak menjejaskan imej sebagai sebuah negara Islam, negara kita? Sejauh manakah badan zakat yang ada pada setiap negeri atau negara kita memainkan peranan yang sebenarnya untuk memamatkan institusi ataupun pusat tahfiz atau sekolah ini diberi pembelaan yang sewajarnya kepada mereka? Kita tidak mahu lagi tengok

anak-anak kecil, remaja daripada sekolah anak yatim tahfiz masih lagi berleluasa di tempat-tempat tertentu dalam negara kita ini. Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Dungun yang begitu prihatin terhadap kebajikan dan kepentingan kanak-kanak. Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini usaha untuk membendung masalah ini secara berkesan adalah bergantung kepada usaha sama dan semua pihak. Misalnya tadi Yang Berhormat telah bertanya sama ada mekanisme ataupun sistem perundangan yang ada mencukupi untuk menangani masalah ini. Sebenarnya terdapat empat undang-undang yang boleh diguna pakai untuk menangani isu eksploitasi kanak-kanak bagi mengutip dana iaitu:-

- (i) Akta Kanak-kanak 2001 terutamanya di bawah seksyen 32;
- (ii) Akta Pungutan Rumah ke Rumah dan Di Jalan 1947;
- (iii) lebih berkenaan dengan isu yang dibangkitkan ialah untuk kau Muslim ialah di bawah seksyen 84 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan bersama dengan enakmen pentadbiran agama Islam negeri; dan
- (iv) Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran 2007.

Jadi untuk memastikan usaha-usaha bagi membendung masalah ini supaya berkesan saya menyeru kepada semua pihak supaya menggunakan mekanisme yang ada untuk membantu kementerian dan semua pihak ataupun kerajaan dalam usaha ini. Misalnya sekiranya Yang Berhormat mengesan ada terdapat anak yatim yang digunakan untuk membuat jualan amal atau mengutip derma di mana-mana kawasan. Bolehlah membuat panggilan serta-merta kepada talian Nur 15999 di bawah kementerian ini untuk membuat aduan. Pihak kami akan dengan segera akan menghubungi jabatan iaitu polis serta juga Jabatan Islam Negeri untuk membuat tangkapan yang segera. Sekian terima kasih.

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang Timbalan Menteri kalau kita balik melalui Lebuhraya PLUS. Tiap-tiap minggu saya balik setiap kali memang berjumpa. Stesen minyak, R&R dan juga bank ini tiga tempat yang menjadi tempat mereka mengutip dermalah. Jadi saya ingin bertanya, sebenarnya bantuan kepada anak yatim ini sebagai orang Islam memang, kalau kita usap kepala pun sudah dapat banyak mana rambut ada atas kepala itu banyak itulah pahala kita dapat. Tidak dengarkah? Maknanya apabila kita melihat anak yatim memang tidak sampai kita tidak beri. Akan tetapi kalau sekiranya terlalu ramai dan terlalu banyak dan saya dapati ini macam satu sindiket.

Misalnya di Yan, bukan di Yan di Kedah dahulu ada satu insiden yang berlaku menyebabkan sembilan orang mati daripada sekolah. Sekolah ini masih lagi mengadakan kutipan derma begini. *[Disampuk]* Dahululah sejak dahulu lagi. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah bantuan ataupun sumbangan yang pihak Jabatan Kebajikan

Masyarakat boleh berikan kepada sekolah-sekolah yang begini setelah mereka berdaftar selain daripada pejabat zakat, pejabat agama yang memberikan bantuan? Ini kerana mungkin mereka tidak cukup dana untuk memelihara anak-anak yatim tersebut. Sebab itulah kemungkinan mereka menggunakan anak-anak yatim ini untuk mendapat simpati orang ramai untuk mendapat sumbangan. Setakat pihak kementerian, Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh memberi bantuan kepada sekolah-sekolah sebegini? Terima kasih.

Datuk Heng Sei Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dibangkitkan. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi semua institusi kebajikan yang berdaftar dengan JKM. Mereka boleh memohon untuk dapatkan bantuan dari segi kos operasi institusi dan juga elaun makanan serta kos untuk pentadbiran dan sebagainya.

■1130

Jadi yang penting sekali ialah semua institusi ataupun rumah anak-anak yatim ini haruslah memohon untuk berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk tujuan pemantauan dan agar bantuan boleh disalurkan melalui prosedur dan mengikut peraturan seperti mana yang telah ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.30 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Jabatan Perdana Menteri menjawab dan diputuskan usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 2 April 2012”.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang terima kasih syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kedua Belas.” *[28 Mac 2012]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Rengas.

11.31 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Peraturan mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab...

Tuan Yang di-Pertua: Menteri, ada peraturan mesyuarat. Sila Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ada perkara yang begitu serius terhadap salah guna media dan sebagainya di mana saya ini mahu panduan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, apa peraturan mesyuaratnya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, sebut dulu peraturan mesyuarat mana?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut Peraturan Mesyuarat 40(1) dan pada masa yang sama saya mohon panduan dan nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua untuk memandu saya penggunaan peraturan mesyuarat yang betul dan saya juga nak katakan di sini bahawa kerana saya percaya Tuan Yang di-Pertua akan memandu saya. Saya ada satu surat khabar di sini di mana mereka yang menulis ini adalah di antara mereka yang telah melakukan kejahatan terhadap Parlimen ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mereka telah menghina Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu, duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 41 tak ada kena mengenai dengan peraturan mesyuarat sini. Jangan membazir masa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Batu, duduk dulu Yang Berhormat. Saya nak dengar apa yang dibangkitkan. Kalau tidak mengikut peraturan mesyuarat, saya nanti yang tentukan, Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat Padang Serai membangkitkan Peraturan Mesyuarat 41.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dan pada masa yang sama, saya juga mohon nasihat dan panduan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Di mana Ahli Yang Berhormat di Peraturan Mesyuarat 40(1) ini yang Yang Berhormat bangkitkan?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *"Setelah sesuatu masalah dikemukakan kepada Mesyuarat maka seseorang ahli boleh bangun di tempatnya dan menuntut mencadangkan usul "laitu masalah ini diputuskan sekarang" dan, jika pada fikiran Pengerusi usul itu tidak akan membawa peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat digunakan pada jalan yang salah atau melanggar hak-hak puak kecil maka masalah "laitu masalah ini diputuskan sekarang" hendaklah dikemuka bagi diputuskan dengan serta-merta dan diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas walaupun pencadang usul yang mula itu atau pencadang pindaan ke atas usul itu tidak ada peluang menjawab."*

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat 41?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: 40(1). Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya kemukakan di sini ialah...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tak ada usul pun.

Tuan Yang di-Pertua: 40(1)?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Menghina seorang Ahli Parlimen di dalam Dewan ini dan pada masa yang sama mereka yang menulis laporan itu...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tak relevan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Telah melakukan kegiatan yang paling jahat di mana Ketua Pembangkang sendiri dituduh...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tak relevanlah, buang masa sahaja.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mereka boleh melaporkan Ketua Pembangkang dituduh tidur dengan isteri Ahli Parlimen Gombak.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dia mabuk kah ataupun...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dan pada masa yang sama, Ketua Pembangkang punya video lucah pun sudah keluar.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Padang Serai, Ahli Yang Berhormat!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Pada masa yang sama Ketua Pembangkang...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Padang Serai!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dituduh meliwat bagaikan seorang peliwat siri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Padang Serai, Ahli Yang Berhormat!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk Ahli Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan-tuduhan ini lebih serius daripada yang dilaporkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mereka sengaja mahu aibkan Menteri di dalam Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ingkar arahan saya iaitu menyuruh Ahli Yang Berhormat duduk...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu bantuan dan nasihat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Keluar, keluar, rehat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang lain tolonglah.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tolong apa? *He can insult me like this, do you allow?*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh, saya belum dengar apa yang dihujah, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bila seorang ahli...

Tuan Yang di-Pertua: Jangan sama sekali Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh menuduh saya. Saya sudah cukup bersabar dalam mesyuarat ini.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya tidak tuduh pun Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak tuduh, apa itu Yang Berhormat? Tolong Ahli Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Boleh kita debat Yang Berhormat Permatang Pauh? Mari!

Tuan Yang di-Pertua: *And please also, be reasonable.*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kalau Tuan Yang di-Pertua gunakan dalam sidang Parlimen ini dituduh zina, liwat begitu, saya nak tanya Tuan Yang di-Pertua punya sikap apa?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sikap saya daripada dahulu lagi sampai sekarang konsisten. Saya tidak menyebelah kepada pihak mana-mana. Itu sudah menjadi budaya politik Dewan ini. Daripada dulu saya ingatkan, saya telah ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan melanggar peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Padang Serai, saya cukup sabar mendengar. Begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya cukup sabar, Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Permatang Pauh tidak boleh bersikap begitu kepada saya. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat terlampau patuh kepada peraturan mesyuarat, tolong, jangan peraturan mesyuarat itu disalahgunakan. Yang Berhormat Padang Serai, membangkitkan peraturan mesyuarat ialah ada kepincangan mesyuarat sewaktu bermesyuarat. Yang itu tidak ada kena mengena dan ini sebagai amaran kepada semua. Jangan bangkitkan peraturan mesyuarat yang tidak ada kena mengena yang mengganggu peraturan mesyuarat. Pada ketika itu apabila saya dapati, saya tidak kasi peluang lagi, saya rehatkan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu panduan dan nasihat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tidak relevan. Sudahlah!

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tak relevan, duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu, tidak payah campurlah Yang Berhormat Batu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat Padang Rengas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, sekali lagilah saya nak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur – pakai cermin mata biar nampak terang sikit. [Merujuk Yang Berhormat Ipoh Timur] Yang Berhormat Ipoh Timur mencadangkan agar kerajaan menubuhkan suruhanjaya untuk memastikan pilihan raya akan datang itu adalah bersih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan suruhanjaya yang lain bagi memastikan pilihan raya akan datang bersih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta mencelah sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini kerana Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sudah wujud sebagai sebuah suruhanjaya yang bebas dan berwibawa, yang mana sejak penubuhannya pada tahun 1957 sehingga kini, SPR telah menyempurnakan 12 pilihan raya umum (PRU) bagi Semenanjung dan Sabah. Manakala Sarawak, sebanyak 10 PRU Dewan Undangan Negeri telah dilaksanakan. SPR juga telah berjaya menjalankan 184 pilihan raya kecil sejak 3 Februari 1962 sehingga 6 Mac 2011. Pada SPR, tanggungjawab melaksanakan pilihan raya sama ada umum atau kecil telah dilaksanakan dengan baik dan kerajaan yang ditubuhkan setiap kali selepas PRU diadakan adalah merupakan kerajaan yang sah atau dengan izin, *legitimate government*.

■1140

Termasuk Yang Berhormat Bagan jadi Ketua Menteri Pulau Pinang itu pun *legitimate government*. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata lain semua pihak menerima keputusan pilihan raya tanpa mempersoalkan kesahihannya. Ini termasuklah PRU Ke-12 pada Mac 2008 yang menyaksikan pihak pembangkang telah memenangi 82 kerusi daripada 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan pada PRU Ke-12. Di samping menguasai pada ketika itu pemerintahan empat buah kerajaan negeri yang baru selain mengekalkan pemerintahan di negeri Kelantan. Sementara itu daripada 16 pilihan raya kecil yang diadakan selepas PRU Ke-12 pula, lapan daripadanya telah dimenangi pula oleh pihak pembangkang.

Namun demikian sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen semua pihak diberi ruang dan peluang untuk terlibat dalam mengemukakan pandangan dan cadangan penambahbaikan terhadap institusi SPR termasuk undang-undang dan peraturan-peraturan pilihan raya yang sedia ada. Justeru ditubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya bagi membincangkan penambahbaikan kepada proses pilihan raya agar lebih telus dan adil. Penubuhan Jawatankuasa ini sekali gus memperlihatkan bahawa sistem demokrasi negara masih wujud dan subur. Ini kerana Jawatankuasa Pilihan Khas ini merupakan sebahagian daripada kelangsungan dan kesinambungan tradisi demokrasi berparlimen yang telah sekian lama diamalkan di negara kita serta simbol dengan izin, *constructive engagement* iaitu permuafakatan yang membina di antara parti-parti politik yang mewakili satu suara rakyat Malaysia bagi membincang dan

mencari kata sepakat mengenai bentuk penambahbaikan yang perlu dilaksanakan sebelum dilaksanakan pada pilihan raya yang akan datang.

Tuan N. Gopalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, minta mencelah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta penjelasan. Ya, apa yang saya sebut dalam ucapan saya ialah satu *commission* kedua-dua parti Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat untuk memastikan bahawa PRU Ke-13 yang akan datang akan menjadi satu *election* yang bersih dan adil dan bukan semacam apa yang berlaku, bukan SPR tetapi itu hal yang lain.

Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai keputusan PRU Ke-12.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Selama hari ini tidak bersih kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau ada sistem yang adil mungkin Barisan Nasional sudah kalah dalam, sudah jatuh! Kerajaan sudah ditukar. Akan tetapi adakah benar oleh kerana ada tanda-tanda bahawa *election* akan datang sangat kotor?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tanda apa tanda?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita pun boleh lihat ucapan-ucapan yang sangat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Your old mentality* tidak habis-habis. *Change your mind!*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ugutan bahawa adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau kerajaan rela untuk mengumumkan bahawa selaras dengan pengumuman Malaysia akan menjadi *the best democracy in the world*. Bahawa kerajaan Barisan Nasional akan menerima apa-apa keputusan dalam *election* PRU dan tidak ada apa-apa ugutan, ada huru-hara, ada peristiwa 13 Mei dan lain-lain.

Tuan N. Gopalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan N. Gopalakrishnan [Padang Serai]: Saya sudah tunggu lama tadi Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya ingatlah kalau daripada segi hendak jaminan iaitu mana pihak mesti menerima keputusan, saya ingat Yang Berhormat tidak perlu hendak pertikai Barisan Nasionallah. Yang patut pertikai you sendirilah. *[Tepuk]* Sebab kadangkala mahkamah buat keputusan pun tidak mahu terima.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam *UMNO General Assembly*.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Akan tetapi ucapan tidak penting.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: DAP – *most undemocratic, autocratic!*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *Word's not important, deed's important.* Yang Berhormat pun tahu dalam pilihan raya lain 2008 dahulu, lima buah negeri. Ada masalah lima

buah negeri itu? Kita serah macam itu sahaja. Bermakna bahawa Barisan Nasional kita terima keputusan.

Tuan N. Gopalakrishnan [Padang Serai]: Itu lima negeri pun mana? Mungkin sudah tipu dalam pemilihan seperti yang mereka menipu dalam pemilihan PKR!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Menyampuk]*

Tuan N. Gopalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Keputusan yang dibuat oleh rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gopalakrishnan [Padang Serai]: Bagi pencelahanlah!

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya dengar alasan Yang Berhormat beri itu kalau pilihan raya kita ini adil dan saksama, Barisan Nasional akan kalah semua dan kumpulan ini hendak memerintah, itu budak Darjah 6 bagi tahu saya. Seorang Ahli Parlimen yang lama bagi jawapan yang kebudak-budakan Yang Berhormat. Malulah. Takkanlah cakap bodoh macam itu. Kalau adil dan bersih kita sudah menang. *I think too simplistic. You have been in Parliament more than 30 years.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya di sekolah lagi Yang Berhormat sudah ada di sini. Bagilah jawapan yang lebih. Orang ramai dok dengar ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita tahu bahawa ada kecacatan, kelemahan dalam sistem pilihan raya. Semua tahu. Dunia tahu kredibiliti SPR. Mana itu SPR ada kredibiliti.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Mana boleh bagi alasan kalau adil dan saksama. Jadi bermakna yang lima negeri menang tu adil? Bersih? Yang mana Barisan Nasional menang tidak adil? Ini budak-budak punya cakap. *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gopalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi ke Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan N. Gopalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri lama saya tunggu. Bagi pencelahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Serai duduklah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Ipoh Barat ingin mengetahui sama ada pilihan raya di Malaysia merupakan satu pilihan raya yang bebas, telus dan adil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR merupakan sebuah suruhanjaya yang bebas yang mana keputusannya tidak dipengaruhi oleh sesiapa pun bahkan dalam melaksanakan fungsi-fungsinya, SPR berlandaskan kerangka undang-undang yang sedang berkuat kuasa sekarang seperti berikut:-

- (a) Perlembagaan Persekutuan iaitu perkara 113 hingga 120;

- (b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- (c) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19);
- (d) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981;
- (e) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002; dan
- (f) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Ketelusan SPR dalam menjalankan pilihan raya boleh dilihat di pelbagai peringkat seperti ketelusan semasa proses penamaan calon, semasa tempoh berkempen, semasa hari pengundian, semasa proses pengiraan kertas undi dijalankan dan juga semasa mengisytiharkan pemenang bagi parti yang bertanding. SPR juga telah membuktikan kewibawaannya melalui pengendalian 12 pilihan raya umum semenjak tahun 1959 termasuklah PRU Ke-12 pada Mac, 2008.

Kesemua ini meyakinkan rakyat bahawa sistem pilihan raya yang diguna pakai sekarang adalah sistem yang berwibawa dengan izin, *credible election*, bebas dan adil.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini kerana keputusan-keputusan pilihan raya telah diterima secara sah dengan izin, *legitimate*, oleh semua pihak sama ada pihak kerajaan mahupun pihak pembangkang yang telah membawa kepada pembentukan kerajaan yang diiktiraf.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, celahan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Rantau Panjang membangkitkan isu mengenai kebebasan SPR dalam mengendalikan pilihan raya dan ketelusan daftar pemilih, undi pos serta semua parti politik diberi hak kebebasan media yang sama rata.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saranan tersebut turut menjadi sebahagian daripada cadangan dan syor yang telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya yang dianggotai oleh sembilan Ahli Dewan Rakyat termasuk tiga anggota daripada pembangkang dan ia telah pun diambil maklum serta dibincangkan di dalam Jawatankuasa tersebut. Sepuluh syor telah pun dibentangkan dalam laporan interim di Dewan Rakyat pada 1 Disember 2011 dan dipersetujui sebulat suara oleh semua Ahli. Namun masih terdapat perkara-perkara yang belum boleh dipersetujui bersama yang mana perkara-perkara tersebut akan dipertimbangkan kelak. Walau bagaimanapun ketetapan jawatankuasa mengenai hal-hal tersebut akan dimasukkan ke dalam laporan akhir nanti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara-perkara yang dipersetujui untuk diangkat untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini adalah perkara-perkara yang dikenal pasti sebagai khusus, penting dan perlu disegerakan untuk tindakan dan pelaksanaan oleh pihak SPR, badan-badan dan agensi yang berkaitan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai bangun Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini saya gunakan Peraturan Perlembagaan. Peraturan Mesyuarat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Ya, peraturan yang mana Yang Berhormat?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Peraturan mesyuarat lagi?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Peraturan Mesyuarat 35(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta Yang Berhormat Menteri membenarkan saya untuk bercakap. Mencilah! Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Tidak *relevant* Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *I think* Yang Berhormat Padang Serai, *control yourself*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soal untuk mendapatkan celahan, ia bergantung kepada Yang Berhormat Menteri. Ya, sila Yang Berhormat Batu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kenapa Pakatan Rakyat sudah ugut sama Yang Berhormat Menteri kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan isu pilihan raya ini kita tidak pernah untuk mempertikaikan *legitimacy*. Saya agak *legitimacy* itu diakui oleh semua pihak. Dalam isu kita untuk mempertingkatkan ketelusan untuk...

■1150

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Eh, Yang Berhormat Batu, ketelusan itu ada wujudkah dalam pemilihan PKR?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Untuk mempertingkatkan nilai-nilai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: 160 pertuduhan sudah pun dilemparkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, duduk Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sudah diberi kepada Ketua Pembangkang tetapi tidak ada apa-apa tindakan daripada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apa guna mereka datang ke sini dan katakan tentang ketelusan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Keluarkan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Beberapa Ahli: Halau, halau.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Banyak kali buang masa, buang masa.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Seperti konsep yang *pursue for the excellent*. Ini tidak ada penghujungnya. Saya agak kita di Dewan ini, kedua-dua pihak bersetuju ada kepincangan, ada masalah yang harus ditangani. Saya ingin mendapat penetapan kalau Dewan ini komited kepada satu...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Carilah ketelusan dalam parti dahulu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Satu proses untuk membaik pulih dan mempertingkatkan ketelusan dalam sistem pilihan raya ini, kita ingin dapat komitmen daripada SPR dan juga kerajaan supaya perkara-perkara ini dapat diperbetulkan sebelum kita mengadakan satu lagi pilihan raya. Bukan isu kita mempersoalkan legitimasi. Kita hanya ingin tunjukkan Malaysia mempunyai keupayaan untuk membaiki dan juga mempertingkatkan taraf demokrasi dan ketelusan kewibawaan sistem pilihan raya kita.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya tidak ada masalah dengan apa Yang Berhormat bangkit. Sememangnya *in pursue of excellent*, ia tidak ada hadnya. Kita akan sentiasa sebab itu... [*Dewan riuh*] Ini tidak *excellent* wakil rakyat ini. [*Ketawa*] *It is not excellent MP*. Minta Ketua Pembangkang tolong. [*Dewan riuh*] Kalau hendak buat macam Yang Berhormat Batu dia berdiri saya bagi jalan. Itu *excellent Minister*. [*Ketawa*] *In pursue excellent there is no*, tidak ada masa...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya berdiri lama Yang Berhormat Menteri tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: [*Ketawa*] Tidak apalah. Nanti minum teh dengan saya lepas habis nanti pukul 1.00. Jadi, *in pursue of excellent* saya setuju *because* kita tidak tahu limit. Mungkin hingga ke akhir hayat kita nanti pun belum *excellent*. Bermakna bukan sahaja Malaysia. Di mana-mana negara pun tidak ada had kepada *in pursue of excellent*. Maka oleh kerana itulah kita bentuk *Parliamentary Select Committee* sebab kita terbuka dan kita merasakan ada persamaan daripada segi pandangan *in pursue of excellent*.

Jadi, saya harap apa perkara yang hendak dibangkitkan kita bangkit dalam PSC dan tidak silap saya hari Isnin PSC akan membentangkan *final report* mereka dan kalau mahu kita satu hari, pada hari Selasa kita bahas. Yang Berhormat kena ingat apabila disebut sebagai *independent*, SPR ini bebas dia, jangan selalu bermaksud bebas daripada eksekutif. Dia juga bebas daripada legislatif. Bermakna kita boleh bagi pandangan. Kita boleh bagi cadangan tapi akhirnya nanti SPR ini badan bebas. Dia kena ambil keputusannya sendiri. Jangan Yang Berhormat berfikiran bebas itu hanya bebas daripada eksekutif tetapi mesti juga bebas daripada legislatif. Ini kita kena ingat. Kalau kita tidak ada sikap ini bermakna kita mahu SPR ini ikut telunjuk kita. Tidak boleh begitu. Ada perkara yang mungkin kita cadangkan daripada segi logistik dan sebagainya sukar untuk mereka laksanakan, kita kena bagi kebebasan untuk mereka untuk membuat keputusan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang. Berkenaan dengan dakwaan Yang Berhormat Rantau Panjang mengenai warga asing yang dapat mengundi. Hal ini tidak timbul kerana Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menyatakan hanya warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun serta menetap dalam mana-mana bahagian pilihan raya di Malaysia dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih untuk mendaftar sebagai pemilih bagi membolehkannya mengundi dalam suatu Pilihan Raya Parlimen atau pilihan raya negeri.

Peraturan 5 Peraturan-peraturan Pilihan Raya iaitu Pendaftaran Pemilih 2002 menyatakan bahawa hanya pengundi berdaftar berhak untuk mengundi dalam satu pilihan raya Parlimen atau pilihan raya negeri. Tambahan pula tidak ada warganegara asing yang didaftarkan sebagai pemilih kerana pengesanan utama yang digunakan dalam menentukan kelayakan permohonan sebagai pemilih ialah kad pengenalnya. Ketika proses pendaftaran pemilih melalui Sistem Pendaftaran Pemilih Sepanjang Tahun (e-SPPST) yang diguna pakai oleh SPR, pengenalan pemohon akan dihubungkan dengan izin Agency Link-Up System (ALIS) kepunyaan Jabatan Pendaftaran Negara. ALIS yang mempunyai 33 jenis tapisan atau semakan wajib bagi setiap permohonan akan menolak permohonan mereka yang bukan warganegara untuk didaftar sebagai pemilih. Namun SPR mengalu-alukan maklumat berhubung dakwaan pendatang asing diberi hak mengundi bagi membolehkan SPR menjalankan siasatan lanjut.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tawau...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, jangan jauh lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: 'Sekjen' lah dulu, 'sekjen', protokol.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey, lepas itu saya. [Dewan riuh]

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri terima kasih. Yang disebut tadi ialah yang boleh mengambil bahagian dalam pilihan raya ialah warganegara kita. Warganegara yang kita faham tentulah yang ada rekod dalam Jabatan Pendaftaran Negara. Kita boleh bersetuju dengan itu. Cuma baru-baru ini SPR mengakui bahawa dalam Daftar Pemilih Induk mereka terdapat sejumlah 42,000 nama pemilih yang tidak ada rekod dalam Jabatan Pendaftaran Negara tetapi ada nama dalam Daftar Pemilih Induk. Itu kenyataan daripada SPR yang kemudian mengklasifikasikan kumpulan ini sebagai undi ragu.

Ertinya Yang Berhormat Menteri perkara itu wujud walaupun disebut barangkali cuma 42,000 apa sangat dibandingkan dengan 12.3 juta pemilih yang akan diwartakan dalam tempoh terdekat tetapi itulah yang kita maksudkan sebagai daftar pemilih yang bersih yang menjadi tuntutan sebelah sini dan sebelah sana juga saya percaya. Bagaimana penjelasan Yang Berhormat Menteri kalau pengakuan itu datang daripada SPR sendiri. Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Boleh satu-satu? Satu-satu. Nanti saya jawab dahulu. Kena hormatlah 'sekjen' Yang Berhormat, saya sebenarnya yang 42,000 itu, saya ingat penjelasan perlu diminta daripada SPR. Saya tidak mahu menjawab sesuatu yang ditimbulkan serta-merta sebegini tanpa notis, saya pun tidak boleh hendak jawab. Cuma Yang Berhormat, kalau sekalipun dia dikatakan rekod menunjukkan tidak ada tetapi tidak perlu bimbang kerana bila dia datang mengundi esok, dia akan datang membawa kad pengenalan dan kalau dia ada kad pengenalan maka dia boleh mengundi. Kalau dia datang tidak ada kad pengenalan dia tidak boleh mengundi. Walaupun nama ada tapi tidak ada kad pengenalan. Akan tetapi kalau ada kad pengenalan bermakna bahawa dia adalah warganegara kita.

Jadi, di mana yang mengatakan 42,000 yang tidak ada rekod dalam JPN iaitu macam mana boleh masuk, saya akan beri jawapan bertulis. Saya percaya mereka mempunyai jawapan dalam perkara ini. Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menghormati pendirian kerajaan yang mengatakan SPR ini harus bebas daripada campur tangan legislatif atau eksekutif tetapi saya ingin dapat satu penjelasan. Mantan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Tan Sri Abdul Rashid pernah dedahkan bahawa dalam pilihan raya umum yang lalu beliau dan SPR sudah bersedia untuk menggunakan dakwat kekal tetapi diarah oleh Kabinet supaya dakwat kekal ini tidak diteruskan dan kita juga dimaklum oleh Dewan ini bahawa itu adalah keputusan SPR sendiri atas ada unsur-unsur jenayah yang curi dakwat dan akan mensabotaj pilihan raya kalau dakwat kekal ini diteruskan.

■1200

Saya ingin dapat penjelasan sekali lagi sama ada Tan Sri Rashid tidak memberitahu satu perkara yang benar tentang kerajaan dan kalau itu *reprimand* beliau. Kalau tidak, bolehkah jelaskan sama ada kerajaan yang katakan menghormati kebebasan dan *independent of SPR* ini tidak akan ulang perkara ini berlaku.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini banyak...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Pasir Salak, bertenang, bertenang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini kita selalu dikongkong oleh mantannya. Mantan setiausaha, mantan pengerusi, mantan..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Mantan Perdana Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Mantan UMNO, menteri. Yang Berhormat Padang Serai pun mantan juga. Jadi selalunya begitulah apabila mantan ini selalu dia akan bercakap setelah dia tidak lagi memegang apa-apa jawatan dan dia memang bebas untuk dia hendak bercakap. Soal dakwat kekal ini, saya sudah jelaskan banyak kali sudah.

Di dalam Dewan ini dan juga waktu saya pergi ke Kota Bharu dalam satu debat umum dengan Tan Sri sendiri dan juga Yang Berhormat Usam. Jadi penjelasannya sama juga Yang Berhormat ya. Ada penjelasan yang telah saya beri dan saya tidak berhajat untuk sekali lagi hendak membuang masa untuk memperjelaskan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tawau.

Untuk makluman, Yang Berhormat Tawau memohon agar pengiraan undi pos dibuat awal bagi menjamin ketelusan pilihan raya. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, proses pembukaan sampul-sampul undi pos boleh dilaksanakan lebih awal mengikut ketetapan oleh SPR. Walau bagaimanapun, pegawai pengurus hendaklah memberi setiap calon satu agen pilihan rayanya sekurang-kurangnya 24 jam notis bertulis tentang masa dan tempat pembukaan peti undi pengundi pos dan sampul yang terkandung di dalamnya.

Yang Berhormat Tawau ingin mengetahui mengenai sama ada senarai pengundi yang dikeluarkan dari senarai daftar pemilih boleh didaftarkan semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR mempunyai kuasa untuk memotong dari daftar pemilih SPR berdasarkan kepada sub peraturan 25(2) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih 2002) yang menyatakan seperti yang berikut:-

Peraturan 25(2) tertakluk kepada sub peraturan (5) ketua pendaftar boleh pada bila-bila masa membuat apa-apa perubahan atau penukaran kepada daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu bagi maksud:

- (e) *memotong nama mana-mana orang yang ketua pendaftar berpuas hati telah meninggal dunia;*
- (f) *memotong nama mana-mana orang yang telah melepaskan atau yang telah dengan sah dilucutkan kewarganegaraannya; atau*
- (g) *memotong nama mana-mana orang yang pada pendapat ketua pendaftar tidak berhak kerana apa-apa sebab untuk terus dikekalkan atau ada dalam daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan.*

Manakala bagi tujuan pendaftaran sebagai pemilih, kelayakan sebagai pemilih sebagaimana yang disyaratkan di dalam Fasal 1 Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan seperti yang berikut:

- (i) tiap-tiap warganegara yang
 - (a) telah mencapai umur 21 tahun pada tarikh kelayakan; dan
 - (b) bermastautin di dalam sesuatu bahagian pilihan raya pada tarikh kelayakan yang sedemikian atau jika tidak bermastautin sedemikian ialah seorang pengundi tidak hadir; dan
 - (c) didaftarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pilihan raya dalam daftar pemilih sebagai pemilih dalam bahagian pilihan raya tempat dia bermastautin pada tarikh kelayakan berhak mengundi di dalam bahagian pilihan raya itu dalam mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri melainkan jika dia hilang kelayakan di bawah fasal (3) atau di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kesalahan yang dilakukan berkaitan dengan pilihan raya tetapi tiada seorang pun boleh mengundi dalam pilihan raya yang sama di dalam lebih daripada satu bahagian pilihan raya.

Pemilih berdaftar yang hilang kelayakan sebagai pemilih seperti mana yang dinyatakan di dalam fasal 3 Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti yang berikut:-

- (iii) seseorang hilang kelayakan untuk menjadi pemilih dalam mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan jika:-

- (a) pada tarikh kelayakan dia ditahan sebagai orang yang tidak sempurna akal atau sedang menjalani hukuman pemenjaraan atau;
- (b) sebelum tarikh kelayakan dia telah disabitkan atas suatu kesalahan di dalam mana-mana bahagian Komanwel dan dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan selama tempoh melebihi 12 bulan dan pada tarikh kelayakan itu dia masih kena menjalani apa-apa hukuman bagi kesalahan itu. Ini tidak bolehlah mengundi, hilang kelayakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuantan mempersoalkan tindakan SPR melaksanakan persempadanan semula walaupun tidak mendapat kelulusan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang diputuskan untuk dilaksanakan hanya selepas Pilihan Raya Umum Ketiga Belas. SPR tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan dalam melaksanakan urusan persempadanan semula dan SPR tidak pernah melanggar peruntukan itu. Maka dakwaan yang mengatakan SPR melaksanakan persempadanan semula walaupun tidak mendapat majoriti dua pertiga Dewan Rakyat adalah tidak benar kerana urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya, Parlimen dan negeri belum lagi dilaksanakan oleh SPR.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri mencelah sekejap. Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa SPR tidak melakukan persempadanan semula. Mungkin bukan istilah persempadanan semula tetapi pengundi dipindah keluar tanpa mereka berpindah. Pengundi berpindah keluar mengundi daripada DUN ataupun Parlimen dan pindah keluar daripada negeri pun ada. Wan Ahmad Wan Omar, Timbalan Pengerusi SPR mengatakan itu adalah *border correction*. Membetulkan sempadan yang sah jelas melukis semula walaupun tidak dinamakan sebagai persempadanan semula. Ini melanggar undang-undang akta pilihan raya. Sejumlah 31,294 pengundi dipindahkan dengan cara yang demikian. Bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh *defend* tindakan tersebut? Harap dapat penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya tidak *defend* perkara tersebut. SPR memaklumkan iaitu bahawa mereka tidak melakukan persempadanan semula seperti yang didakwa dan ini merupakan jawapan daripada Suruhanjaya Pilihan Raya.

Jadi kalau Yang Berhormat masih tidak berpuas hati, saya rasa untuk menyelesaikan masalah ini kita [*Sambil merujuk kepada dokumen yang baru diterima*] ini ada, saya baca Yang Berhormat ya. Tindakan SPR membetulkan *locality* yang salah menurut sub peraturan 25(3)

Peraturan-Peraturan Pilihan Raya iaitu Pendaftaran Pemilih 2002 tidak sama sekali melibatkan apa-apa perubahan sempadan kerana kedudukan asal di muka bumi bagi *locality* yang berkenaan sememangnya berada dalam sempadan bahagian pilihan raya yang hanya boleh diubah melalui proses urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri. Jadi mereka...

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, di sini...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi saya ingat..

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Saya rasa SPR *is misleading the Dewan* ataupun jawapan Yang Berhormat Menteri *misleading the Dewan* kerana urusan membetulkan..

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak apa, tidak apa, tidak apa. Kalau ada perkara seperti ini ...

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: *Locality* Yang Berhormat Menteri, urusan membetulkan *locality* tidak boleh..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat..

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Melampaui..

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak payalah, tidak payahlah..

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Kawasan pilihan raya Dewan undangan negeri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya ingat ini yang masalah dia ini.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri..

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ingat dia jadi..

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat menteri..

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya bagi jawapan yang diberikan oleh SPR.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Itu masalahnya Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kalau sekiranya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Bagi menjawab bagi pihak SPR. *You are the one in the authority...*

■1210

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kalau sekiranya kalau tidak puas *hati*, Perkara yang paling baik sekali kita berjumpa dengan SPR dan minta penjelasan. Itu yang paling baik.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: SPR setiap kali SPR menafikan...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidakkannya SPR, tidakkannya SPR hendak bagi *you* seronok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Sampai bila, sampai bila Yang Berhormat Menteri hendak *defense* SPR?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini tidak ada. Tidak payahlah.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Sampai bila rakyat Malaysia ini ditipu?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini lah tidak payah. Inilah masalah dia.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Sampai bila SPR *get away with all of this* Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Inilah masalah dia. Kalau bagi muka, ini jadinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri ini masalahnya Yang Berhormat Menteri tidak hendak menerima apa yang kita cakap.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya ingat dia seorang Ahli Parlimen yang kita jawab terimalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: SPR pun nafikan, Menteri pun nafikan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini perangai macam ini, ini yang perangai dia.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Sampai bila rakyat Malaysia kena tipu?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak boleh bagi muka ini.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Jawab Yang Berhormat Menteri, di Lenggong tidak ada masalah dengan SPR. Bagus semua.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini perangai dia.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri sampai bila hendak...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dia ingat dia seorang sahaja cerdik dalam Parlimen ini. Baru satu penggal sahaja. Tidak akan kita sebagai Ahli Parlimen hendak menipu dalam Dewan?

[Dewan riuh]

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Kalau sudah lama tidak maksudnya pandai.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Itu yang pertama *you* kena ingat.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Kalau sudah lama pandai menipu tidak guna jadi Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Baru sepenggal. Baru sepenggal. Tidak payahlah. Buang masa.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Jadi Yang Berhormat Menteri sudah lama tetapi menipu tidak guna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kita tidak boleh bagi muka.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Biar satu *term* tetapi biar kita ada integriti dan tidak menipu macam ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya ingat dia ingat dia seorang sahaja pandai.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Jangan tipu rakyat. *SPR is like through their team* Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dia sudah *grad* SPRA, dia ingat dia seorang sahaja pandai. Tidak payahlah ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dia hendak dengar jawapan yang dia hendak dengar. Bukan dia hendak dengar jawapan yang betul. Ini masalah dia.

Tuan M. Kulsegaran [Ipoh Barat]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi saya ingat tidak payah hendak jawab soalan dia. Tuan Yang di-Pertua.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Tuan M. Kulsegaran [Ipoh Barat]: Minta penjelasan. Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya ingin menyatakan di sini iaitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Tuan M. Kulsegaran [Ipoh Barat]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Batu Gajah meminta SPR memaklumkan premis...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, duduk dahulu Ahli Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang akan digunakan sebagai pusat pengundi dalam semakan daftar pemilih laman webnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi maksud mengadakan sesuatu pilihan raya, SPR akanewartakan premis yang akan digunakan sebagai pusat mengundi.

Oleh yang demikian, memandangkan semakan laman web dan semakan yang boleh dilakukan secara berterusan, SPR tidak mempunyai maklumat premis yang akan digunakan sebagai pusat mengundi untuk dimasukkan dalam semakan daftar pemilih laman web. Makluman tersebut hanya boleh dimasukkan dalam semakan laman web sehinggalah SPR menentukan pilihan raya akan diadakan dan urusan pewartaan pusat mengundi tersebut selesai dijalankan bagi maksud mengadakan pilihan raya tersebut. Yang Berhormat Batu Gajah menyarankan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Bangun*]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, saya mahu pergi minum teh tariklah dekat luar.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Agar pengundi. Okey, okey. Sila. Okey. Yang Berhormat Batu Gajah menyarankan...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Agar pengundi yang telah dipindah...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Shah Alam hendak tanya soalan ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kawasan pendaftar pengangkutan mengenai perpindahan tersebut. Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak diberi kuasa untuk memindahkan pengundi...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, hendak tanya soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dari satu kawasan pendaftaran ke kawasan pendaftaran yang lain. Walau bagaimanapun, SPR diperuntukkan kuasa di bawah Peraturan 25(3) untuk membetulkan sebarang kesilapan, penentuan kawasan, pendaftaran bagi seseorang pemilih. Sekiranya SPR mendapat maklumat daripada pemilih yang berkenaan tentang kesilapan penentuan kawasan pendaftaran tersebut. Dalam hal ini, SPR akan menjalankan siasatan lanjut sebelum mengambil sebarang tindakan pembetulan serta memaklumkan kepada pemilih tentang tindakan pembetulan yang diambil oleh SPR.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab perkara ini. SPR telah menyalahgunakan Peraturan 25(3) Pendaftaran Pemilik ini. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuantan telah berulang-ulang kali saya bangkitkan perkara ini sebab memang benar SPR ada meminda pengundi. Sama ada keluaran kawasan atau ke pusat pendaftaran yang lain tanpa memaklumkan kepada pengundi. Saya ada salinannya semua pengundi yang dihantar oleh SPR di mana mereka telah sama ada dipindah ke pusat pendaftaran atau ke kawasan yang lain.

Jadi saya haraplah Yang Berhormat Menteri memandang serius perkara ini sebab mereka yang telah dipindah ke pusat mengundi yang lain tidak dimaklumkan langsung. Tadi Yang Berhormat kata sekarang tidak mampu lakukan, mahu tunggu sehingga Parlimen dibubarkan baru boleh masukkan maklumat dalam laman web. Ini tidak adil untuk pengundi-pengundi. Sebagai contoh pengundi yang telah mengundi 30 tahun di satu pusat mengundi.

Akan tetapi, sekarang telah dipindah atas membetulkan *locality* sendiri oleh SPR. Ini tidak adil dan tidak wajar. Ini menyalahgunakan Peraturan 25(3). Nampaknya seperti sangat

aneh Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Persempadanan terakhir yang dijalankan tahun 2003 dan sekarang kita terima maklumat membetulkan *locality* atas perkataan membetulkan *locality*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini salah guna kuasa.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Soalan yang sama.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya haraplah Yang Berhormat Menteri memandang serius perkara ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara ini...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Perkara-perkara yang sama...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kalau Yang Berhormat Batu Gajah boleh bawa saya sekali hadir, saya panggil SPR.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Boleh kita selesai sebab kita tidak berminat hendak polemik atau hendak apa. Kita hendak selesaikan masalah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya perkara yang sama...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya pergi Yang Berhormat Tawau ya. Yang Berhormat Machang celahan.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ringkas. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri saya hargai kesabaran, keterbukaan Yang Berhormat Menteri. Apa lagi tawaran untuk mempertemukan kita dengan SPR dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri. Pertemuan itu sebenarnya *straight forward* dengan izin.

Isunya adalah pindah, macam kes Bandar Tun Razak di Petaling Jaya pindahkan ke Lembah Pantai tanpa pengetahuan dia. Okey, ini dalam konteks daftar pemilih yang bersih. Baik apa jawapan SPR seperti yang disebut dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, seksyen 7, Akta Pilihan Raya 58 membolehkan SPR membuat demikian. Baik iaitu membetulkan sempadan dan *locality* daerah mengundi. Itu dibenarkan. Akan tetapi, ianya mesti dilakukan dengan tidak melepasi sempadan kawasan DUN atau Parlimen.

Ini dalam perkara prinsip belah bahagi akta tersebut urusan belah bahagi daerah mengundi adalah ditumpukan dan terhad dalam satu-satu bahagian pilihan raya negeri sahaja. Oleh itu, urusan belah bahagi daerah mengundi adalah tidak boleh sama sekali melampaui sempadan bahagian pilihan raya negeri. Apatah lagi Parlimen. Termasuk untuk urusan tujuan mencantumkan dua daerah mengundi yang kecil.

Dalam kes ini Yang Berhormat Menteri, Bandar Tun Razak di Petaling Jaya seksyen 16 dipindah dalam daftar pemilik induk sekarang ke Lembah Pantai. Itu sudah keluar kawasan pilihan raya dan bercanggah dengan prinsip belah bahagi. Itu yang kita timbulkan. Yang

Berhormat Menteri saya hargai pelawaan itu. Kita harap kita boleh duduk dan bincang dengan SPR dalam masa terdekat Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya boleh buat perjumpaan dengan SPR. Saya ingat kita semua Ahli Parlimen yang ada di sini kalau boleh bukan Isnin, Isnin sekali lagi supaya memberi masa kepada SPR. Saya juga ada jawapan di sini yang saya akan beri kepada Bandar Tun Razak. Dia ada jawapan di sini.

Akan tetapi, saya ingat lebih baik saya beritahu kepada SPR mungkin Isnin sekali lagi pada 16 hari bulan kah. Siapa yang ada beberapa perkara yang hendak dibangkitkan berkenaan dengan SPR, kita jumpa dan minta penjelasan daripada mereka. Kalau boleh bagi notis lebih awal lagi bagus. Maknanya mereka boleh datang dengan jawapan sendiri ya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tawau ingin mengetahui kenapa Chong Yau Piau, 540618-12-5104 IC dia, Wong San Wong, Mohd Shah bin Maarof, Mohd Roni bin Abdul Rahman adalah pengundi di mana nama mereka tiada dalam daftar pemilih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan terhadap ke empat-empat nama yang diberikan mendapati mereka belum memohon untuk mendaftar sebagai pemilih. Untuk makluman Yang Berhormat SPR telah melantik lebih 9,501 orang penolong pendaftar pemilih...

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Daripada pelbagai kategori...

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Untuk membantu menerima borang permohonan. Sekejap ya.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sekejap, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Mendaftar sebagai pemilih. Oleh yang demikian, ada kemungkinan pemohon telah mengemukakan permohonan melalui Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) yang dilantik namun permohonan tersebut belum diterima oleh SPR untuk diproses dan disahkan sekiranya memenuhi syarat-syarat kelayakan sebagai pemilih menyebabkan nama mereka tiada dalam daftar pemilih SPR. Sila.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Nama-nama yang disebut yang dalam ucapan saya itu, mereka pernah mengundi dalam pilihan raya yang berapa kali yang lalu dan waktu masa sekarang waktu kita *check* dengan SPR, mereka punya nama sudah hilang. Ini tidak betul kalau mereka jawab nama ini tidak daftarkan dan sebagainya. Saya minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya ingat perkara *detail* begini Yang Berhormat bangkit nanti kita berjumpa dengan SPR. Maknanya jawapannya saya beri sama juga kalau hendak ini sekalipun.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat. Berdasarkan kepada jawapan kepada Kuantan pada 26 Mac iaitu berkaitan minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pemilih terkini yang telah diwartakan di setiap 222 kawasan Parlimen dan ada senarai ini.

■1220

Seolah-olah saya difahamkan ini diwartakan sedangkan setahu saya pada 26 Mac itu pun masih berjalan perbicaraan kes-kes bantahan terhadap suku ke-4 tahun 2011. Jadi macam mana boleh diwartakan dalam keadaan dia masih dalam perbicaraan? Sepatutnya tidak boleh diwartakan lagi. Jadi saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat. Jadi minta bertenanglah. Ada tongkat sakti itu... *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sama itu kita berjumpa dengan SPR nanti sebab saya pun tidak beri notis. Mana boleh jawab macam ini kan? Saya pun tidak tahu jawapannya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tongkat sakti itu tidak boleh panggil?
[Ketawa]

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, ada tidak jawab lagi...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Kapiti mencadangkan

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: ...Yang saya cadangkan. Yang Berhormat Menteri..

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Agar bekas anggota polis yang berkhidmat semasa darurat..

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: ...Ada Yang Berhormat Menteri tidak jawab lagi hujahan saya.. Ada Yang Berhormat Menteri tidak jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ..Di Sarawak diberi pingat melalui pengubalan suatu *statue* yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuantan.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri takut kah?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat pada masa ini.. Takut dengan dia? Podaaalah. *[Ketawa]* Pingat yang dikurniakan di atas sumbangan perkhidmatan semasa tempoh darurat ialah Pingat Jasa Malaysia dan dianugerahkan kepada anggota tentera yang layak melalui *statue* Pingat Jasa Malaysia Warta Kerajaan Jilid 49, Nombor 22 bertarikh 27 Oktober 2005.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya menghargai sumbangan jasa anggota polis yang berkhidmat semasa tempoh darurat dan dengan itu kajian sedang dibuat untuk memanjangkan penganugerahan pingat yang sama kepada anggota polis memandangkan bahawa selain daripada anggota tentera, anggota polis juga turut menyumbang jasa perkhidmatan mereka semasa darurat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas tidur kah? Okey. Hendak jawab hendak jawab.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya tidak tidur cuma duduk dengar mereka merapu, saya tidak minatlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Oh, okey. Yang ini ada minat sebab jawapan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Mas ingin mengetahui sama ada terdapat garis panduan berkenaan dengan tempoh masa penyediaan alasan penghakiman yang perlu dipatuhi oleh hakim-hakim? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 1 Tahun 2002 telah menetapkan alasan penghakiman hendaklah disediakan dalam tempoh masa lapan minggu dari tarikh notis rayuan difailkan. Yang Berhormat Pasir Mas ingin mengetahui mengapa hakim memerlukan masa yang lama untuk menulis alasan penghakiman contohnya dalam kes Yang Berhormat Permatang Pauh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, alasan penghakiman perlu ditulis secara komprehensif dengan membuat rujukan dan penyelidikan kepada isu undang-undang yang terlibat. Ianya memerlukan hakim-hakim meneliti nota keterangan dan menganalisa hujah-hujahan pihak-pihak serta isu-isu yang terlibat dengan betul dan tepat bagi memperjelaskan dan menjustifikasikan mengapa keputusan kes tersebut dibuat. Selain daripada itu, setiap kes mempunyai persoalan undang-undang yang berbeza dan sekiranya melibatkan persoalan yang lebih rumit dan kompleks, penganalisaan yang lebih terperinci perlu dibuat sebelum alasan penghakiman bertulis diberikan. Justeru itu, dalam kes-kes tertentu hakim memerlukan lebih masa untuk menulis alasan penghakiman.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Pasir Mas ingin mengetahui bilakah tarikh pendengaran kes rayuan Saiful Bukhari ditetapkan? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, notis rayuan untuk kes tersebut telah difailkan di Mahkamah Rayuan pada 20 Januari 2012. Walau bagaimanapun, tarikh pendengaran rayuan kes itu masih belum dapat ditetapkan memandangkan rekod rayuan masih belum difailkan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat. Terima kasih, saya hanya sekadar hendak mendapat kefahaman apabila Yang Berhormat menyebut hakim mesti mengambil masa untuk menulis sesuatu penghakiman yang begitu komprehensif, hendak tengok segala sudut. Jadi masa dia buat keputusan itu, dia tidak fikir kah benda-benda macam ini? Jadi maknanya dia buat keputusan dahulu, baru dia fikir kenapa saya buat keputusan macam ini, maka hendak cari hujah-hujah hendak mengesahkan itulah keputusannya. Pelik saya fikir ini. Dia pada hemat saya maknanya dia kena fikir secara komprehensif sudah waktu perbincaraan.

Macam kes Yang Berhormat Permatang Pauh dengan Saiful Bukhari. Perbincaraan lama, tangguh pun lama dan seingat saya ada lebih kurang masa lama juga hakim menangguhkan untuk memberi keputusan. So, dalam waktu penangguhan untuk bagi

keputusan itu, itu pun sudah boleh buat penghakiman. Saya hendak tanya sahajalah. Jadi ini serius. Jadi jangan - saya mintalah sebab saya fikir ini serius sebab saya kasihan dekat Saiful Bukhari. Saya *really pity this boy* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Mana ke masjid, terhuyung-hayang, terhuyung-hayang, mencari keadilan dan kita duduk main politik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Shah Alam kasihan tidak?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Shah Alam mana ada tahu kasihan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi sebab itu saya tanya bila rayuan dan bila penghakiman ini keluar sebab saya pun hendak belajar, saya hendak baca sebab disebut keputusannya dua minit sahaja. Kes buang, *collaborative evidence* tidak cukup. Kita dengar. Saya ikut perbincangan, saya buat *paper cutting*. Saya baca setiap kali keluaran *paper cutting*. Yang disebut dari segi saksi-saksi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: ...Bersabit dengan CCTV, kamera dan seumpamanya. Akan tetapi tidak. *I mean* dikeluarkan begitu sahaja. Sebab itu saya tanya masa tempoh penghujahan penghakiman itu janganlah keluar pula *written judgment*, nanti orang-orang yang terlibat yang mahu *justice* akan datang pun sudah meninggal dunia. Jadi tidak ada gunalah. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. sebentar.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kes macam seorang hakim ini ya. Macam Yang Berhormat Gombak tanya walaupun kes itu tengah berjalan dan hakim ada di situ dia tidak boleh dalam perjalanan perbincangan itu kita sudah ada satu keputusan telah dibuat. Maknanya itu *pre-council*. Kalau sudah *pre-council*, tidak adil kepada defendanlah. Jadi sebab itu masa kes berjalan, tidak boleh hakim sudah mempunyai satu keputusan yang dia hendak buat. Dia kena dengar sampai habis. Habis semua barulah dia kumpul dan tengok semula balik segala penghujahan.

Keduanya, kadangkala kes ini di tangguh kerana dia ada satu isu undang-undang yang perlu diputuskan terlebih dahulu. Jadi waktu benda itu tangguh sementara kerana hendak mendengar satu isu undang-undang yang telah dibangkit, tidak bolehlah dalam masa di tangguh itu dia kena buat kerja membuat keputusan berdasarkan penghujahan yang dia baru dengar setengah sahaja. Tidak boleh. Dia perlu dengar semua habis. Semua *avenue* ini kepada seorang defendan, kalau kita hendak buat penghukuman *it must be beyond reasonable doubt*.

Jadi seorang hakim kena betul-betul yakin dan bila dia hendak yakin hendak menjatuhkan hukuman kah apa kah, dia perlu lihat kepada penghujahan dan juga bukti-bukti yang dikemukakan. Jadi saya terus kepada yang lain pula.

Yang Berhormat Parit meminta penjelasan mengenai kemudahan teknologi di mahkamah tidak selari dengan kemajuan teknologi

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Dan ini menyumbang kepada kes-kes tertunggak di mahkamah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembaharuan teknologi yang diperkenalkan oleh Badan Kehakiman Malaysia melalui sistem e-Kehakiman adalah seperti berikut:

- (i) e-filing. Pendaftaran kes secara elektronik di mana pihak-pihak terlibat tidak perlu hadir ke mahkamah untuk tujuan pendaftaran kes. Kes boleh difailkan secara atas talian dari firma masing-masing;
- (ii) Queue Management System (QMS). Fungsi sistem ini adalah untuk membolehkan peguam-peguam dimaklumkan bahawa kes mereka telah sedia untuk dijalankan melalui sistem khidmat pesanan ringkas.

■1230

- (iii) *Case Management System;*
Pengurusan kes cara elektronik yang mana ianya adalah merupakan satu sistem yang diperkenalkan untuk menggantikan amalan menulis minit mahkamah secara manual. Melalui sistem ini, minit akan direkodkan ke dalam sistem komputer yang akan memberikan akses kepada para pegawai dan hakim secara serentak.
- (iv) *Court Recording and Transcription System.*
Sistem ini bertujuan untuk merekodkan perjalanan perbicaraan dan memudahkan hakim-hakim kerana tiada lagi keperluan untuk mengambil nota perbicaraan secara manual.

Teknologi-teknologi yang telah diperkenalkan di atas adalah selaras dengan kemajuan teknologi pada masa kini dan telah mendapat pengiktirafan oleh *Poverty Reduction and Economic Management Unit, East Asia and Pacific Region, The World Bank*. Pengenalan teknologi-teknologi tersebut turut menyumbang kepada pengurangan kes. Sebagai contoh, di Mahkamah Tinggi Sivil di seluruh Malaysia di mana jumlah kes tertunggak pada tahun 2009 adalah sebanyak 63,825 kes dan telah berkurangan kepada 49,457 pada tahun 2010.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Berkenaan dengan permohonan Yang Berhormat Parit agar menggantikan mahkamah yang sedia ada di Parit, untuk makluman Yang

Berhormat, susulan perpindahan pusat pentadbiran dan komersial kawasan Perak tengah daripada pekan Parit ke Bandar Sri Iskandar, Kerajaan Persekutuan telah pun memulakan usaha untuk merancang pembinaan sebuah Mahkamah Majistret baru di Bandar Sri Iskandar. Kerajaan telah pun membuat perolehan tapak seluas empat ekar di Lot 14 Bandar Sri Iskandar. Projek pembinaan mahkamah majistret baru telah dimohon di bawah RMKe-10 dengan izin, *the third rolling plan*. Skop projek tersebut melibatkan pembinaan sebuah bangunan dua tingkat yang akan menempatkan dua bilik bicara serta bilik-bilik sokongan seperti ruang pejabat, perpustakaan, bilik mesyuarat, surau, bilik polis, lokap dan lain-lain.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, mengenai *e-filing* yang dikatakan tadi, saya sokong pendirian badan kehakiman di mana *e-filing* telah dilaksanakan sekarang. Cuma, ia belum licin lagi. Kadang-kadang ia mengambil beberapa jam untuk fail satu afidavit dan sebagainya. Saya harap pihak kementerian boleh mengambil tahu tentang hal ini dan masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat guaman.

Tentang alasan penghakiman yang Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, ada arahan amalan bahawa seseorang hakim itu menyediakan alasan penghakiman dalam tempoh enam minggu. Jadi kalau mereka melebihi enam minggu, saya fikir mereka harus memberi penjelasan kepada Ketua Hakim Negara, mengapa mereka lambat.

Baru-baru ini, saya percaya Yang Berhormat Menteri dan kerajaan harus memberi penjelasan di dalam kes Imam Hoslan yang membaling kasut atau selipar terhadap hakim-hakim di mana beliau dipenjarakan satu tahun. Kita juga harus mengambil kira mengapa beliau membaling selipar sampai tidak puas hati terhadap hakim-hakim Mahkamah Persekutuan di mana ia telah mencemarkan nama baik Mahkamah Persekutuan. Jadi saya rasa ini adalah satu perkara yang penting sekali untuk mempertahankan dan mengekalkan nama baik Mahkamah Persekutuan di mana Mahkamah Persekutuan merangkumi semua mahkamah-mahkamah lain. Apakah sebabnya? Atas isu teknikal. Jadi saya rasa hakim-hakim harus mendengar kes-kes berdasarkan kepada merit, kebetulan dan bukan berdasarkan kepada *technicality* di mana afidavit difailkan lewat atau lambat.

Kalau saya hakim pada hari itu, saya akan tanya Hoslan mengapa kamu tidak failkan dalam jangka masa yang sedia ada? Kalau dia beri alasan yang betul atau munasabah boleh diterima, bagilah masa. Okey, saya bagi dua minggu untuk kamu failkan afidavit. Selepas itu kalau dia belum fail, baru saya boleh batalkan kes tersebut, bukan – pada masa itu dia tidak diwakili oleh peguam. Jadi mengapa Mahkamah Persekutuan tidak memberi beliau peluang untuk memfailkan afidavit? Ini kerana selepas Mahkamah Persekutuan, dia tidak ada tempat lain. *That is the last avenue for appeal*, Yang Berhormat Menteri.

Jadi saya rasa walaupun ini adalah dalam kuasa hakim-hakim untuk membuat keputusan, saya rasa pihak Menteri pun tidak boleh mencampur tangan tetapi mesti ada

amalan undang-undang ataupun kaedah-kaedah mahkamah untuk mengatakan tidak boleh sesuatu kes dibatalkan atas alasan teknikal. Sedangkan, orang pergi ke mahkamah untuk kebenaran. Kes harus didengar di atas merit. Saya setuju apa yang dibuat oleh Hoslan – membaling selipar terhadap hakim itu tidak betul.

Beberapa Ahli: Setuju?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tidak betul. Dengarlah dahulu. *Don't jump the gun*. Itulah masalah dengan – Yang Berhormat Menteri, *you* kena nasihatlah *you* punya *colleague*, kawan-kawan di sana. Saya tidak setuju. Perbuatan beliau itu telah mencemarkan nama baik Mahkamah Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan, Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tetapi kita kena kaji apa sebab beliau buat begitu. Minta penjelasan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, dengan izin Menteri, boleh mencelah perkara yang sama? Dua perkara.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya dengar apa Yang Berhormat cakap, tetapi macam mana Yang Berhormat sebut tadi, saya tidak boleh mencampuri urusan dia. Masuk dalam *Hansard* sahajalah. Jadi saya tidak boleh komen. Sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih. Dua hal yang ingin saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Pertama, berkenaan dengan alasan penghakiman. Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas itu, isu dia berkenaan atau berkisar kepada masa yang diambil untuk menulis satu penghakiman. Yang Berhormat Menteri telah menyebutkan bahawa terdapat pekeliling yang menyatakan seseorang hakim itu seharusnya menyediakan *judgment* dalam masa lapan minggu daripada tarikh keputusan. Jadi keputusan itu telah pun dibuat, maka masa telah pun diberikan kepada hakim itu untuk mengkaji segala aspek kes tersebut dan beliau membuat keputusan dan selepas daripada itu, dalam lapan minggu itu, diperlukan beliau menyediakan alasan penghakiman.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, apa yang penting adalah dalam beberapa kes, saya beri satu contoh di mana selepas keputusan, satu penghakiman tersebut hanya ditulis selepas lapan tahun daripada keputusan kes tersebut. Jadi isu yang berbangkit ialah bolehkah seseorang hakim lapan tahun selepas membuat keputusan tersebut mengingati semula isu-isu yang dibangkitkan dan apakah kesan terhadap sesuatu keputusan sebegini? Ini menjadi satu isu yang seharusnya kita sebagai kerajaan meneliti, menilai dan seharusnya kita, sekiranya boleh menetapkan satu undang-undang berkenaan dengan perkara ini.

Berbalik kepada isu yang dibangkitkan Yang Berhormat Pasir Mas yang menyatakan berkenaan dengan Saiful, itu bukan satu kes sahaja di mana kita lihat keputusan dan sebagainya. Dalam kes Altantuya pun sama. Apa yang berlaku, selepas tiga tahun lebih baru kita mendapat satu penghakiman dan sehingga sekarang memang tidak ada tarikh yang

ditetapkan untuk kes rayuan tersebut. Jadi kita juga kasihan kepada keluarga Altantuya yang telah pun dibunuh dengan kejam. Itu isu kedua.

Isu seterusnya adalah sistem *e-filing* yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Sistem *e-filing* ini memang telah membantu. Ianya telah membantu dengan banyak untuk mengurangkan *the delays in terms of processing court documents*. Akan tetapi satu perkara yang berlaku adalah ini, khususnya *when it comes to prescribing*. Ini satu isu yang *effectively affecting us*.

Apabila satu perbicaraan dijalankan dan ianya dirakamkan, persoalan yang timbul adalah berkenaan siapa yang akan menyediakan transkrip. Yang Berhormat Menteri, *what is happening now in court is that if you want to get your notes*, kalau kita hendak dapatkan nota-nota keterangan dengan lebih cepat, maka perlu dibayar *separately* untuk perkara tersebut. Saya difahamkan *there is some cases where one page cost RM5. This is what happening in court today*. Sekiranya boleh, saya minta agar kementerian melihat ke dalam perkara ini. Kalau kita hendak satu sistem yang cepat, maka *it has to come as a whole. In other words, even the system of prescribing and so forth has to be looked into in detail*.

Yang ketiga dan yang terakhir Yang Berhormat Menteri, saya telah pun ditanya oleh beberapa orang hakim mengenai isu berkaitan dengan keselamatan. Bukan sahaja keselamatan hakim tetapi semua pihak di mahkamah.

■1240

Saya beri satu contoh di satu kes di Ipoh di mana semasa soal balas seorang saksi, saksi tersebut ada pistol bersama dengan beliau. *So, he had a gun with him during cross examination which became heated*. Apabila beliau menunjukkan pistol tersebut, memang hakim yang membicarakan kes tersebut bangun dan melepaskan *and walk out of the court*. Isu yang timbul, *it's serious*.

Kalau kita lihat apa yang berlaku di mana seseorang itu boleh membaling kasut dan sebagainya, *we have to be realistic*. Boleh juga berlaku kes di mana seorang yang datang ke mahkamah dengan senjata boleh menggunakan. *So*, ini perkara yang penting demi keselamatan bukan sahaja peguam tetapi demi keselamatan pihak polis, pendakwa raya dan juga hakim-hakim dan sebagainya. *So*, saya minta agar kerajaan kalau boleh juga meneliti, menghalusi perkara ini kalau boleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Puchong. Saya ingat apa yang disebut berkenaan dengan dalam masa lapan minggu daripada tarikh keputusan mesti sediakan penghakiman. Itu saya rasa sebagai *as a guideline*. Seperti mana Yang Berhormat Telok Intan sebutkan tadi, kalau hakim memerlukan lebih daripada 8 minggu, maka perlu memberikan sebab kepada CJ kenapa memerlukan lebih daripada lapan minggu. Ini kerana kita pun tahu kadang-kadang kes *bundle* dia, kita tengok kadang-kadang dia tolak dengan troli.

It's not easy to go through all that. I think, sometime even dengan izin lah 8 weeks pun tidak mencukupi.

Akan tetapi *eight years out of the world* lah Yang Berhormat. *They must actually out of the world.* Saya pun terkejut juga. Lapan tahun. Lapan tahun tidak boleh pakai dah penghakiman itu. Yang lupa pun ada. Saya akan membangkitkan perkara ini dengan CJ. Saya juga catit apa Yang Berhormat sebutkan tentang *transcription* dan juga bayaran yang mahal. Saya pun ada dengar perkara ini. Banyak juga peguam merungut, saya juga akan bangkitkan perkara ini dengan pihak mahkamah.

Kemudian, oleh kerana sebut Altantuya ini tarikh perbicaraan rayuan bagi kes ini *just for information* ditetapkan pada 27 dan 28 Ogos 2012 di Mahkamah Rayuan. Ogos tahun ini. Keselamatan. Keselamatan ini Yang Berhormat pun tahu Malaysia ini sebuah negara yang kalau kita mengadakan *strict* punya *check, body check* semua. Kalau kita hendak buat di sini pun *problem*. Saya ingat orang Malaysia kita ini dia tidak suka kepada terlalu sangat tetapi saya setujulah sampai pistol itu saya ingat kena *check* lah *at least* melalui *screen*. Kalau selipar tidak mungkin kita hendak suruh buka kasut masuk dalam *chambers*. Akan tetapi inilah, betul Yang Berhormat sebut perkara-perkara yang tidak dijangka ia boleh berlaku. Baling selipar hari itu, mengawal perasaan. Saya akan bincang dengan *chief registrar* (CR) tentang keselamatan. Bukan sahaja di mahkamah di pekan-pekan besar tetapi juga mesti di mahkamah-mahkamah lain.

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat sebab kadang-kadang saya tengok pengawal mahkamah ini sepatutnya ia mesti bukan *auxiliary police*. Sepatutnya dia kena polis betul. Kadang-kadang *auxiliary police* ini, kita tengok dia pakai *badge* pun macam *guard* punya walaupun dia *auxiliary police*. Seseengahnya saya tengok mereka mengambil syarikat pengawal untuk mengawal mahkamah. Jadi, saya fikir mahkamah itu satu tempat yang dianggap sebagai ada dia punya kegerunannya dan ia mesti sebenarnya dikawal. Apatah lagi orang yang hendak pergi bicara itu ada yang penjenayah dan macam-macam boleh berlaku. Jangan sehingga satu perkara yang tidak diingini berlaku baru kita mula hendak fikir. Jadi, saya akan bangkitkan perkara ini dengan pihak *chief registrar* Malaysia.

Kemudian, Yang Berhormat Ipoh Barat. Jangan tidur.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tunggu.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Oh tunggu, okey.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Anxiously*.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *Anxiously* dan Yang Berhormat Lembah Pantai jangan balik lagi. Ada. Ini betul-betul ini, saya baca. Saya baca muka surat 27 Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Lembah Pantai mencadangkan agar dimantapkan lagi peranan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

Manakala Yang Berhormat Putatan. Tidak ada? Mencadangkan agar Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ditubuhkan untuk menambahbaikkan lagi hubungan Malaysia dan Indonesia.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat terdapat lima jawatankuasa pilihan iaitu:-

- (a) Jawatankuasa Pemilih;
- (b) Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara;
- (c) Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat;
- (d) Jawatankuasa Dewan; dan
- (e) Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Di samping itu, pada masa kini Majlis Mesyuarat telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya serta Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Projek *Lynas Advanced Material Plant* (LAMP). Penubuhan Jawatankuasa Pilihan adalah berdasarkan kepada keperluan dan kehendak semasa. Ini boleh memberikan lebih ruang kepada ahli-ahli untuk membincangkan dengan lebih teliti isu-isu yang dirujuk kepada jawatankuasa berkaitan.

Namun begitu, sebarang keputusan berkenaan penubuhan jawatankuasa yang sedemikian memerlukan perancangan yang teliti supaya ia dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Yang Berhormat Lembah Pantai okey? Tidak mahu bertanya? Ha, okey Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya ada cadangkan seperti di lain-lain, di Komanwel di mana perlu adakan *committee* untuk setiap kementerian supaya lebih *active session* di antara Ahli Parlimen dengan Menteri-menteri tersebut dan kita tidak perlu bersidang sebagai *whole committee of the House* dan kita boleh mengurangkan beberapa hari yang kita perlu hadir di Parlimen. Ini akan menjimatkan masa, ini akan menjimatkan wang dan seperti yang diguna pakai di UK.

Saya juga ada cadangkan *special* di mana status Ketua Pembangkang patut seimbang dengan Menteri supaya *there is standing* seperti di lain-lain negara. Kenapa kita sangat mendiskriminasikan kepada Ketua Pembangkang. Ia hanya sebagai satu Ketua Pembangkang tetapi tidak ada *ancillary, benefits* dan sebagainya. *There must be given, due respect* kepada perkara tersebut. Dan juga *live coverage of Parliament*. Kenapa Yang Berhormat hendak bantah kepada *live coverage of Parliament* dari Parlimen kita?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, *live coverage Parliament* kena tanya itu, jangan tanya saya. Pasal Tuan Yang di-Pertua punya hak. Dalam Dewan ini apa yang kita hendak putuskan, apa kita hendak buat, apa hendak masuk, apa hendak keluar semua tanya dia. Jangan salahkan saya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan, sekarang kita ada *selective live coverage*. Itu yang kita tidak terima.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tanyalah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat lah patut jawab. Saya tidak boleh tanya Tuan Yang di-Pertua. *Can I ask Speaker, Yang Berhormat boleh beritahu kenapa tidak membenarkan live coverage? [Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat boleh duduk, saya boleh tanya Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kalau hendak bangun pun tidak kisah lah. Boleh jawab Yang Berhormat? *[Ketawa] You as the Minister of Parliament. [Ketawa]* Yang mustahaklah. Jangan menyeleweng, jangan lari Yang Berhormat. Yang Berhormat tahu. *I'm not new in the game.* Yang Berhormat tahu. *We have caught you, the pen is down this time, you please answer.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nasib baik *my pen down not in front of you. [Ketawa]* Tidak Yang Berhormat. Sebenarnya kita tanya bukan di sini. Sebenarnya keputusan, apa yang berlaku dalam Dewan sama ada walaupun kertas banyak ini pun, hendak letak *envelop* kita kena minta kebenaran daripada dia.

■1250

Jadi apa juga keputusan daripada dalam hendak ke keluar maknanya macam *live coverage*, itu keputusan Tuan Yang di-Pertua, bukan keputusan saya. Jadi saya pun tidak *expect* lah Yang Berhormat hendak tanya dia sekarang, tanyalah, dah duduk lama bukan Yang Berhormat tidak tahu, nanti sekejap lagi pergi minum kopi dengan dia, dia pun dah masuk dalam tadi, dah *cool down* sikit, tanya. Kita tidak ada masalah. Saya ingat daripada segi katalah kalau perlu kerajaan punya keputusan, saya rasa kerajaan tidak ada halangan kerana dia boleh keluar. Walaupun kita tidak bagi kelulusan pun, sekarang ini mereka dah buat *streaming*.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pernah saya berucap pukul 8 malam, saya keluar sekejap sahaja, kawan saya telefon dari London, *'wah, boleh tahan you tadi'*. Saya tanya, *'mana you tengok?'*. Dia kata, *'you tidak tahukah kita boleh dapat apa yang berlaku dalam Dewan'*. Mereka tengok, jadi kita tidak ada halangan kerana perkara seperti ini tidak apalah. Maknanya benda itu boleh keluar. Apa bezanya kalau dikeluarkan lima minit kemudian dan sekarang. Jadi daripada segi kita kerajaan, kita tidak ada masalah, tidak ada sebab mengapa kita hendak halang, kerana ia boleh keluar lima minit kemudian, keluar juga. Tidak boleh kita hendak sembunyikan.

Pada saya lebih baik benda itu *live* sebab tidak boleh hendak edit, lagi bagus. Macam mana Yang Berhormat buat pada saya, *28 times racist, racist, 36*. Dia boleh edit, tidak apalah kawan saya menang, *no problem*.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Bakri. Pendek sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Bakri boleh, panjang pun tidak apa. Nanti-nanti, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, mengenai *committee* yang saya tanya.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey, *committee* ini saya dah banyak kali cakap. Yang Berhormat punya tujuan itu memang baik. Maknanya hendak mengurangkan perbahasan di dalam Dewan ini, ia tidak akan berlaku begitu Yang Berhormat. Orang itu akan bercakap dalam *committee*, habis *committee* dia akan bercakap di sini lagi. Kemudian kalau kita ada *committee* tentang satu kementerian, tidak adil kepada Ahli Parlimen yang lain yang hendak bercakap juga tentang perkara yang sama. Mengapa perlu halang macam Yang Berhormat Shah Alam, saya tidak suka dengan dia, tidak suka hujah. Jadi kalau saya hendak kata, hendak *block* dia daripada mengambil bahagian, saya lantik dia dalam satu *sub committee* JPM, dia hendak bercakap, dia tidak boleh bercakap di sini, senanglah saya.

Tidak boleh buat *rule* macam itu. Maknanya kita kena ada forum untuk semua mengambil bahagian dan tidak hadkan kepada hanya mereka yang duduk di dalam *committee* itu sahaja yang boleh bercakap tentang perkara itu. Jadi saya tidak bersetuju dengan *Select Committee* itu sebab saya merasakan peluang mesti diberikan seluas-luasnya kepada Ahli Parlimen untuk mengambil bahagian dalam apa bidang sekalipun yang mereka minat. Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil maklum keputusan ataupun jawapan Yang Berhormat Menteri tetapi saya fikir sekurang-kurangnya bila bercakap tentang Jawatankuasa Pilihan Khas, kami pun terpaksa akui bila ditubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas berkaitan dengan penambahbaikan pilihan raya, kuasa Menteri begitu besar. Kita pun mengalu-alukan kerana sekurang-kurangnya dapat membincangkan perincian tentang apa yang boleh dilakukan untuk menambah baik sistem pilihan raya itu.

Sama juga dengan bila Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan tentang Lynas. Yang membuat pengumuman itu Perdana Menteri, maksudnya kuasa Menteri di sini begitu besar boleh mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas yang lain berkait dengan banyak isu yang kita bangkitkan di sini. Kalau pun tidak mahu mengikut kementerian, pada saya baik kalau kita ambil ini sebagai pendekatan tambah lagi Jawatankuasa Pilihan Khas yang lain.

Saya juga ingin rujuk di sini Yang Berhormat kerana berbalik kepada kuasa daripada eksekutif kerana usul-usul yang diutamakan dalam Parlimen selalu usul-usul Menteri. Kalau kita bawa rang undang-undang persendirian pun akan tunggulah yang terakhir ikut aturan itu selepas kesemua usul Menteri selesai dahulu. Jadi pada saya, saya minta kalau boleh Yang Berhormat ambil - mengkaji semula dan mewujudkan, mengambil ketetapan untuk mewujudkan lebih banyak Jawatankuasa Pilihan, ini komitmen kerajaan selaras dengan janji Perdana Menteri.

Kedua, bila bercakap tentang undang-undang hatta SPR sekali pun, kuasa SPR itu tidak boleh melangkaui apa yang telah diputuskan oleh Dewan ini. Saya beri contoh, ini yang terakhir, semasa pindaan perlembagaan dibuat Akta 1960, Artikel 114 Keempat di mana kuasa untuk memecat pegawai-pegawai SPR jikalau mereka melanggar garis panduan yang ditetapkan oleh Dewan yang mulia ini, legislatif, ia dibolehkan. Maksudnya tidak ada ikut alasan Yang Berhormat kata, SPR bergerak sendiri. Apa yang diputuskan di sini kalau kita kata mereka wajib mereformasi sistem pilihan raya, maka itulah kesimpulannya. Jadi saya mohon satu ketetapan kepada Yang Berhormat Menteri yang amat berkusa, terima kasih.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Yang Berhormat Menteri, sedikit tambahan mengenai Jawatankuasa Pilihan Parlimen.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sekejap, sekejap, saya jawab, saya lupa nanti.

Pertamanya, apabila Parlimen diberi macam Yang Berhormat kata Artikel 114, ia bermaksud untuk dalam isu pelucutan sahaja. Kita tidak boleh *assume* iaitu kalau kita boleh melucutkan seorang, bermakna kita boleh buat benda-benda lain, tidak boleh. Jadi apa juga kuasa yang diberikan kepada kita, Parlimen, ialah yang disebut. Jadi hanya dalam bidang melucutkan sahaja. Jadi untuk kita hendak mengatakan bahawa oleh sebab itu kita boleh buat perkara-perkara lain, maknanya SPR kena dengar cakap kita, itu tidak betul kerana dalam isu pelucutan sahaja kuasa diberikan kepada kita.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kemudian Yang Berhormat sebut Jawatankuasa Pilihan Khas. Itu daripada pihak pembangkang pun, malah kalau kita *electoral reform*, itu daripada sana yang mencadangkan untuk diwujudkan PSC. Jadi kita terbuka. Maknanya dalam apa isu yang pembangkang fikirkan perlu dibincangkan, diadakan PSC, rundinglah dengan *powerful Minister* ini. Saya tidak ada masalah, tambah-tambah Yang Berhormat anak kawan saya.

Ketiga, Yang Berhormat sebut tentang usul. Yang Berhormat, usul pun serupa. Memang usul ini kebanyakannya ialah usul eksekutif. Usul persendirian pun boleh buat tetapi Yang Berhormat kena ingat, usul persendirian akhirnya untuk diluluskan mesti mendapat kelulusan daripada majoriti. Jadi kena jumpa saya balikkah, saya *powerful*, hendak buat macam

mana. Jadi kalau Yang Berhormat boleh bincang, datang jumpa dengan Menteri, kata ini kita kena buat usul, saya tidak ada masalah. Yang Berhormat Bukit Gelugor, dia membawa satu pindaan dalam jawatankuasa dan pindaan itu saya menganggap baik. Saya telefon Peguam Negara dan minta pandangan, dia kata okey, kita buat, tidak ada masalah. Cuma yang saya sebut tadi, usul persendirian ini untuk ia berjaya, ia tidak boleh hanya menjadi usul MP itu. Dia kena runding dengan kawan-kawan dia, dia kena runding sebelah sini kerana hendak dapat majoriti. Jadi sebab itulah selalunya usul ini usul eksekutif tetapi ia tidak menghalang mana-mana Ahli Parlimen untuk membawa usul persendirian tetapi bincang dengan kita, sebab akhirnya hendak mendapat kelulusan oleh rumah yang besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Menteri, soalan yang *last* sekali.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, rakan saya pun sudah sedia ada. Saya ada, semua ada 86, baru baca 30, ada 56 lagi tidak jawab.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: JPA, JPA tidak jawabkah?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi yang lain itu, saya akan jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat. Jemput Yang Berhormat Menteri daripada JPM seterusnya.

12.59 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun bersama dengan rakan-rakan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan portfolio saya. Khasnya untuk Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita sambung petang Yang Berhormat.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Itulah. Okey terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

2.32 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang telah saya mulakan tadi sebelum makan tengah hari iaitu saya ucapkan terima kasih khasnya kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara berhubung dengan perpaduan negara dan perhubungan antara kaum dan juga antara agama iaitu Yang Berhormat dari Parit Buntar dan Yang Berhormat dari Simpang Renggam.

Di mana Yang Berhormat dari Parit Buntar memang menyuarakan pandangan beliau bahawa hubungan antara agama dan kaum hendaklah dipupuk supaya tidak dieksploitasikan oleh mana-mana pihak untuk tujuan politik. Manakala Yang Berhormat Simpang Renggam mencadangkan supaya kita memperbanyakkan lagi dan menggalakkan serta memupuk secara lebih berkesan pergaulan antara kaum dan pergaulan antara budaya. Pihak kerajaan memang mengalu-alukan pandangan positif seperti yang dibangkitkan dan sememangnya kita merasa bangga bahawa Gagasan 1Malaysia sebagai landasan untuk terus memupuk keharmonian dalam kepelbagaian dengan izin *harmony in diversity* nampaknya sudah dapat sambutan yang baik dari pemimpin-pemimpin politik.

Memang benar bahawa untuk negara majmuk yang berbilang kaum, berbilang agama, berbilang kebudayaan dan berbilang bahasa seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Parit Buntar, usaha untuk mewujudkan perpaduan nasional bukanlah satu yang mudah tetapi akan menghadapi banyak kekangan dan halangan. Kita memang nampak contoh-contoh di negara-negara lain yang majmuk dan mempunyai sejarah yang penuh dengan ketegangan mahupun perang saudara termasuk juga negara-negara yang terdiri daripada satu kaum atau bangsa yang sama dengan tidak ada perbezaan dari segi kebudayaan mahupun kepercayaan agama. Misalnya, Korea Selatan dan Korea Utara, dulu Vietnam Selatan dan Vietnam Utara dan sebagainya.

Oleh itu, kita memang bersyukur kerana memandangkan hakikat cabaran yang besar ini, negara Malaysia dari segi pencapaiannya, dari segi kebolehan kita untuk mengekalkan kestabilan dan keamanan mahupun keharmonian memang merupakan sesuatu yang agak menggalakkan. Walaupun kita tidak menafikan bahawa kita sebagai manusia, sebagai insan, kita bukan sempurna. *We are not perfect*. Sebagai satu tanda iaitu sememangnya sudah disebut beberapa kali iaitu *Global Peace Index* yang diukur setiap tahun oleh Institut Ekonomi dan Keamanan (*Institute for Economic and Peace*) bertempat di Sydney,

Australia telah menunjukkan bahawa kedudukan Malaysia dari segi keamanan dan kestabilan berbanding dengan negara-negara lain di dunia semakin meningkat. Negara Malaysia menduduki tangga ke-37 pada tahun 2008 dan selepas itu meningkat ke tangga ke-26 pada tahun 2009, tangga ke-22 pada tahun 2010 dan tangga ke-19 pada tahun 2011.

Negara Malaysia dianggap sebagai negara di kalangan 20 negara yang teraman sedunia di kalangan 150 negara yang diuji dan dibandingkan. Di benua Asia, Malaysia menduduki tempat yang kedua iaitu hanya di belakang Jepun dan mendahului semua negara lain termasuk Singapura. Di samping itu, mengikut angka yang dipantau oleh Jabatan Perpaduan, mengikut...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Lipis di belakang. Mohon kalau boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya hendak bagi itu sikit, Yang Berhormat. Kita ada empat lagi menteri termasuk Senator yang menjawab ini. Jadi kalau ada pertanyaan, saya mohon pertanyaan itu bercorak pertanyaan. Tidak payah ulas Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaanlah kerana telah dapat mengekalkan keharmonian yang rasa saya itu perkara yang sangat berharga dalam negara kita. Tidak ada tolok bandingnya dari segi harga terhadap keamanan dan kemakmuran dan keharmonian ini. Jadi dalam indeks dunia, kita dilihat meningkat dari satu tangga ke satu tangga dan sebagainya. Namun, ada juga kadang-kadang kumpulan-kumpulan yang mengatakan bahawa Malaysia ini tidak aman, menindas sesuatu kaum dan sebagainya di luar negaralah terutamanya hingga menyebabkan kadang-kadang kita juga ada masanya di pandang serong oleh kumpulan-kumpulan di luar negara ini yang menganggap memang sebenarnya begitu. Jadi apakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak kementerian agar perkara ini dapat dinyatakan dengan jelas kepada kumpulan-kumpulan di luar negara ini. Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya pihak kerajaan bukan sahaja melalui Jabatan Perpaduan tetapi melalui kementerian dan agensi yang lain khasnya kementerian dan Jabatan Penerangan dan juga Kementerian Luar Negeri telah menyampaikan mesej dan akan terus membuat demikian untuk menangani persepsi yang cuba ditimbulkan secara negatif oleh pihak-pihak yang tertentu.

■1440

Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mengulangi hakikat dan juga fakta-fakta ini dan saya juga minta bantuan dan sokongan dari semua Ahli Yang Berhormat di dua-dua belah untuk bersikap dan bertindak secara positif dan bukan secara negatif. Memang kita bukan sempurna,

memang ada juga masalah tetapi ada masalah kita cuba menanganinya secara positif dan secara membina dan bukanlah cuba memburuk-burukkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit angka atau statistik yang saya hendak berikan kepada Dewan yang mulia ini iaitu kalau kita memantau bilangan pergaduhan antara kaum yang dilaporkan kepada polis iaitu memang menjadi agak serius dan memerlukan penglibatan pihak polis, maka kita mendapat satu trend yang juga agak menggalakkan iaitu tahun 2008 untuk seluruh negara terdapat 1,522 kes pergaduhan antara kaum sama ada Melayu, Cina, Melayu-India, India-Cina atau yang melibatkan suku kaum lain. Tahun 2009 telah menurun ke 1,104 kes dan pada tahun 2010 menurun lagi ke 1,046. Ini bukan empat ekor sebab selepas itu tahun sudah, tahun 2011 menjadi kurang daripada 1,000 kes iaitu 912 kes.

Maka trend ini menunjukkan bahawa pergaduhan antara kaum yang memerlukan intervensi pihak polis yang sering dicituskan kerana kejadian yang biasa antara manusia tetapi oleh kerana melibatkan dua orang atau dua kumpulan daripada kaum yang berbeza maka kalau tidak sedar, tidak kawal, maka ia jadilah satu isu, tercetus satu isu yang memerlukan *intervention* daripada pihak polis.

Maka trend ini menunjukkan bahawa kemungkinan besar sebab kita memerlukan satu kajian yang lebih mendalam lagi tetapi saya yakinlah bahawa rakyat Malaysia memang lebih berhati-hati dan tidak memandang sesuatu isu itu sebagai isu perkauman. Misalnya kemalangan jalan raya melibatkan dua pihak, kedua-dua pihak terdiri daripada kaum yang sama walaupun bergaduh, bertumbuk tidak jadi isu tetapi sebaliknya kalau dua kaum yang berbeza mungkin kalau tidak sengaja ataupun dalam keadaan marah, mengeluarkan perkataan yang melukakan perasaan dari segi kaum ataupun agama, maka akan mencetuskan.

Oleh sebab itu saya memang menyokong pandangan seorang profesor di negara kita Profesor Ulung, *distinguish professor*, Profesor Syamsul Amri Baharuddin dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau ini seorang pakar *sociology*, *anthropology* dan beliau memang seorang pakar dari segi pengajian dan kajian perhubungan antara kaum. Beliau dengan jelas menyatakan bahawa dengan izin saya petik ini sebab ini adalah kertas kerja yang dibentangkan oleh beliau dalam satu persidangan antarabangsa. Katanya, "*Malaysian society in general has enjoyed cross cutting social ties*" iaitu perhubungan sosial antara kaum yang melibatkan kaum-kaum yang berbeza "*and existed in the state of social cohesion*" iaitu kesepaduan *social*, "*sharing value norms and many things together for many decade*" iaitu berpuluh-puluh tahun sudah berkongsi pengalaman, berkongsi nilai, norma dan sebagainya.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okey, boleh. Silakan.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik tentang kenyataan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri tentang profesor ulung ini. Saya pernah mendengar syarahan dan

ucapannya. Adakah pihak kementerian akan mengambil inisiatif dan usaha dengan lontaran Yang Berbahagia Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin daripada Universiti Kebangsaan Malaysia ini yang mencadangkan kepada kerajaan supaya kita mewujudkan R&D dalam bidang sosial sebab menurut pandangan beliau sangat penting bagi memastikan bagaimana kita dapat mendalami dan memahami akan selok-belok dan untuk mewujudkan suatu persefahaman yang berkekalan bagi negara kita di Malaysia ini?

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, adakah inisiatif daripada kementerian Yang Berhormat Menteri untuk mengambil suatu tindakan menjurus daripada cadangan Yang Berbahagia Profesor Ulung ini untuk dijadikan suatu *tinting* ataupun *research* dalam bidang sosial ini untuk memastikan bahawa di masa akan datang kita akan lebih menampakkan negara kita satu kesepaduan dan persefahaman yang sangat baik bagi membentuk negara maju di masa akan datang. Terima kasih, mohon penjelasan.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Terima kasih Yang Berhormat Silam. Sebenarnya kerajaan melalui Jabatan Perpaduan dan juga melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah dan akan terus menaja penyelidikan dan kajian dalam bidang sosial yang melibatkan pengajian terhadap perhubungan antara kaum dan agama. Sememangnya beberapa geran penyelidikan yang telah diberi oleh jabatan saya untuk menyokong dan menaja penyelidikan seumpama ini dan telah menghasilkan beberapa kajian dan pandangan yang bernas dan dapat membantu kerajaan dari segi perancangan dasar dan pelaksanaan program.

Di samping itu, ianya bukan terhad kepada institusi yang diketuai oleh Profesor Ulung Dr. Shamsul Amri tetapi juga melibatkan universiti-universiti lain di mana kita banyak menggalakkan pengajian secara objektif, secara rasional dan secara profesional terhadap isu perhubungan antara kaum. Izinkan saya melanjutkan lagi satu perenggan yang diperkatakan oleh Profesor Dr. Shamsul ini dengan izin "*but rational Malaysian also recognizes that while we enjoy a certain positive level of social cohesion. It is not of plain selling*", bukan semuanya sempurna. "*It has been punctuated problems, contradictions and conflicts of varies kinds*".

Memang ada konflik dan kita tidak menafikan "*but how together by the willingness to negotiate continuously in order to maintain consensus peace and stability*" iaitu walaupun memang terdapat perbezaan, bukan sahaja antara kaum antara anggota keluarga pun, memang kita saksikan dalam Dewan yang mulia ini dan dalam arena politik ada adik-beradik di dua-dua pihak yang berlainan, perbezaan pandangan. Namun rakyat Malaysia memang dijalin oleh kesudian untuk bersama untuk berunding bersama dan supaya kita dapat mengekalkan keamanan dan kestabilan sebab kita amat menghargai ciri-ciri ini sebagai yang amat penting untuk negara kita terus maju.

■1450

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan di sini bahawa memang merupakan komitmen pihak kerajaan untuk terus memupuk semangat muhibah yang sedia ada

di kalangan rakyat untuk juga terus mempromosikan semangat dan sikap kesederhanaan atau *moderation* sehinggakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bukan sahaja mempromosikannya di dalam negara kita sendiri tetapi membawa mesej dan juga pergerakan ini ke tahap antarabangsa.

Oleh itu, sekiranya kita mempunyai komitmen dan kesedaran seumpama ini, maka sudah pastilah bahawa kita akan terus dapat mengatasi pelbagai jenis cabaran dan masalah yang akan kita temui dalam perjalanan dan perjuangan kita untuk mencapai negara yang maju. Apa yang penting dan sering disebut oleh Perdana Menteri iaitu kita mesti menjadikan sebagai asas perjuangan kita ialah kita merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, di mana telah diletakkan asas sebagai perhubungan antara kaum. Akan tetapi yang lebih penting ialah program-program yang dapat dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan juga oleh pihak pertubuhan bukan kerajaan. Ini amat penting di peringkat akar umbi.

Di samping itu, Jabatan Perpaduan telah memperkenalkan satu program untuk melatih mediator komuniti iaitu orang yang akan diberi latihan mengenai pengetahuan dan kemahiran sebagai perantara untuk selesaikan apa juga konflik atau pergaduhan yang mungkin timbul di peringkat akar umbi supaya kita mengelakkannya untuk mencetus sesuatu yang lebih besar.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: [*Bangun*]

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Sehingga sekarang ini, seramai 519 orang mediator komuniti telah dilatih dan ditauliahkan. Maka kita akan meningkatkan lagi usaha kita untuk melatih lebih ramai lagi mediator komuniti oleh seorang pakar iaitu Dato' Dr, Wan Halim, yang dulunya dari USM. Ya, dipersilakan.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dengan jelas apa yang disyarahkan oleh Menteri tadi. Akan tetapi sedarkah Menteri, kadang-kadang ada tindakan-tindakan yang dianggap terlalu lembap oleh kerajaan seperti menyelesaikan masalah-masalah kekurangan guru-guru Cina di sekolah-sekolah Cina yang menyebabkan rakyat kaum Cina merasakan teknokrat-teknokrat dan juga pegawai-pegawai yang banyak mendominasi jabatan-jabatan pendidikan kementerian yang hanya Melayu dianggap seolah-olah pegawai-pegawai Melayu ini 'sabotaj'. Jadi ini menimbulkan perasaan marah. Sedangkan, tindakan lambat oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah guru ini – ini masalah pendidikan, masalah cukup asas yang dekat dengan mereka. Apakah ini tidak menjadi satu bahan yang boleh mencetuskan rasa tidak puas hati? Benda kecil sahaja, tetapi oleh kerana benda ini terlalu lambat diambil tindakan oleh kerajaan, menyebabkan benda itu makin besar dan apa juga yang boleh menyebabkan ia *stack* dan ini memberikan masalah yang besar di masa hadapan. Apa pendapat Menteri tentang hal ini? Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam konteks masyarakat majmuk, masalah dan isu biasa pun kadangkala dipandang dari sudut yang mempunyai unsur-unsur kaum atau agama. Ini kita tidak dapat nafikan. Walau bagaimanapun,

seperti yang telah diperjelaskan oleh rakan saya semasa menggulung iaitu Timbalan Menteri Pelajaran, memang isu ini adalah sebahagian daripada isu-isu pendidikan yang lain, bukan sahaja SJK(C), SJK(T), mahupun ada juga sekolah-sekolah kebangsaan khasnya di kawasan-kawasan yang terpencil di pedalaman yang menghadapi banyak masalah. Oleh itu, di mana-mana tempat pun memang Kementerian Pelajaran merupakan satu kementerian yang besar dan mempunyai tanggungjawab yang berat, dan isu penempatan guru ini memang melibatkan banyak aspek, seperti bekalan (*supply*), permintaan (*demand*). Dalam sebuah negara yang dahulu begitu terancang seperti Soviet Union ataupun China, masalah seumpama ini masih berlarutan.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah menunjukkan komitmen dan juga keazaman untuk menyelesaikan masalah secara konkrit. Sekarang telah diwujudkan satu jawatankuasa tetap yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri dan juga pegawai-pegawai kanan supaya kita mendapat satu gambaran menyeluruh dan kita dapat mendatangkan penyelesaian. Oleh itu, memang Kerajaan Barisan Nasional mengambil berat segala isu yang melibatkan semua kaum. Kita telah berusaha dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, khasnya selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih, oleh kerana komitmen untuk rakyat didahulukan, semua rakyat, bukan mana-mana kumpulan sahaja, dan untuk mengutamakan pencapaian iaitu penyampaian dan inilah isu-isu teknikal ini, sudah, sedang dan akan terus ditangani dengan secara lebih berkesan berbanding daripada dahulu.

Oleh itu, kita memang memahami bahawa Gagasan 1Malaysia hendaklah diberi pengisian yang secukupnya supaya ianya akan menjadi satu panduan kepada kita semua dan saya berharap bahawa pihak sebelah juga akan menyokong dan mengamalkan semangat 1Malaysia. Maka itulah secara ringkas rumusan saya dan saya percaya bahawa dengan semangat muhibah, kita akan terus dapat mengatasi apa juga masalah yang timbul. Dengan ini saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya hendak jemput Yang Berhormat Menteri seorang lagi untuk menggulung. Saya berharap Yang Berhormat, kalau mencelah pun, minta tolonglah buat secara menyoal, bukan hendak tunjuk pandangan dan hendak tunjuk pengetahuan sendiri dalam bidang-bidang yang tertentu kerana masa kita singkat. Hari ini hari Khamis dan semua orang saya cukup yakin akan balik ke kawasan masing-masing. Yang Berhormat Menteri, sila.

2.58 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengucapkan terima kasih juga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2012.

Sekarang tibalah giliran saya pula untuk menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh secara langsung bidang tugas di bawah saya.

Yang Berhormat Sibuti berharap SCORE dapat memberi pekerjaan serta memberi manfaat kepada rakyat Sarawak. Seperti kita sedia maklum, SCORE merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengimbangi pembangunan di antara kawasan bandar dan luar bandar, di mana SCORE adalah kawasan yang dikenal pasti sebagai pemangkin pembangunan yang berasaskan tenaga diperbaharui seperti empangan hidro.

Limpahan daripada penyediaan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air, tenaga dan telekomunikasi adalah merupakan manfaat yang diterima oleh penduduk setempat di mana mereka mendapat kemudahan-kemudahan asas yang lebih baik dan kemudahan perhubungan di antara satu tempat ke satu tempat yang lain. Peluang pekerjaan juga diwujudkan secara tidak langsung kepada penduduk-penduduk Sarawak di mana syarikat-syarikat yang terlibat dalam kerja-kerja pembinaan memerlukan tenaga-tenaga kerja mahir dan separuh mahir.

■1500

Begitu juga kilang-kilang yang didirikan di taman-taman perindustrian menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan juga penduduk negeri Sarawak. Sebagai contohnya, bagi kilang-kilang yang telah beroperasi di Tanjung Manis dan Mukah telah menyediakan pekerjaan kepada hampir 500 rakyat tempatan. Dalam hubungan ini juga Ahli Yang Berhormat Sarikei juga ingin mengetahui perkembangan persekitaran Tanjung Manis yang telah diiktiraf sebagai projek *hub* halal akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh pembangunan *hub* halal di Tanjung Manis telah dikenal pasti sebagai salah satu projek di bawah Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE). Sebanyak RM91 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan hab halal Tanjung Manis. Kawasan di persekitaran Tanjung Manis di Wilayah Tengah Sarawak termasuk Mukah akan menikmati hasil pembangunan Tanjung Manis sebagai bandar industri baru yang merangkumi bidang perikanan, perkayuan hab halal dan perkapalan. Limpahan daripada pembangunan yang dirancang, masyarakat tempatan dan penduduk persekitaran akan menikmati manfaat seperti perwujudan infrastruktur jaringan jalan raya bertaraf moden, pembangunan sumber air untuk bekalan air dan infrastruktur telekomunikasi.

Selain itu kemasukan pelaburan ke tapak hab halal Tanjung Manis telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk di persekitaran Tanjung Manis. Di antaranya ialah **C-Pati BioMay, Andaman, Jeffy** dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.1 bilion.

Ahli Yang Berhormat Langkawi mencadangkan agar penambahbaikan *Langkawi Tourism Blueprint* diambil kira oleh kerajaan dengan mengambil manfaat penghuni menyeluruh di Langkawi dan tidak tertumpu pada satu kawasan sahaja iaitu pantai Chenang. Saya masih

ingat dua tahun lepas di Dewan yang mulia ini beberapa Ahli Yang Berhormat telah berbincang tentang Langkawi dan pentingnya kita memberi satu nafas baru kepada Langkawi. Kerajaan telah mengambil pandangan itu dan satu *Blueprint* Pelancongan Langkawi telah diwujudkan...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Ya.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tidak tahu ada jawapan kemudian. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri baru menyentuh hal Sarawak, SCORE. Saya dalam ucapan saya menyentuh perkara saya mohon agar kerajaan prihatin kepada mereka yang duduk di sepanjang Batang Baleh di kawasan Hulu Rajang Parlimen dan juga ke Kapit kerana mereka di sana dalam ucapan, saya memberi keterangan bahawa mereka akan terlibat secara tidak langsung akan tetapi kedudukan mereka nanti apabila kerajaan Sarawak membina sebuah empangan baru yang dicadangkan di Sungai Putai di Baleh.

Jadi saya menyarankan kepada kerajaan agar ada *economic package* untuk masyarakat setempat perlu dilaksanakan nanti ataupun mula dirancang buat masa sekarang supaya kita tidak mengulang apa yang telah terjadi di BAKUN, dan juga di Batang Ai. Saya pun datang dari kawasan itu asal-usul saya. Rumah panjang saya di Baleh. Jadi rakyat di sana prihatin sangat peringkat ini Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat Kapit. Memang itulah cadangan kerajaan di mana sebelum kita memulakan apa-apa rancangan besar seperti di Sungai Putai itu kita akan membentuk, mewujudkan satu pakej yang lengkap dan sempurna yang memberi manfaat kepada semua *stakeholders* yang terlibat. Itulah rancangan kerajaan, terima kasih Yang Berhormat Kapit.

Blueprint Langkawi telah diwujudkan dengan 14 inisiatif yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan oleh pihak awam dan swasta. Ini meliputi keseluruhan kawasan Langkawi, termasuk Pulau Tuba. Pelaksanaan inisiatif tersebut bertujuan untuk merencanakan industri pelancongan serta meningkatkan kemahiran pendapatan dan kualiti hidup keseluruhan penduduk Langkawi. Selain daripada inisiatif Chenang berwajah baru yang tertumpu kepada pembangunan kawasan pantai Chenang, 13 inisiatif lain adalah *geo-park icon*, muzium hidup, penginapan mewah, barat laut yang meriah, MICE Bitara, program pengiktirafan, jaringan pengangkutan, *mobile* darat, kesihatan dan sanitasi, titik sentuh sasaran, penjenamaan dan pemasaran, akademi pelancongan, serta pertanian dan perikanan.

Penduduk Langkawi khususnya akan mendapat manfaat secara langsung melalui peluang yang akan diwujudkan menerusi pelbagai aktiviti pertanian dan perikanan, serta perniagaan dan perkhidmatan berkaitan pelancongan. Selain dari itu penduduk tempatan juga dapat mempertingkatkan kemahiran dalam bidang hospitaliti serta kulineri serta ditawarkan gaji yang lebih baik melalui penubuhan akademi pelancongan.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Menteri minta penjelasan sedikit.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Ya.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Selaku anak jati Langkawi ini saya ucap terima kasih banyak atas *blueprint* pelancongan yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Pusat. Yang Berhormat Menteri ada dua bidang Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, iaitu berkaitan dengan soal kesihatan. Saya dapati belum selesai lagi soal kesihatan ini mengikut paras yang kita kehendaki untuk pelancongan antarabangsa. Sebab Hospital Langkawi walaupun dari sudut fasiliti bangunannya itu telah cukup tetapi *software* masih lagi kurang, maksudnya perkhidmatannya masih lagi memerlukan sokongan daripada Tanah Besar.

Oleh sebab itu apabila isu berkaitan dengan ambulan feri tidak boleh dilaksanakan sebab kosnya yang tinggi, tetapi apakah alternatif-alternatif lain yang dirancang supaya pelancong-pelancong luar yang datang itu boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti seperti mana di Pulau Pinang. Kita terima kasih kerana Pulau Pinang agak lebih *advance* daripada Pulau Langkawi dalam bab kesihatan.

Yang keduanya bab pertanian dan perikanan tadi, saya difahamkan ada satu kaedah penanaman padi organik yang termasuk di dalam kategori pelancongan kerana dia melibatkan sebahagian tanah milik keluarga. Cumanya yang saya pertikaikan peruntukan yang dikeluarkan untuk bidang pertanian itu, bolehkah Yang Berhormat – Dalam bidang pelancongan tetapi sub topik itu ialah pertanian adakah peruntukan khas diberikan untuk pertanian. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Memang saya bersetuju saya sendiri pergi melihat taraf kesihatan di Langkawi beberapa kali dan memang ada ruang untuk kita pertingkatkan. Inilah bila tujuan kita mewujudkan satu *blueprint* dan juga memberi kuasa yang lebih kepada LADA dan melantik Tan Sri Khalid Ramli sebagai Ketua LADA yang baru. Isu hospital ini memang benar yang jadi masalah kadang-kadang ialah sebab tidak ada spesialis di Langkawi. Kita sedang cuba, LADA sedang cuba untuk *upgrade* kualiti doktor di Hospital Langkawi supaya juga mempunyai spesialis supaya kita tidak bergantung sangat untuk pergi ke *mainland*. Berhubung dengan padi organik saya tidak ada maklumat, saya akan jawab secara bertulis.

Ahli Yang Berhormat Labuan pula menyarankan agar Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu saya meninjau Labuan yang mempunyai banyak potensi ekonomi dan boleh dibangunkan oleh kerajaan. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, Unit Perancangan Ekonomi JPM sememangnya menyedari potensi Labuan yang boleh dibangunkan oleh kerajaan. Kita sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar bagi meneliti sebarang permohonan peruntukan pembangunan termasuk projek yang melibatkan pembangunan di Labuan.

■1510

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam *rolling plan* kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh sahaja kita telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM146.3 juta terutamanya bagi pelaksanaan projek-projek kemudahan infrastruktur yang akan mendorong pertumbuhan kegiatan ekonomi di Labuan. Ia termasuklah projek pembinaan loji air Beaufort fasa 2 dan pemasangan paip dasar laut dari loji ke Labuan, projek meningkatkan kemudahan empangan dan loji Wilayah Persekutuan Labuan dan projek jalan dari Pohon Batu, Simpang Tamu ke Pancor Hitam.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai isu pengagihan dan kemiskinan. Ahli Yang Berhormat Jasin ingin mengetahui langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam mengurangkan lebar jurang perbezaan antara kaum. Manakala Ahli Yang Berhormat Pasir Mas ingin mengetahui apakah tindakan *affirmative* yang diambil oleh kerajaan untuk membantu bumiputera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya jurang pendapatan antara etnik semakin bertambah kecil.

Ini dapat dilihat menerusi pengurangan nisbah ketidaksamaan pendapatan di antara etnik di mana nisbah ketidaksamaan pendapatan antara etnik bumiputera dan etnik Cina misalan telah turun daripada 1:1.64, pada tahun 2004. Pada 1:1.38 pada tahun 2009. Ini bermaksud pada tahun 2004, untuk RM1.64 pendapatan etnik Cina, kaum bumiputera hanya mendapat RM1. Akan tetapi pada tahun 2009, bagi RM1.38 pendapatan etnik Cina, kaum bumiputera dapat RM1. Seperti sama juga dengan perbezaan antara kaum bumiputera dengan etnik India telah turun daripada 1.11 bagi 1.27 pada 1 bagi 1.10.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat. Sini. Terima kasih di atas penerangan Yang Berhormat. Memang dikatakan jurang pendapatan di antara kaum semakin hari semakin kecil. Malah di peringkat majoriti rakyat negara kita, kita dapati isu *bread and butter* tidak timbul masalah lagi. Kita tahu dan semua sedar negara kita tidak ada yang mati kebuluran. Maknanya, yang dihadapi sekarang ini kalau daripada segi pendapatan itu untuk menampung kos-kos yang terus meningkat.

Akan tetapi isu yang saya ingin bangkitkan Yang Berhormat, ialah soal pembahagian kek ekonomi negara secara holistik. Bukan jurang pendapatan sahaja iaitu cuba kita lihat. Kalau kita lihat senarai yang dikeluarkan, *billionaire* negara Malaysia. Kita lihat nombor satu, nombor dua, nombor tiga, nombor empat, ada juga orang Melayu seorang, dua. Yang lain, kaum lain. Tidak mengapalah. Cuma isu saya ialah hendak menentukan bahawa pembahagian kek ekonomi negara kita biar adil. Maknanya, atas dasar majoriti kaum bumiputera kita kata 50%, 65%. *Now*, kita hendak *target* 30% pun tidak sampai.

Jadi, isunya kek ekonomi ini dibahagikan dengan cara adil. Ini yang saya maksudkan. Soal jurang perbezaan peringkat bawah, *bread and butter*, saya rasa tidak timbul masalah. Malah saya pun amat menghargai dan kagum apabila kerajaan membantu semua kaum.

Sekarang ini seperti BR1M, RM100 baucar buku sekolah, Rumah PR1MA, semua diberikan kepada semua kaum. Ini bagus, ini soal *bread and butter* tetapi soal kekayaan negara kalau dihitung daripada segi holistik, daripada segi pembahagian kek ekonomi negara. Ini yang kita hendak lihat. Kalau ada 10 orang sehingga 15 orang *billionaires*, sekurang-kurangnya ada empat orang atau lima orang bumiputera. Macam itu, contohnya. Pembahagian kek ataupun hendak dikira daripada segi statistik pun boleh.

Daripada segi *property rights*, hak milik *property*. Kita lihat berapa banyak milik kaum bumiputera. Kalau lihat dalam bandar-bandar, malah ia dimajukan oleh kerajaan pun akhir sekali tidak boleh dikuasai oleh kaum bumiputera kerana harganya mahal. Cuba kita pergi secara *detail*, saya dapati memang kekayaan ekonomi negara untuk kaum bumiputera, khususnya orang Melayu jauh terpinggir. Ini yang saya katakan, saya tanya apakah perancangan *affirmative action* walaupun sekarang ini ada tetapi saya kira belum mencukupi. Itu sahaja soalan.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Yang Berhormat Pasir Mas, memang *point* yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Pasir Mas itu betul. Daripada segi *bread and butter issue*, kita telah berjaya sejak kita merdeka dahulu. Daripada garis kemiskinan 49.3%, pada masa tahun 1970 itu, 13 tahun selepas merdeka. Kadar kemiskinan 49.3%, hari ini kurang daripada 4%. Akan tetapi ada dua isu yang penting seperti yang disebutkan, yang diutarakan tadi oleh Yang Berhormat Pasir Mas.

Satu, sungguhpun kemiskinan telah kita hampir hapuskan tetapi juga ada kumpulan 40% yang terbawah yang perlu kita angkat untuk hidup lebih selesa. Sungguhpun mereka ini bukan miskin tetapi pendapatan mereka ini mungkin di antara RM1,500 sehingga RM2,300, mungkin cukup untuk hidup seharian. Akan tetapi apabila ada kemalangan ataupun ada satu musibah, mereka susah dalam keadaan *vulnerable*. Jadi, kumpulan ini juga termasuk dalam 40% ke bawah dan kita hendak mengangkat kumpulan ini ke atas. Ini termasuk semua kaum, kaum Melayu, India dan Cina sungguhpun 76% adalah kaum Melayu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Nanti saya jawab soalan dahulu. Saya beri peluang. Untuk 40% itu cara kita hendak mengangkat mereka untuk hidup lebih selesa ialah pertama, program peningkatan keupayaan dan kebolehan, *capacity and capability building*, dengan izin. Melalui program penyelidikan dan latihan bagi meningkatkan kelayakan dan kemahiran kumpulan sasaran, 40% ini.

Kumpulan sasar juga akan menjadi lebih *employable* dan *marketable*. Itulah hasrat kita. *Employable* dan *marketable* dlm bersaing mendapatkan pekerjaan bergaji lebih tinggi. Itu yang pertama. Kedua, program peningkatan pendapatan secara bersepadu melalui pelaksanaan program *agropolitan* dan perladangan kontrak. Program ini merangkumi pembangunan ladang berpusat serta kawasan penempatan semula yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan

asas. Ketiga, memberikan tumpuan pada keperluan kumpulan sasaran khusus seperti masyarakat Orang Asli dan bumiputera di Sabah dan Sarawak dan penduduk-penduduk yang tertinggi yang lain.

Satu lagi isu ialah isu pokok juga yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tentang bahagian bumiputera yang adil. Kerajaan memang komited dan akan terus komited untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti bumiputera menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun konsep pemilikan kekayaan ini tidak hanya tertakluk pada ekuiti korporat sahaja tetapi melangkaui pemilikan hartanah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, hartanah, aset perniagaan, ruang niaga, bangunan komersial, harta intelek dan lain-lain. Dalam hal ini penekanan akan terus diberikan pada instrumen seperti pemilikan institusi bagi ekuiti korporat dan diperluaskan merangkumi hartanah.

Dalam perkara ini saya ingin menyebut dua instrumen baru Yang Berhormat, yang dilaksanakan oleh kerajaan baru-baru ini untuk memperhebatkan lagi usaha kita untuk membantu bumiputera. Satu ialah Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), adalah sebuah entiti bumiputera yang diwujudkan oleh kerajaan bertujuan untuk menggalakkan peningkatan penglibatan golongan bumiputera di dalam bidang ekonomi menerusi pewujudan syarikat-syarikat peneraju generasi baru Malaysia. Antara objektif utama penubuhan Ekuinas ialah untuk membuat pelaburan di dalam syarikat potensi tinggi berasaskan pendekatan meritokrasi, telus dan mesra pasaran. Ekuinas mendukung prinsip menyokong pemenang atau *backing winners* di mana Ekuinas menumpukan pelaburan di dalam syarikat-syarikat beroperasi yang mempunyai prestasi mantap.

■1520

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat...

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakop: ...Untuk menunjukkan potensi untuk berkembang ke peringkat yang seterusnya.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, sedikit sebab ada kaitan lagi. Salah satu strategi yang saya nampaklah kalau boleh dicadangkan untuk dipastikan di mana baru-baru ini ada pengumuman bahawa GLC- GLC kerajaan akan melupuskan setengah-setengah kepentingan dalam projekkah? Saya pun tidak lupa.

Jadi apakah ini tidak boleh ditentukan bahawa pelupusan ini diberikan kepada keutamaan kepada syarikat-syarikat bumiputera, sebab GLC ini ditubuhkan dahulu pun untuk membantu Bumiputera yang tidak berupaya untuk menjalankan projek tersebut, apabila sudah maju maka di *transfer* kepada kaum bumiputera, pastikan sebab saya nampak pengumumannya mengatakan berdasarkan kepada keupayaan, tidak kepada prioriti, ini yang saya hendak nombor satu.

Nombor dua, Yang Berhormat sebut tadi Ekuinas, saya dimaklumkan bahawa Ekuinas memang memainkan peranan yang penting dan maju ke hadapan tetapi mereka tidak cukup

modal dan perlu kepada suntikan modal, apakah kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi suntikan modal untuk Ekuinas supaya mereka lebih bertenaga dalam usaha untuk mencapai matlamat ini. Sekian terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat, kerajaan telah mengumumkan bahawa sepuluh syarikat iaitu lima syarikat di bawah PNB dan lima syarikat di bawah Khazanah akan dilupuskan. Maksud kerajaan ialah PNB dan Khazanah ada syarikat masing-masing seperti Telekom, Tenaga, Sime Darby dan lain-lain lagi dan syarikat-syarikat ini pula ada anak-anak syarikat masing-masing, banyak juga dan anak-anak syarikat ini kadang-kadang bukan merupakan *core asset* ataupun *core function* dengan izin bagi syarikat-syarikat PNB atau syarikat-syarikat Khazanah dan kerajaan telah memutuskan bahawa syarikat-syarikat ini dilupuskan dan diberikan kepada bumiputera, itu *confirm* dan saya boleh *confirm*kan di sini, itu hanya diberikan kepada bumiputera.

Berhubung dengan Ekuinas tadi tidak cukup modal..

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: ...Setakat ini Ekuinas tidak kembali kepada kita untuk meminta modal yang lebih tetapi kita akan berbincang dengan Ekuinas dan sekiranya mereka memerlukan modal yang lebih, kita akan memberikan. Saya *just* dua minit sahaja habiskan isu ini.

Satu lagi instrumen yang diwujudkan baru-baru ini ialah Teraju dan Syarikat Teraju diwujudkan di bawah Majlis Tindakan Agenda Bumiputera juga untuk tujuan memastikan bahawa pengagihan-pengagihan kekayaan yang dijana oleh ekonomi dibahagikan secara adil supaya kaum bumiputera juga dapat bahagiannya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapat *feedback* daripada rakan-rakan yang mempunyai maklumat berkenaan dengan peranan PEMANDU dan juga Teraju seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat baru sekejap tadi. Cuma sebelum Yang Berhormat Menteri memberikan saya peluang tadi, saya ingat hendak bertanyakan satu soalan yang ringkas, Yang Berhormat Menteri pernah membawakan di dalam Dewan yang mulia ini tentang cadangan untuk mengeluarkan satu indeks tentang golongan 40% Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, yang duduk di tengah-tengah golongan yang menjadi sasaran untuk kita berikan bantuan.

Saya hendak – Kalau boleh hendak sedikit maklumat daripada Yang Berhormat Menteri, kalau berlandaskan kepada isi rumah, kita ada 4.04 isi rumah yang bawah daripada RM3,000, maksudnya di *combine*, dicampurkan pendapatan mereka kurang daripada RM3,000, sekali gus melayakkan mereka menerima bantuan kewangan baru-baru ini. Cara kita melihat, saya hendak tahu, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri punya pendapat, sekiranya satu isi rumah minimumnya lima orang, kita bercakap tentang 20 juta rakyat Malaysia yang duduk dalam kelompok RM3,000 ke bawah secara *combine* pendapatan, satu isi rumah dan Yang

Berhormat Menteri mengesahkan juga dahulu, kita ada RM583 bilion kekangan hutang rumah tangga di kalangan rakyat Malaysia, yang juga menyentuh tentang 20 juta rakyat Malaysia yang dianggap layak menerima bantuan, tidakkah kita dalam keadaan yang sangat terdesak sekarang, 20 juta daripada 29 juta rakyat Malaysia lebih daripada majoriti yang menghadapi masalah yang cukup rumit sekarang.

Jadi satu pengesahan saya hendak kalau Yang Berhormat Menteri ada maklumat lebih baik, kita juga cuba untuk membantu untuk memberikan input perkara ini terutama dari segi statistik dari segi bilangan yang sesungguhnya memang benar-benar dalam keadaan menjadi tumpuan, sama ada PEMANDU ataupun Teraju. Malah saya juga Ekuinas juga sepatutnya mempunyai satu angka yang lebih baik untuk membantu dalam *small medium industry*. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Menteri dari segi jumlah bilangan dan statistik tersebut, untuk sementara ini. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sambung sedikit Yang Berhormat Menteri boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit waktu dahulu kita mendengar tentang usaha untuk menubuhkan dalam pentadbiran yang lalu, apa yang dikatakan sebagai bumiputera *commercial and industrial community*. Sehingga kini kita amat insaf dan sedar betapa kedudukannya dari sudut ekuiti, pegangan ekuiti di kalangan Bumiputera dan Melayu, apakah langkah-langkah Yang Berhormat Menteri untuk mengelakkan ulangan kesilapan yang telah berlaku, satu? Di mana pada akhirnya *all about* dengan izin agihan yang bersifat *distribution justice*, agihan yang adil, peluang dan *opportunity* benar-benar mesti berpandukan kompetensi dan kelayakan dan bukan *don't know who*.

Keduanya, saya ingin tahu Ekuinas mutakhir ini berapakah jumlah, pada awal ia ditubuhkan Tuan Yang di-Pertua, ia disebutkan memiliki RM500 juta dana yang diberikan dan pada ketika itu juga disebutkan akan ditingkatkan kepada RM10 bilion. Saya ingin tahu berapa jumlah yang diuruskan, dikelola oleh Ekuinas, itu dahulu Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Sebenarnya 40% mereka yang tergolong dalam 40% yang terbawah adalah 11.2 juta, sebab automatik jika penduduk Malaysia 28 juta, penduduk 40% yang tergolong dalam 40% terbawah adalah 11.2 juta. Angka ini definisi 40% terbawah adalah mereka yang secara purata berpendapatan sebanyak RM1,440 dan maksimum adalah RM2,300 dan sungguhpun RM2,300 bagi kawasan Permatang Pauh atau Tasik Gelugor mungkin cukup tetapi di bandar-bandar memang tidak mencukupi dan kita sedar.

Oleh sebab itulah dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kita memberikan satu tumpuan yang begitu khusus untuk memastikan bahawa kumpulan 40% ini diangkat supaya mereka dapat hidup lebih selesa dengan peluang pekerjaan, dengan kapasiti *building* dan lain-lain. Untuk Yang Berhormat Kuala Selangor, kalau tidak salah jumlah peruntukan untuk Ekuinas adalah RM2.4 bilion, saya akan beri *confirmation* kemudian dan *commercial that industrial*

cluster atau komuniti itu memang, itu adalah objektif, itu adalah produk yang kita harus capai dan cara mencapainya akan berubah mengikut keadaan dan perubahan masa.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada isu ekonomi. Pada hari pertama perbahasan Titah Diraja 2012, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah membangkitkan mengenai unjuran pelaburan swasta dari tahun 2010 hingga tahun 2020 oleh PEMANDU yang menyasarkan sebanyak RM1.4 trilion dan ini dianggap tidak munasabah. Sebenarnya unjuran RM1.4 trilion merupakan sasaran yang *humility* dari tahun 2010 sehingga tahun 2020 selaras dengan matlamat negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sasaran pelaburan ini dibuat berdasarkan nisbah 60% swasta, 32% GLC dan 8% kerajaan. Unjuran tersebut adalah realistik dan kerajaan yakin bahawa negara akan mencapai matlamat ini berasaskan kepada strategi yang telah diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, ETP, GTP dan Model Baru Ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Gombak telah menyatakan bahawa ETP hanya mendatangkan keuntungan kepada syarikat korporat dan sebaliknya menekan nasib rakyat di bawah. Ini memang tidak benar. Memang syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam projek-projek ETP, mereka berbuat demikian untuk memperolehi keuntungan. Tidak ada syarikat yang akan buat masuk dalam satu-satu bidang untuk mengalami kerugian. Memang untuk mendapat keuntungan tetapi ini bukan satu *zero sum gain*. Kalau sebuah syarikat mendapat keuntungan, ini tidak bermaksud bahawa rakyat akan rugi. Sebenarnya, *it is the other way round*, dengan izin. Apabila kita memberi peluang kepada syarikat-syarikat untuk mula perniagaan, mula pelaburan, ini akan menjanakan ekonomi dan pada masa yang sama – oleh kerana penjanaan ekonomi itu hasil daripada penjanaan ekonomi itu, rakyat akan dapat pulangan dan rakyat juga akan dapat nikmati hasil dari penjanaan itu.

Selain dari itu, dalam projek-projek ETP juga kita ada projek-projek yang memberi *direct benefits* kepada rakyat seperti NKEA minyak sawit dan getah. Terdapat usaha untuk membantu pekebun kecil menanam semula kelapa sawit baru untuk menggantikan kelapa sawit yang tua. Ini bertujuan untuk memastikan hasil pengeluaran yang lebih baik.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: [Bangun]

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Di samping itu, langkah penggabungan tanah untuk diuruskan secara koperasi turut diperkenalkan. Pada masa yang sama, perkongsian amalan terbaik dilaksanakan dalam industri minyak kelapa sawit. Ini semua adalah antara usaha untuk membantu peneroka dan pekebun kecil kelapa sawit meningkatkan pendapatan.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Tidak nampak kah orang sebelah?
[Ketawa]

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Ya. Minta maaf. Minta maaf.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Suara saya tidak keluar. Tadi Yang Berhormat sebut tentang mengenai ekonomi dan sebagainya untuk melimpah kepada rakyat dan sebagainya. Saya buat soalan tetapi ini soalnya dalam Parlimen kepada Kementerian Kesihatan. Akan tetapi bagaimanapun, ini ada kaitan dengan EPU kerana EPU yang antara lain daripada penswastaan, Kementerian Kewangan lahir ke projek-projek yang ada kontrak. Saya tidak tahu apa yang di mana letaknya di sini.

Cuma saya hendak maklum, di kawasan saya sudah pun kerajaan membeli tanah untuk dibangunkan sebuah hospital baru. Hospital Besar di Kangar sudah terlalu banyak, terlalu sempit dan memerlukan satu kawasan baru. Jadi, satu kawasan, satu tapak tanah telah pun dibeli oleh kerajaan di kawasan saya Padang Besar. Akan tetapi, kerajaan dalam jawapan ini mengatakan dia hendak buat hospital baru juga di Kangar. Lebih kurang empat kilometer daripada kawasan hospital sekarang.

Saya ingin merakamkan dalam *Hansard* di sini, saya percaya cadangan untuk bina satu lagi hospital di Kangar bukan menggantikan yang lama tetapi sebagai tambahan adalah kerana ada orang yang mengemukakan cadangan untuk membuat projek secara *design and build* dan sebagainya kerana dia ada tanah. Akan tetapi kalau membuat satu hospital baru di kawasan utara, kawasan saya, akan membangunkan kawasan mundur. Sebuah hospital bukan sahaja untuk hospital.

Saya percaya Yang Berhormat memang sedia maklum, Yang Berhormat memang pakar dalam bidang ini. Sebuah hospital bukan sahaja mewujudkan untuk tempat rawatan orang sakit, bahkan membangunkan ekonomi tempatan. Macam-macam yang boleh diwujudkan untuk keperluan masyarakat setempat dan orang-orang yang datang. Jadi, saya hendak bertanya. Adakah kerajaan masih terlalu tertumpu kepada *vendor-oriented* di mana orang datang memberi cadangan dan kita tidak memikirkan tentang apakah itu membangunkan ekonomi setempat ataupun membangunkan ekonomi wilayah. Apakah yang menjadi dorongan sekarang ini? Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat dari Padang Besar. Saya tidak ada makluman tentang satu lagi hospital di Kangar. Saya akan semak dan memberi makluman kepada Yang Berhormat kemudian tetapi pada dari segi...

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Minta EPU tolong *check*.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Saya akan *check*.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Ini jawapan daripada Menteri Kesihatan. Jadi...

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: *I can try*.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Ya. Sebab orang-orang di kampung saya sudah hendak buat demonstrasi. Pemuda-pemuda hendak buat demonstrasi.

Beberapa Ahli: Buatlah.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Tapak yang – ya. Dia sudah SMS saya untuk buat demonstrasi.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Kita akan *check*. Kita akan *check*.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Ini dalam suasana pilihan raya ini saya minta diseriuskanlah sekarang.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Okey, kita akan *check*.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih, terima kasih. Kita akan *check*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri bercakap soal ekonomi dan pelaburan yang mana adalah sangat penting untuk perkembangan ekonomi dan melaksanakan berbagai kaedah untuk mendapatkan pelaburan daripada luar dan juga daripada dalam. Akan tetapi, saya mendapat maklumat di mana pihak pelabur-pelabur dalam negeri yang mempunyai keinginan dan juga kesetiaan untuk melabur.

Dengan itu, maknanya *domestic investment* sebagai mana yang hendak didapati oleh kerajaan itu akan dapat dijayakan. Akan tetapi, mengapa dalam keadaan yang begitu, dalam semangat yang begitu rupa, kita dapati banyak pelabur-pelabur dalam negeri yang menghadapi masalah di mana mereka berhadapan dengan birokrasi yang masih lagi menjadi halangan kepada pelaburan swasta dalam negeri untuk dijayakan. Ini menghairankan saya. Banyak birokrasi. Banyak kekangan, banyak halangan, banyak peringkat yang masih lagi tidak berubah daripada dahulu sampai sekarang.

Walaupun kita kata ada Government Transformation Programme (GTP), yang bermaksud bahawa sistem pentadbiran dan proses kelulusan permohonan berubah daripada dahulu di mana ianya mengambil masa bertahun-tahun untuk sesuatu pelaburan iaitu diluluskan. Masih lagi berlaku sekarang. Adakah Yang Berhormat Menteri menyedari perkara ini dan bagaimana ianya hendak diatasi oleh kerajaan supaya banyak lagi pelabur-pelabur dalam negeri dapat melabur dalam berbagai-bagai sektor ekonomi. Terima kasih.

■1540

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tan Sri saya hendak tanya persoalan-persoalan yang dibangkit dalam perbincangan awal masih banyak ke?

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Ada dua tiga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sedikit sahaja. Okey terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Isu berhubung dengan pelabur tempatan memang satu isu yang begitu penting. Minggu lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mempengerusikan satu jawatankuasa untuk mengarahkan MIDA dan MITI. Untuk memberi fokus yang lebih kepada *domestic investment*, pelaburan domestik untuk memberi mereka kelonggaran dan insentif yang lebih dan keputusan ini sudah pun dibuat.

Satu lagi isu yang dibangkitkan dalam perbincangan tadi ialah tentang Ekuinas saya tidak dapat beri jawapan tepat tadi. Pelaburan Ekuinas, setakat ini Ekuinas telah menerima dana sebanyak RM1.4 bilion bukan RM2 bilion. Minta maaf RM1.4 bilion dari pihak kerajaan. Sejak beroperasi pada bulan September 2009, Ekuinas telah membuat tujuh pelaburan secara langsung dan satu pelaburan melalui Program Penyumberan Luar dan Ekuinas telah berjaya menjana jumlah kemasukan modal sebanyak RM782 juta ke dalam ekonomi negara.

Saya beralih kepada soalan tentang Petronas. Ramai juga Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam perbincangan dalam Dewan yang mulia ini membangkitkan isu berkaitan dengan Petronas. Antaranya adalah Ahli Yang Berhormat Gombak yang telah membangkitkan beberapa pertanyaan berhubung dengan penglibatan Dialog Berhad dengan Petronas. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat saya akan menjelaskan satu persatu perkara yang dibangkitkan ini. Pertanyaan pertama, Yang Berhormat meminta penjelasan berhubung layanan istimewa kepada Dialog Berhad dengan Pengurusan Tertinggi Petronas. Ini kerana memberi kontrak seperti berikut:-

- (i) RAPID di Pengerang - USD20 bilion;
- (ii) Tanjung Langsung Terminal Storage - RM400 juta;
- (iii) Balai Cluster Marginal Field - USD1 bilion.

Isu hubungan layanan istimewa yang diberikan Syarikat Dialog Berhad memang tidak timbul. Ini kerana Syarikat Dialog Berhad atau Dialog tidak terlibat secara langsung secara Projek RAPID. RAPID itu *Refinery and Petrochemical Integrated Development* di Pengerang, Johor. Dialog memiliki sebuah prasarana terminal tangki penyimpanan yang berdekatan dengan lokasi Projek RAPID dan telah dibangunkan sebelum Projek RAPID bermula di bawah Syarikat Pengerang Independant Terminal Sdn. Bhd. sebagai SPV. SPV ini adalah usaha sama antara Dialog dan VOPAK Terminal Pengerang anak Syarikat Royal VOPAK Group dan juga Kerajaan Negeri Johor juga mempunyai 10% kepentingan dalam usaha sama ini. Oleh kerana lokasi terminal ini yang berdekatan dengan Projek RAPID pihak Petronas telah memulakan perbincangan dengan pihak Dialog berkaitan tangki perkapalan untuk memenuhi keperluan penyimpanan dari produk yang terhasil dari Projek RAPID ini pada masa hadapan.

Untuk Tanjung Langsung Port Oil Terminal pula, fasa pertama projek terminal tangki penyimpanan di Tanjung Langsung di bawah Langsung Terminal One Sdn. Bhd. mula beroperasi

pada tahun 2009 lagi. Langsat Terminal One Sdn. Bhd. adalah projek kerjasama di antara Dialog, MISC Berhad dan Puma Energy Asia Pacific BV. Projek ini juga telah bermula lebih awal lagi dari Projek RAPID dan tidak terlibat secara langsung dalam pelan pembangunan Projek RAPID. Pemberian kontrak untuk Balai Cluster Marginal Field adalah berdasarkan bidaan kompetitif. Berdasarkan bidaan ini syarikat yang berjaya iaitu ROC Oil Malaysia Holdings Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat milik penuh *ROC Oil Company Limited* dari Australia yang mempunyai kemahiran khusus. Dia merupakan *niche player* dalam bidang ini mengikut syarat yang ditetapkan oleh Petronas. ROC Oil dikehendaki mengenal pasti syarikat tempatan yang memenuhi kelayakan untuk menjadi rakan kongsi. Pemilihan Dialog ditentukan oleh ROC Oil berdasarkan ciri-ciri tertentu yang ditetapkan.

Pertanyaan kedua, Yang Berhormat mempersoalkan apakah kepakaran dan pengalaman Dialog Berhad dalam memperoleh kontrak tersebut. Seperti yang saya sebutkan tadi tidak ada kontrak secara *direct*. Pertanyaan ketiga Yang Berhormat ingin ketahui status Projek RAPID berhubung dengan adakah dilakukan *feasibility studies* dengan izin terhadap Projek RAPID. Untuk makluman Yang Berhormat *feasibility studies* dengan izin bagi Projek RAPID yang akan dilaksanakan di Johor telah siap. Berdasarkan laporan kajian tersebut pelaburan di dalam Projek RAPID diklasifikasikan sebagai berdaya maju.

Buat masa sekarang kerja-kerja kejuruteraan asas *basic engineering* dengan izin sedang dilaksanakan untuk menentukan jumlah kos pelaburan dengan lebih tepat. Keputusan muktamad untuk pelaburan ini akan diputuskan pada pertengahan tahun 2013. Untuk mencapai sasaran projek semua proses tender akan dibuat secara terbuka untuk memastikan ketelusan projek. Sementara rakan-rakan kongsi pelaburan akan dipilih berdasarkan pengalaman teknikal dan komersial serta kelebihan pemasaran. Rakan teknologi pula akan dipilih berdasarkan kemajuan teknologi terbaik dan terkini berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Petronas.

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Di bawah terma dan syarat yang ditetapkan ROC akan menjadi pengendali utama medan tersebut dengan pegangan 48% kepentingan ekuiti. Manakala Dialog Group - 32% dan Petronas Cari Gali - 20%.

Dari segi pemilihan dan penglibatan syarikat-syarikat tempatan seperti Dialog Group ianya dipilih oleh syarikat antarabangsa iaitu ROC Oil berdasarkan kriteria-kriteria. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Yang Berhormat Menteri tadi ada memberikan maklumat kepada kita tentang kontrak khidmat risiko Balai Cluster Field yang telah dimenangi oleh ROC Oil Malaysia Holding anak syarikat kepada ROC Oil Company Limited Australia secara bidaan terbuka Yang Berhormat Menteri ya. Bolehkah kepada Dewan Yang Berhormat Menteri maklumkan berapakah pembida yang telah

mengambil bahagian? Apakah kelebihan yang dimiliki oleh syarikat yang berjaya memenangi kontrak khidmat risiko Balai Cluster Field ini? Yang Berhormat Menteri tadi menyebut mengenai rekod prestasi yang baik, kedudukan kewangan yang kukuh, kepakaran teknikal dan kemahiran profesional.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri boleh lagi memberikan kepada kita penerangan tambahan kerana maklumat ini saya kira mustahak untuk makluman Dewan terutama kerana kita bercakap tentang mengusaha hasilkan medan kecil minyak dan gas yang kita panggil *marginal field*. Ini kerana selepas Tan Sri Hasan meninggalkan Petronas, kepimpinan baru itu mengubah polisi pelaburan Petronas. Kalau dahulunya pelaburan itu diberikan keutamaan di luar negara kerana pelaburan untuk mendapatkan minyak dan gas di *marginal field* ini memakan kos yang tinggi tetapi hasilnya tidak seberapa berbanding dengan polisi pelaburan di luar negara yang lebih terjamin tetapi kerana polisi itu berubah itu kita tidak persoalkan.

Cuma dalam mengusahakan *marginal field* ini sudah tentu pemilihan yang berasaskan bidaan terbuka kita hormati. Cuma barangkali maklumat tambahan tentang kelebihan syarikat yang berjaya memenangi yang maksudnya saya ialah kontrak khidmat risiko balai *cluster field* yang disebut sepintas lalu oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

■1550

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Yang Berhormat Machang, saya tidak ada maklumat yang dikehendaki. Saya akan beri kemudian secara bertulis.

Saya beralih kepada soalan dari Yang Berhormat Marang yang ingin tahun mengapa masih terdapat projek-projek gagal milik kerajaan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, daripada 7,828 projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk tahun 2011, sebanyak 408 projek iaitu 5.21% adalah projek lewat jadual, dan ini bermakna bahawa hampir 95% ikut jadual. Kita sedar masih terdapat kelemahan dan masalah dalam pelaksanaan projek-projek sungguhpun hanya 5%. Antara punca masalah yang dikenal pasti dalam pelaksanaan projek adalah pengurusan dalaman kontraktor yang lemah, masalah mendapatkan bekalan bahan binaan, masalah tenaga pekerja kontrak dan lain-lain. Kegagalan projek dalam memenuhi sasaran *outcome* atau impak yang dirancang...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Boleh saya sentuh?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Terima kasih Yang Berhormat. Antara sebab-sebab dalaman yang menyebabkan projek-projek ini lambat dan sebagainya, ingin saya maklumkan bahawa dalam PAC, tiap kali kita melihat banyak projek, kebanyakan projek yang gagal adalah projek-projek yang diawardskan melalui *direct nego*. Saya baca dalam akhbar, PM telah membuat keputusan untuk tidak *direct nego*. Sama ada projek *direct nego* akan berterusan ataupun akan diganti dengan sistem lain? Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yacop: Yang Berhormat, isu *direct nego* itu di bawah Kementerian Kewangan seperti Yang Berhormat sedia maklum, bukan di bawah saya. Saya tak dapat jawab soalan itu.

Datuk Azalina binti Othman Said: Laluan Menteri. Terima kasih Tan Sri. Sebenarnya Tan Sri, soalan saya berkenaan dengan isu yang ditimbulkan oleh Tan Sri berkenaan dengan projek Rapid dan Syarikat Dialog ya. Yang pertama sekali saya nak ucapkan tahniahlah kepada kerajaan dalam projek ETP ini yang begitu besar.

Walaupun bagaimanapun Tan Sri, saya ingin menimbulkan berkenaan dengan pampasan yang diberi kepada nelayan. Setakat ini Syarikat Dialog hanya bayar pampasan kepada tiga kampung dan Syarikat Petronas belum lagi membayar apa-apa pun pampasan. Jadi soalan saya, kalau kita tengoklah projek ini yang mana lebih kurang sepuluh kampung akan terlibat terutama sekali nelayan-nelayan daripada kampung sepuluh ini dan kita tengok lebih daripada jumlah 112 orang yang mungkin terlibat, daripada kiraan, kemungkinan lebih kepada jumlah 600 lebih.

Jadi soalnya kepada Tan Sri, siapakah yang bertanggungjawab untuk memberi pampasan kepada tujuh kampung yang berdekatan yang terlibat terutama sekali bagi nelayan iaitu agensi yang mana? Kedua, bilakah agaknya bayaran ini akan diadakan? Walaupun kita menerima hakikat projek ini begitu penting bagi ekonomi negara dan ekonomi negeri Johor, tetapi kita tidak boleh lari daripada kesan kehidupan masyarakat setempat khususnya nelayan dalam kawasan ini bila berhadapan dengan projek-projek yang begitu besar. Terima kasih Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed Yacop: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Isu berhubung dengan pampasan adalah isu di bawah kerajaan negeri dan semasa urusan pengambilan tanah, bayaran pampasan dan penempatan semula penduduk sedang dilaksanakan oleh pihak berkuasa negeri Johor. Kita difahamkan bahawa pihak berkuasa negeri Johor sedang mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa satu *outcome* yang adil dicapai dalam proses ini, dan proses ini dilaksanakan dengan mengambil kira *engagement* dengan semua penduduk tempatan. Saya dimaklumkan bahawa setakat ini kerajaan negeri melalui JUPEM Johor dan Pejabat Daerah Kota Tinggi telah mengadakan dua sesi penerangan dan perbincangan dengan penduduk setempat. Kerajaan negeri telah mengenal pasti dua lokasi penempatan baru iaitu di Tanjung Sepang dan Punggai yang melibatkan 640 orang penduduk.

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Menteri, soalan saya sebenarnya kepada fokus nelayan-nelayan. Berkenaan pampasan tanah itu memang dalam proses oleh kerajaan negeri tapi soalan saya berkenaan agensi yang bertanggungjawab dalam isu nelayan. Daripada apa yang kita tengok dan kita kaji, setakat ini tiga kampung nelayan diberikan pampasan oleh Syarikat Dialog. Sebagai contoh, 112 orang sahaja terlibat. Jadi dalam isu ini

ada tujuh lagi kampung yang terlibat. Jadi agensi mana yang bertanggungjawab, syarikat mana yang bertanggungjawab dan berapakah jumlah pampasan kalau dibuat kiraan? Terima kasih Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Untuk makluman berhubung dengan isu nelayan, saya akan memberi jawapan secara bertulis.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tan Sri dah habis tentang Petronas? Tuan Yang di-Pertua, maaf ya. Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sikit kepada Menteri sebelum pergi kepada agenda yang lain ataupun tajuk yang lain berkenaan Petronas ini. Macam mana usahawan bumiputera ataupun tempatan nak meniaga dengan Petronas kalau nak jumpa pegawai Petronas pun susah? Termasuk dia punya CEOnya, bukan main lagi susahnyanya. Yang dapat pergi jumpa orang besar-besar sahaja. Jadi kalau yang usahawan yang pertengahan, usahawan baru nak naik, tak ada *chance* langsung. Nak hantar surat pun tak boleh, kena tunggu di bawah dan telefon ke atas, orang atas datang turun bawah. Kita jumpa Perdana Menteri pun kita boleh terus naik ke atas. Pejabat Perdana Menteri ini. Ini pejabat CEO Petronas lebih hebat lagi macam Raja Jepun dia punya pejabat. *[Ketawa]*

Boleh tak Menteri tolong bagi tahu Petronas ini, pegawai-pegawai dia? Macam mana kalau tak ada komunikasi kalau tak boleh berjumpa, tak boleh berbincang, tak boleh membentangkan idea dan *proposal* daripada orang bawahan ini. Nak tolong macam mana? Saya tak mahu buat tuduhan tapi kebanyakan orang yang dapat peluang daripada Petronas yang mempunyai berbilion-bilion projek, orang-orang tertentu sahajalah kalau begitu keadaannya. Yang boleh telefon sahaja boleh jumpa di padang golf. Telefon dan boleh jumpa dekat sana sini. Kalau orang macam yang biasa-biasa ini, telefon tak angkat, yang angkat *office boy*, pegawai khas, macam mana? Ini berubahlah sikit Petronas ini. Saya percaya kalau Petronas betul-betul nak tolong usahawan tempatan tak kiralah apa bangsa pun, Melayu kah Cina kah India kah, banyak peluangnya. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya akan bagi tahu pegawai-pegawai pengurusan tinggi Petronas tentang pendapat ini. Tadi soalan tentang hospital di Kangar, saya diberi maklum balas bahawa syarikat swasta mungkin ada buat cadangan tapi belum sampai ke pejabat UKAS lagi. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian di dalam sesi perbincangan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dia dah habis Yang Berhormat. Saya harap Jepun-Jepun itu jangan suruh lama sangatlah duduk sana Tan Sri. Saya pun kena masalah Jepun ini. Telefon tak jawab, minta *reply* tak dapat. Saya bersamalah dengan Yang Berhormat Pasir Salak dalam hal Jepun itu. Ini Timbalan Speaker Dewan Rakyat pun tak kena jawab, macam mana pula yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Saya menjemput Yang Berhormat Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir.

3.59 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan hal ehwal Islam semasa perbahasan Titah Diraja. Saya telah meneliti semua isu yang telah dibangkitkan. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin memberikan penjelasan mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas. Ahli Yang Berhormat bertanya apakah reaksi kerajaan terhadap cadangan supaya diwujudkan Akta Murtad. Kerajaan mengambil maklum berhubung cadangan supaya diwujudkan Akta Murtad bagi menangani isu-isu murtad. Sebagaimana penjelasan saya semasa menggulung bajet pada tahun 2012 di Dewan ini pada akhir tahun lalu, saya ingin menjelaskan sekali lagi bahawa kerajaan telah dan sentiasa berusaha menangani isu murtad menerusi mekanisme perundangan yang telah pun sedia ada sejak sekian lama di samping memperkukuhkan termasuk mengambil kira diwujudkan Akta Murtad.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Salah satu langkah proaktif kerajaan dalam menangani isu-isu murtad khususnya bagi mengawal perkembangan dan pengembangan ajaran bukan Islam kepada orang Islam di Malaysia, dari segi perundangan adalah melalui penggubalan undang-undang kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam. Tindakan ini berdasarkan kepada Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan undang-undang negeri dan persekutuan boleh digubal untuk mengawal dan menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam. Beberapa buah negeri telah mempunyai undang-undang yang digunakan sebagai enakmen kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam.

Undang-undang ini diwujudkan bagi bertujuan untuk mengawal dan menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang yang telah menganuti agama Islam demi menjamin keharmonian dan kesucian Islam. Negeri-negeri yang telah menguatkuasakan enakmen kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam ialah seperti mana negeri Terengganu, Kelantan, Selangor, Melaka, Kedah, Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Perlis. Antara kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam undang-undang tersebut adalah sebagaimana yang berikut:

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Kalau boleh saya baca habiskan dahulu Yang Berhormat Pasir Mas.

- (i) kesalahan memujuk, mempengaruhi atau menghasut orang beragama Islam supaya mengubah keimanan;
- (ii) kesalahan mendedahkan orang belum dewasa beragama Islam kepada pengaruh agama bukan Islam;
- (iii) kesalahan mendekati orang Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan ataupun pertunjukan sesuatu mengenai agama bukan Islam;
- (iv) kesalahan menghantar, menyerahkan terbitan mengenai apa-apa agama bukan Islam kepada orang beragama Islam;
- (v) kesalahan membahagikan di tempat awam terbitan mengenai agama bukan Islam kepada orang yang beragama Islam; dan
- (vi) kesalahan berhubung dengan perkataan dan perbincangan tertentu yang bersumberkan Islam.

Dalam konteks penyebaran agama bukan Islam kepada orang Islam, individu bukan Islam yang didapati melakukan mana-mana kesalahan di bawah undang-undang ini boleh didakwa di mahkamah. Mahkamah yang diberi bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan-kesalahan tersebut ialah Mahkamah Sivil dan bukan Mahkamah Syariah. Dari segi penguatkuasaan pula ia boleh dilakukan dengan kerjasama antara Polis Diraja Malaysia dengan agensi penguatkuasaan agama negeri-negeri.

Walaupun negeri-negeri yang telah saya nyatakan di atas telah menguatkuasakan enakmen kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam, namun sehingga kini mengikut rekod JAKIM terdapat kes yang telah pun diambil tindakan iaitu kes yang berlaku di Pahang iaitu PP lawan Krishnan a/l Muthu di mana beliau telah dituduh di Mahkamah Majistret Temerloh, Pahang pada tahun 2002. Tertuduh telah dikenakan tindakan di bawah seksyen 4(2) Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Pahang 1989 dan tertuduh telah disabitkan dengan kesalahan tersebut dan dikenakan hukuman denda juga penjara oleh Mahkamah Majistret Temerloh, Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak tanya Yang Berhormat jawab tadi.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Memang Yang Berhormat, saya sedar mekanisme yang sedia ada untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan murtad seperti yang dijawab oleh Yang Berhormat. Dahulu pun Yang Berhormat ada menyebut dan saya masih ingat tetapi

apakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun sudah ada mekanisme yang disebutkan tadi tetapi ancaman murtad ini makin menjadi-jadi. Cadangan Akta Murtad ini dikemukakan oleh para cendekiawan Islam termasuk Mufti Negeri Perak dan juga lain-lain tokoh pensyarah universiti daripada fakulti Islam tempatan. Saya baca. Jadi mereka yang cadang sebab mereka berpendapat bahawa mekanisme yang ada sekarang tidak berkesan, maka itu dicadangkan. Maka saya hendak menyebut perkara ini serius supaya kerana ancaman.

Contohnya, sekarang ini banyak salah faham. Jabatan Pelajaran Johor dan Jabatan Mufti Johor bercadang untuk mengadakan seminar Ancaman Kristianisasi Terhadap Umat Islam pada 31 Mac ini. Seorang individu daripada Majlis Belia Gereja Malaysia (CCM), Kristiani Chin membantah dia kata ini bertentangan dengan Konsep 1Malaysia. Ini sudah bercelaru. Dia tidak faham apa itu Konsep 1Malaysia. Konsep 1Malaysia kita menyokong berlandaskan kepada prinsip Perlembagaan Negara kita iaitu Islam sebagai agama rasmi persekutuan dan yang lain-lain tidak tersentuh. Jadi apabila dia kaitkan kononnya ini tidak boleh, mereka membantah. Jadi bererti bahawa isu masalah gerakan murtad ini makin menjadi-jadi.

Jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya buat cadangan dengan segera iaitu pihak JAKIM mengadakan muzakarah ataupun meja bulat ataupun apa bentuk perbincangan dan menjemput mereka-mereka yang membuat cadangan, yang berminat, kumpulan *third party*, yang berminat dengan isu murtad ini dijemput kita semua berbincang. Berbincang secara mendalam dengan mengambil kira mekanisme yang ada sekarang ini, kesan tidak berkesan dari segi penguatkuasaan, kekangan masalah JAKIM kerana majlis agama ini di bawah negeri masing-masing dan dinaungi oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu. Jadi memang kompleks. Kalau bolehlah perkara ini perlu disegerakan sebab ini tanggungjawab kita yang amat penting. Saya menyampaikan kewajipan ini dan *insya-Allah* lepas dengan tanggungjawab Allah SWT. Sekian, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas memahami amat Jadual 9 Perlembagaan Negara di mana kita melihat bahawa tanggungjawab agama itu selain daripada di peringkat persekutuan yang menjadi urusan setianya ialah JAKIM. Dalam masa yang sama ialah negeri-negeri di bawah kuasa raja dan sultan masing-masing pada negeri-negeri tersebut yang mengatur dan menguruskan hal ehwal agama.

Saya dalam jawapan awal tadi saya sebutkan kepada Yang Berhormat bahawa soalan yang berkaitan dengan akta, saya sebutkan awal tadi bahawa kerajaan memantau, melihat secara dekat perkembangan ini bahkan menguatkuasakan enakmen pada negeri-negeri yang sedia ada sehingga saya sebutkan tadi bahawa sampai akhirnya kita mampu mewujudkan Akta Murtad yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Akan tetapi dalam masa yang sama juga saya melihat juga bahawa oleh kerana enakmen yang telah diwujudkan sekitar

tahun 1980 itu juga mempunyai ruang dan juga peluang untuk kita menghadapi cabaran-cabaran yang sedang berada walaupun saya faham sebagaimana Yang Berhormat sebutkan bahawa ruang itu perlu amat untuk diwujudkan Akta Murtad sebagaimana disebutkan. Akan tetapi berdasarkan kepada sejak tahun 1980 sehingga sekarang baru satu kes yang dibawa ke mahkamah khususnya di negeri Pahang. Maka sebab itu saya sebutkan ini dalam ruang lingkup dan peruntukan undang-undang yang ada kita menggunakan pakai yang sedia ada sehinggalah sampai sebagaimana Yang Berhormat cadangkan untuk Akta Murtad ini diwujudkan dengan sendirinya.

Dalam masa yang sama juga saya amat bersetuju. Ini saranan Yang Berhormat Pasir Mas kira hebat sebab cadangan-cadangan untuk disegerakan. Saya setuju sangat untuk kira segerakan pandangan-pandangan ahli fikir, cendekiawan, kalangan orang-orang ulama dan sebagainya untuk duduk bersama membincangkan bagi tujuan melihat kepada kepentingan kesegeraan untuk akta-akta ini dilihat dan direalisasikan.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan soal murtad. Kita ada dua serangan yang kita nampak, dalaman dan luaran.

■1610

Dari dalaman saya tengok contoh seperti kes Ayah Pin. Saya baca dalam akhbar semalam Ayah Pin katanya jatuh sakit kena strok. Kenyataan yang dibuat oleh adiknya sendiri menyatakan bahawa dia sedang berusaha untuk membawa balik Ayah Pin balik ke pangkal jalan. Jadi, saya hendak tahu usaha yang dibuat oleh pihak JAKIM dan lain-lain agensi yang berkaitan untuk bertemu dengan Ayah Pin kerana isunya bukan isu Ayah Pin. Isunya berkaitan dengan akidah murtad kerana daripada ajaran Ayah Pin inilah dua orang ustaz dan ustazah murtad. Ustazah Kamariah Ali dan Allahyarham Ustaz Mohamad bin Ya, mereka murtad. Mereka ini lulusan Al-Azhar. Yang Berhormat Menteri pun kenal mereka. Mereka ini lulusan Al-Azhar tahun 60-an boleh murtad dan memfailkan petisyen di mahkamah. Kes akan berjalan. Ustaz Mohamad bin Ya, sudah meninggal, kes habis di situ tetapi Ustazah Kamariah kes masih lagi di mahkamah. Petisyen di mana dia failkan untuk mengisytiharkan diri dia murtad kerana mempertuhankan Ayah Pin masih lagi berjalan. Surat sumpah dia masih ada lagi.

Jadi, dalam keadaan Ayah Pin sedang sakit ini, baru kena strok tetapi sakit-sakit kena strok pun dia baru menikah dengan budak umur 18 tahun. Sempat lagi. Jadi, soalnya apa pendirian atau pendekatan yang hendak diambil oleh JAKIM kalau boleh kita *neutralise* Ayah Pin. Saya kira ramai pengikut dia termasuk Ustazah Kamariah ini boleh kita *neutralise*kan. Itu satu.

Kedua, dari segi serangan luaran. Baru-baru ini saya diberi kesempatan oleh Exco yang dipecat oleh parti Yang Berhormat Kuala Selangor, Dato' Dr. Hasan Ali. Dia tunjukkan saya satu video yang jelas menunjukkan di situ penglibatan beberapa pastor dan gereja dalam

memurtadkan orang Melayu beragama Islam. Ada saksi dalam video itu menyebut dengan jelas cara, operasi, SOP mereka memurtadkan. Jadi, apa pendirian JAKIM dalam kes-kes seperti ini dengan bukti-bukti yang ada pada bekas Exco yang dipecat oleh parti Yang Berhormat Pokok Sena ini, bukan kerana dia rompak sesiapa tetapi kerana dia pertahankan akidah umatnya. Jadi, adakah JAKIM akan panggil Dato' Dr. Hasan Ali untuk kemukakan bukti-bukti itu dan kita ambil langkah pencegahan, langkah proaktif untuk menghalang kegiatan ini daripada menular. Terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai isu murtad saya ingat kita sebagai orang Islam faham perkara ini dan tidak ada salahnya kalau kita buat kursus untuk memantapkan akidah orang-orang Islam tetapi saya rasa tidak kenalah kalau kita hendak memantapkan agama kita, kita perlu menyebut ancaman-ancaman itu dan kita spesifikasi kepada satu agama lain. Agama Kristian ada juga bahagian agama dia, *evangelism* dan undang-undang boleh *deal*, boleh mengambil tindakan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu tadi.

Jadi, persoalannya kenapa kita tidak menggunakan undang-undang itu sekiranya sudah ada bukti yang sah dan ada saksi-saksinya. Ambillah tindakan. Kenapa perlu kita mengisukan perkara itu supaya membangkitkan kemarahan dan menaikkan semangat kononnya orang-orang Islam dan kemudian menaikkan juga kemarahan orang-orang Kristian. Jadi, isunya kenapa perlu perkara itu. Perkara ini bukan baru. Perkara orang Islam masuk Kristian dan sebagainya bukan perkara baru tetapi kenapa hanya akhir-akhir ini sahaja? Bila kita hendak memantapkan akidah kita kenapa kita perlu menakut-nakutkan orang kita tentang ancaman agama lain? Kalau akidah kita mantap, ini berhubung dengan pendidikan kita.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, siapa yang menyalahkan agama lain?

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Biarkan saya cakap dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada orang salahkan agama lainlah. Apa pula dipusing itu?

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Biar saya cakap dahulu. Saya hendak tanya kenapa di dalam kita hendak memantapkan kita buatlah apa...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kota Raja ini saya hendak istighfar sahajalah.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: ...Sahaja UMNO...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak istighfar sahajalah.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Dengar saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Daripada sebuah parti yang mengatakan memperjuangkan Islam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *This is my floor.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Kita hendak mempertahankan akidah orang Islam.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, betul kita hendak memantapkan akidah orang Islam...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita tidak pernah pun hendak bergaduh dengan agama lain.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: ...Akan tetapi perlukah kita politikkan isu ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak pernah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, kalau hendak mantapkan akidah orang Islam kenapa...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Pasal UMNO Barisan Nasional sudah pegang lama. Buatlah, semuanya ada, semuanya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Kita hendak mementingkan akidah orang Islam dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kenapa tarik balik bantuan sekolah agama rakyat dahulu?

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Semuanya ada, sudah ada. JAKIM ada, masjid ada, surau ada. Kenapa tidak menggunakan platform-platform ini untuk memantapkan akidah?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita hendak pertahankan akidah anak buah kita orang-orang Islam.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kenapa sekarang kita hendak salahkan orang lain?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa pula yang menyalahkan orang lain?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita tidak pernah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu awak yang sebut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini yang sangka buruk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini yang sangka buruk.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita tidak sebut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang melaga-lagakan antara orang Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kota Raja sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat yang sebut.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa yang menyalahkan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kenapa hendak mempertikaikan kita hendak memperkuatkan akidah. Ini apa benda sebenarnya ini? Inilah pura-pura memperjuangkan Islam...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Putar belit. *You are manipulating...*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Akan tetapi sebenarnya merosakkan Islam.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Hendak mantapkan akidah buat tetapi...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Yang Berhormat Kota Raja minta saya bagi jawapan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *This is...*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Minta untuk saya bagi jawapan.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Masalahnya mungkin masa kejadian berlaku, Yang Berhormat Kota Raja ini masih pakai *pampers* lagi kot. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Menteri, tahun...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Apa ini? *How can you tolerate this kind of nonsense?*

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tarik balik, tarik balik.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *How can we tolerate?*

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ini satu penghinaan.

Seorang Ahli: Ini perkataan biadab, tarik balik.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Don't blame me, don't blame me.*

It's from him.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tarik balik.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya hendak bagi...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Bukan hina orang.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, tarik balik.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *You must do something. You must not tolerate.*

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak bagi tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, sebentar Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, *the way...*

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Pada tahun 1987 inilah orang-orang dia yang buat Perhimpunan Anti Kristian. Inilah orangnya.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Kalau macam ini jaga akidah punah habis akidah orang Islam.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Jaga akidah apa? Jual akidah!

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Habis rosak. Hendak jaga akidah macam?

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuhan pun jual!

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Buang kopianlah!

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuhan pun jual!

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Hendak pertahankan akidah?

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Bini jual, anak pun jual!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat!

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Orang yang undi dia pun dia khianat, pengkhianat! Apa akidah? Khianat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Jaga akidah apa? Jual akidah!

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak ada prinsip, tidak ada pendirian!

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Inilah orangnya tahun 1987 buat Perhimpunan Anti Kristian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Inilah orangnya yang telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, Yang Berhormat Shah Alam duduk.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Khianat kemaluan besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri, inilah orang-orangnya tahun 1987 yang buat Perhimpunan Anti Kristian. Inilah orangnya tahun 1987 jadi Nujum Pak Belalang.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tahun 1987 ancaman itu betul kerana UMNO Barisan Nasional membenarkan orang kita berjalan takdirnya Allah buat halangan.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, di sini ada juga orang Kristian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tarik balik bantuan sekolah agama rakyat.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Shah Alam, minta izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita dalam Parlimen Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Menghalang dan mengharamkan kuliah di masjid-masjid dan surau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kita dalam Parlimen, dalam Parlimen.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Itu tindakan UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dalam Parlimen ada peraturan Yang Berhormat. Ya, sila.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Shah Alam tahun 1987 dalam ceramah dia kata tahun 2000 negara Malaysia akan jadi negara Kristian. Inilah orangnya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini pembohongan.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Hari ini sudah cakap terbalik.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Satu pembohongan. Ini pertuduhan yang dikenakan kepada saya...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Konon hendak jaga akidah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: ...Bila saya ditahan di bawah ISA.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Kalimah Allah pun jual!

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ianya pembohongan dan saya minta...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Kalimah Allah pun jual.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: ...Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu tarik balik kerana itu merupakan fitnah yang dilemparkan terhadap saya ketika ditahan di bawah ISA.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum apa-apa Tuan Yang di-Pertua, saya minta tolong Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu tarik balik perkataan *unparliamentarian* sebentar tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sebentar, sebentar Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya minta Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu tarik balik perkataan tadi.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Shah Alam, permit pun tidak ada hendak bersyarah agama di merata tempat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Menteri, duduk dahulu Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Permit pun tidak ada.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Rasulullah pun tidak ada permit tahu!

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Menteri duduk dahulu Yang Berhormat Menteri. Duduk dahulu Yang Berhormat Menteri. Duduk dahulu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Rasulullah pun tidak ada tauliah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Ini *floor* saya. Ini giliran saya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Zaman Rasulullah semua orang tidak ada tauliah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya cuma boleh berhentikan ini dalam *point of order*. *You raise point of order*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Shah Alam tauliah pun tidak ada.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Itu tauliah, itu kewajipan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Untuk hendak sampaikan Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, *point of order* Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tauliah itu kerana hendak mengawal supaya akidah tidak rosak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada orang ambil kesempatan menggunakan agama.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Akidah siapa yang rosak? Dedahkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sebab itu jabatan agama hendakkan orang-orang yang bertauliah...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau saya ada bawa ajaran yang tidak betul, dakwa di mahkamah. Jangan kata saya tidak ada tauliah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang benar-benar boleh menyampaikan Islam di Malaysia, Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau betul, Yang Berhormat boleh dakwa di mahkamah. Yang Berhormat Menteri agama pun ada di sini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau ada seorang syiah...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, *standing order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sebab itu tauliah itu diperlukan untuk menentukan penyampai menyampaikan ajaran yang benar Ahli Sunnah Wal Jamaah. Itu sebabnya tidak ada tauliah salah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, *point of order*. Kita ada *point of order*. Saya minta yang lain duduk Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya juga minta Yang Berhormat Menteri duduk juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Biar Tuan Yang di-Pertua boleh buat ya. Peraturan tetap 36(4).

■1620

Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahawa kurang sopan dan biadab. Apa yang dikatakan oleh Kulim Bandar Baharu itu adalah biadab dan kurang sopan dan diminta tarik balik terhadap Yang Berhormat Kota Raja.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dan minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, sebentar Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kata ahli Parlimen Ampang menghina kanak-kanak, menghina bayi. Salahkah kata orang pakai *pampers*? [Ketawa]

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Itu tidak ada kaitan. Itu...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Apa? Dekat mana salahnya itu?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Itu *dalam konteks lain..*

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sejak bila pakai *pampers* itu menghina orang? [Ketawa] [Dewan riuh]

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Apakah Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu ini?

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Apa Yang Berhormat Ampang kecil-kecil dahulu tak pakai *pampers*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak payahlah Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Kulim.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Ampang kecil, kecil dahulu pakai apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. [Dewan riuh] Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong diam Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam, tidak payah Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Salahkah Tuan Yang di-Pertua orang pakai *pampers* ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Ampang kecil, kecil tak pakai *pampers*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, mereka tersinggung kerana perkataan dirujuk kepada Yang Berhormat Ampang. Yang Berhormat Ampang ketika itu masih memakai ...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Bukan Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Kota Raja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja masih memakai *pampers*.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Kota Raja. Sebab apa, saya hendak kata dalam konteks Tuan Yang di-Pertua, konteksnya..

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Manchang]: Tuan Yang di-Pertua, kita buat *ruling* suruh dia duduklah, itu sahaja.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, kita minta. *Why we allow him to talk by while you are speaking?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat, tidak nampakkah Yang Berhormat?

Dato' Zulkifli Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuduh orang tidak boleh jawab! Ha! inilah PAS jenis parasit. Tuduh orang tapi tidak boleh jawab!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sekarang cuba untuk *tell him* untuk suruh duduk. Ya, ya. *[Disampuk]* Yang Berhormat, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, *please*. Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua hendak saya jawabkah apa? Ha! Cakap saya tidak boleh jawab!.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak sebentar. Saya hendak bercakap sekarang ini Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Saya ada *point of order* yang rasa tersinggung terhadap ungkapan Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Sekejap, *point of order*. Saya hendak..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *please!*

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tidak, saya hendak Yang Berhormat Kuala Selangor, saya mahu Yang Berhormat Kuala Selangor cakap secara terbuka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat!

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Apa dia cakap tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak payah bertelagah dengan saya Yang Berhormat, tidak payah Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sekarang sedang *entertain point of order* daripada Yang Berhormat Ampang.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Bukan, saya hendak *raise* sekarang *point of order* sebab saya dengar. Saya dengar Yang Berhormat Kuala Selangor..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah bertelagah dengan saya Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya pun tidak boleh *raise point of order*. Saya dengar Yang Berhormat Kuala Selangor menggunakan perkataan syaitan dan iblis. Saya minta dia tarik balik. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Shah Alam, tidak usah ajar oranglah. *[Disampuk] Point of order*, saya hendak Yang Berhormat Kuala Selangor tarik balik apa yang dia cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya hendak Yang Berhormat Kuala Selangor tarik balik apa yang dia cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat!

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tak berani! Tak berani! Cakap belakang, main belakang sahaja lebih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu!

Seorang Ahli: Saya minta Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu buang kopiah.

Beberapa Ahli: Buang kopiahlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, saya minta Yang Berhormat tarik baliklah yang tuduhan terhadap Yang Berhormat Kota Raja. Ya, senang sahaja Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya takkanlah saya tak boleh bagi penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mereka tersinggung Yang Berhormat Kota Raja, ada *point of order*.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kata itu adalah perumpamaan. Seolah-olah Yang Berhormat Kota Raja lupa beberapa tahun lepas, inilah orangnya yang buat himpunan anti Kristian. Jadi saya hendak bagi tahu kamu ini masa itu pakai *pamperskah?* Lupakah apa yang kamu cakap dahulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Merekalah yang buat himpunan anti Kristian.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Shah Alam duduklah! Awak ingat saya lupa, merekalah yang buat himpunan anti Kristian! Inilah mangkuk!

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Awak ingat awak seorangkah yang boleh berdiri? Awak ingat awak seorangkah yang boleh berdiri? Awak ingat awak seorangkah yang boleh berdiri? Mana kita anti *Kristian?* Tak pernah kita anti Kristian. Orang yang anti Kristian yang puak-puak UMNO ini. Yang api-apikan semangat! Hendak bergaduh dengan Kristian.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kenapa tuduh UMNO, UMNO tidak terlibat dalam soal ini. *[Dewan riuh]*

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sudah tak mengaku pula. Dia bertanggungjawab...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Apa kata sebab UMNO bersalah? Tarik baliklah! Tuduh UMNO pula. Inilah puak-puak yang bukan...

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Kita dapat satu pasukan rakyat, atas dasar Islam!

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Jadi takut pula! Inilah orang yang buat kenyataan, bahawa Kristian... [*Dewan riuh*]

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, buat *ruling* dahulu dengan Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Malaysia akan jadi negara Kristian.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Isu dia Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu selesaikan masalah Yang Berhormat Kulim Bandar baharu dahulu.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tadi Yang Berhormat Kuala Selangor juga kata orang syaitan dan iblis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tak dengarkah saya suruh dia tarik balik?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Syaitan dan iblis lagi teruklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, saya minta Yang Berhormat tarik balik itu. menuduh Yang Berhormat Kota Raja pakai *pampers*. Kalau ada isu lain, kalau ada *point of order* yang lain terhadap Yang Berhormat Kuala Selangor Yang Berhormat boleh *raise* selepas itu.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bercakap?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat tarik dahulu Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Boleh saya bercakap atau tidak? Boleh saya bercakap?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya gunakan perumpamaan bahawa Yang Berhormat Kota Raja ini lupakah tahun 1987 merekalah yang mengadakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Himpunan anti Kristian. Tiba-tiba ada isu lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, itu tidak ada kena mengena Yang Berhormat. Kalau ada perumpamaan, katakan ketika itu Yang Berhormat Kota Raja masih kanak-kanak. Tidak payahlah pakai *pampers*.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tarik, saya tarik balik. Saya hendak kata adakah masa itu Yang Berhormat Kota Raja kanak-kanak?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ini ada *issue of offence now*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik baik.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tetapi sekarang saya hendak *raise point of order*. Saya hendak Yang Berhormat Kuala Selangor tarik balik. Dia panggil saya iblis dan syaitan, tarik balik! [*Dewan riuh*]

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tarik balik! Tarik balik! *Gentlelah!* iblis dan syaitan lagi teruklah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Lagi teruk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apa-apa ungkapan Yang Berhormat Kuala Selangor...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tarik balik, ramai orang yang..

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Perkataan yang dikeluarkan itu adalah syaitan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apa-apa ungkapan Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat? Apa yang diungkapkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor Yang Berhormat?

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Dia kata iblis dan syaitan. Dia kata saya iblis dan syaitan. Ramai yang mendengar ini. Saya hendak dia tarik balik.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya dengar Yang Berhormat Kuala Selangor kata jangan terikut iblis dan syaitan.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Selangor kata dia kata Yang Berhormat Kulim bandar Baharu iblis dan syaitan! Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam tidak payah bercakap bagi pihak Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya minta Yang Berhormat Kuala Selangor untuk perelaskan.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kedah duduklah Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, benang basah hendak diputarakan. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Lain yang duduk Yang Berhormat. Yang lain duduk.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, jangan ikut telunjuk syaitan, jangan ikut.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tidak ada kena mengena dengan Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam ini parasit, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain duduk.

Dato' Zulkifli Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya hendak dengar Yang Berhormat Kuala Selangor!

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Kuala Selangor memperjelaskan. Saya tidak dengar, saya tidak dengar Yang Berhormat. Perjelaskan Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, *tolong check Hansard* untuk memastikan apa yang saya cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau tidak pakai *mike* tidak ada *Hansard* Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ha, tahu pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau tidak pakai *mike*, tidak ada *Hansard*.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini tahu pun Tuan Yang di-Pertua. Sebab Tuan Yang di-Pertua dia penakut! Tak berani guna *mike*! Penakut! Main belakang, cakap belakang.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua ingin tahu, berapa kali dia jerit orang lain pelesit, berapa? [*Dewan riuh*]

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, samalah Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya tahu saya mengatakan jangan jadi iblis, jangan jadi syaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada, tidak ada syaitan, tidak ada iblis di sini. Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Okey, cukup duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tak berani, tak berani, cakap belakang, main belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk kemukakan.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tak berani, cakap belakang, main belakang.

Seorang Ahli: Padan muka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, saya amat dalam keadaan seperti ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon yang lain duduk dahulu untuk bagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, duduk dahulu Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, saya melihatlah rumusan yang dapat saya buat. Ahli-ahli Yang Berhormat bangun untuk turut serta membahaskan dan juga membincangkan apa yang telah saya bincangkan sebentar tadi yang berkaitan dengan murtad. Saya meyakini bahawa semua Ahli Yang Berhormat ini amat menjaga iman dan takwa, sayang kepada akidah masing-masing. Oleh sebab itu pakat-pakat usaha untuk bercakap. Cumanya agak terlajak sedikit. Sepatutnya ini giliran untuk saya membentangkan penggulungan. Akan tetapi oleh sebab sudah panjang sangat diambil oleh orang lain, saya bimbang takut tak cukup. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Nanti, nanti dahulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini tadi saya minta Yang Berhormat Menteri buat satu *statement* yang jelas, Tuan Yang di-Pertua iaitu kita tidak menyentuh mana-mana agama. Kita tidak anti mana-mana agama.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Betul tak? Ini Yang Berhormat Menteri kena buat *statement* kerana ada puak cuba hendak menuduh dan membawa kepada rakyat umum seolah-olah kita anti satu-satu agama. Itu tidak betul. *You have to make it very clear. Very firm.*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan beberapa perkara yang hasil daripada masa perbincangan panjang tadi sebagaimana juga Yang Berhormat Pasir Salak sebutkan kepada saya. Memang daripada awal sewaktu saya menyebut tentang soalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas dan jawapan yang saya, saya tidak sebut satu perkataan pun untuk menyentuh dan menyebut mana-mana agama di dalam negara kita. Saya menyebut bahawa akta murtad ini, maknanya

murtad dalam pelbagai termasuk tadi Yang Berhormat Kulim kata dalam bentuk dalaman dan juga bentuk luaran.

Saya tidak sebut mana-mana agama bahkan kita amat patuh dan juga memegang kepada keluhuran perlembagaan. Perlembagaan yang dinyatakan Perkara 3. Perlembagaan Negara mengatakan agama yang merupakan agama Persekutuan dengan izin *the religions of Federation* ialah agama Islam dengan agama lain boleh beramal tanpa sekatan dan sebagainya. Oleh sebab itu saya tidak menyentuh dan tidak menyebut. Cuma Yang Berhormat Kota Raja tadi menyebut bahawa kita menyebut tentang Kristian.

Saya tidak sebut dan cuba tengok balik kalau *Hansard* pun boleh disemak bahawa saya tidak menyebut mana-mana, tetapi apabila berlaku murtad peruntukan untuk diambil tindakan dan juga proses pembetulan dapat dilaksanakan melalui pembentukan undang-undang. Berbalik kepada persoalan Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu yang telah menyentuh tentang masalah Ayah Pin ataupun kerajaan langit satu ketika dipanggil dahulu. Hari ini pemimpin kerajaan langit yang tadi disebut 18 tahun kahwin. Saya tidak, ialah itu rezeki masing-masinglah walaupun [*Dewan riuh*][*Ketawa*] hal kelumpuhan itu boleh kahwin 18. Ini satu *norm* yang biasa. Saya ingat Yang Berhormat Pasir Salak boleh setuju.

■1630

Ia sentuh soal kerajaan di langit ini yang sekarang ini lumpuh. Pengakuan daripada adik beliau yang Ahli-ahli Yang Berhormat boleh rujuk di dalam surat khabar yang disiarkan semalam. Kita menghubungi Majlis Agama Islam Terengganu yang telah memantau dan juga untuk melihat isu ini secara dekat dengan pihak berkuasa yang di sana untuk melihat. Tentunya kita gembira sekiranya proses untuk mengajak, untuk memujuk dan akhirnya kembali bertaubat dan sebagainya ini adalah merupakan satu kesan yang besar. Sebab sebagaimana Yang Berhormat Kulim Bandar Baru sebutkan bahawa bukan hanya sekadar orang biasa bahkan ustaz dan ustazah yang telah meninggal. Ustaz Mohammad dan tinggal lagi isterinya Ustazah Kamariah yang masih lagi kekal berada di dalam kes di mahkamah. Kalau ini dapat berlaku merupakan satu kejayaan bagi kita semua.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [*Bangun*]

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Selain daripada itu juga termasuklah yang berkaitan dengan isu-isu yang melibatkan soal gereja dan sebagainya ia telah disebutkan, dirujuk kepada soal di Selangor memang kita sentiasa mengambil kira bahawa hal-hal yang boleh mencemarkan umat Islam dan sebagainya ini harus diberikan perhatian yang tinggi. Selain daripada itu juga tadi Yang Berhormat Kota Raja telah menyebutkan ialah saya pun tidak sempat hendak dengar banyak sangat tadi dalam keadaan apabila kita berbahas secara marah ini dia, yang mendengar pun dia tidak masuk dalam pemikiran.

Jadi Yang Berhormat Kota Raja yang sempat saya kutip daripada apa yang di sampaikan oleh Yang Berhormat Kota Raja berkenaan dengan kuliah-kuliah penyampaian dan sebagainya saya sebut juga awal sikit tadi sebelum waktu ini, saya katakan bahawa saya tidak menyebut mana-mana agama. Akan tetapi saya sebutkan bahawa Perlembagaan telah pun memberikan peruntukan. Duduk dahulu sebab kalau saya bagi peluang ini banyak ini. Saya ada 40 muka surat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya cuma...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya cuma hendak betulkan, saya tidak sebut kuliah. Saya kata tidak ada salahnya kita membuat pemantapan akidah.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tidak.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Akan tetapi tidak perlulah kita kaitkan dengan agama lain.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sebab itu saya katakan, saya sudah *clear*. So, sebab itu kita tidak sebut agama lain tetapi saya hendak sebutkan bahawa kita juga mempunyai peruntukan-peruntukan perundangan yang telah pun diterima oleh semua dalam Perlembagaan Negara. Maka sebab yang demikian, kita melihat bahawa harus kita menjaga keharmonian negara ini kerana dalam negara yang berbilang agama, bangsa, budaya dan juga amalan-amalan masing-masing. Kalau kita tidak diuruskan dengan cara yang terbaik dalam erti kata akhir kemuncaknya ialah melalui undang-undang maka ia akan menyebabkan salah tanggapan, *sensitivity* dan akhirnya pertembungan.

Saya bimbang negara bangsa yang kita bina pada hari ini tidak dapat kita pertahankan ketamadunan dan pembangunan yang berkembang dengan baik, keharmonian yang sedia ada, kita saling menghormati antara satu sama lain kerana sedikit yang kita tidak dapat uruskan dengan betul maka kita biarkan untuk mahkamah menguruskan dengan sebaik-baiknya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Saya mencelah sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit sahaja. *Insyallah*. Untuk kebaikan bersama *insyallah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cukup menyanjung atas usaha-usaha Yang Berhormat Menteri dan kementerian untuk memperkukuhkan pemantapan akidah umat. Dalam hal ini saya juga mahu memberikan sedikit lontaran untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri dan kementerian khususnya dalam menangani pemantapan akidah. Lazimnya ketika memberi pemantapan akidah ini, kita membawa satu pendekatan melihat kepada orang yang menyerang kita.

Namun, saya ingin Yang Berhormat Menteri juga mengambil perhitungan ini di mana persoalan akidah dalam Al-Quran Yang Berhormat Menteri dihubungkan dengan bagaimana akidah dengan muamalat. Jelas dalam perkara ini saya minta sungguh-sungguh andainya akidah itu rosak dan berlaku kerapuhan akidah itu, jelasnya muamalat dan urusan negara juga akan rosak. Allah SWT menyebutkan dalam Surah *Mutaffifin*. Saya minta Yang Berhormat Menteri memerhatikan perkara ini apabila Allah SWT kalau dengan izin saya boleh memperkenalkan ayat-ayat tersebut. Di mana Allah SWT menyebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Lantas Allah SWT menyebutkan dalam persoalan akidah itu. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Yang Berhormat Menteri saya minta sungguh-sungguh Yang Berhormat Menteri yang bijaksana, yang memahami agama, memahami umat bagaimana ketika akidah itu rapuh, urusan negara, kerakusan, rasuah dan segala yang sarat dengan kemaksiatan dan kemungkaran urusan ekonomi dan kewangan akan terus-terusan berlaku. Saya minta Yang Berhormat Menteri. Saya minta Yang Berhormat Menteri supaya... *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bersyarah. Bersyarah salah tempat. Tempat salah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Memurnikan akidah. Allah SWT...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua. ini salah tempat, salah.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Membaca ayat Al-Quran untuk...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Bagilah faham. Ini Dewan yang mulia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bersyarah...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Membaca Al-Quran untuk tempelak orang mana betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini semua temberang semua ini.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kemaksiatan dan kemungkaran...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Membaca ayat Al-Quran untuk diri sendiri. Bukan untuk tempelak orang.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Bagilah saya peluang juga. Saya juga Ahli Parlimen.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini membaca Al-Quran untuk tempelak orang buat apa?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Habiskan Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua saya tidak dapat berucap. Saya tidak dapat berucap semasa perbahasan.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini membaca Al-Quran untuk tempelak orang buat apa?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya meminta Yang Berhormat Menteri memahami umat bagaimana akidah...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Baca untuk diri sendiri juga. Jangan kata orang sahaja.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Akidah akan rosak ketika urus tadbir negara tidak terurus.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ayat Al-Quran untuk semua orang.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh Yang Berhormat Menteri tolong ya. Tolong.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Bukan untuk membaca sahaja. Ayat Al-Quran untuk semua orang.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya bersedia mendengar... Kuasa... Akidah. Eh! Takut dengar ke ini. Tidak dengar kah?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Menempelak orang menggunakan ayat Al-Quran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor. Cukuplah Yang Berhormat Kuala Selangor... [*Dewan riuh*]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini semua ayat-ayat Al-Quran. Terima kasih. Saya minta Yang Berhormat Menteri ambil perhitungan.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ingat Yang Berhormat seorang sahaja yang boleh baca Al-Quran.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudahlah, cukuplah. Apa benda ini? Cukup, cukup. Tidak ada benda hendak cakap ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ingat Yang Berhormat seorang sahaja yang boleh baca Al-Quran. Guna ayat Al-Quran untuk tempelak orang.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Apa ini? Apa ini? Apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ingat besar kah Yang Berhormat Kuala Selangor?

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Ini parti yang pecat Exco [..].

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Exco sudah tidak betul. *[Ketawa]*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ingat besar kah Yang Berhormat Kuala Selangor? Ingat besar kah?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya ucapkan terima kasih...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Orang yang boleh berjuang untuk agama dipecat, rasuah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, yang lain duduk. Yang Berhormat Menteri bagi jalan kepada Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Muamalat. *[Ketawa]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat pada saya. Saya hendak komen satu sahaja...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri saya hendak beritahu inilah parti yang pecat Exco agama dia. Hendak cerita pasal agama?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau ada bukti tentang soal memurtadkan orang Islam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan bangun Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Seperti mana yang didakwa maka saya rasa dengan peruntukan yang sudah ada...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Exco dia bawa bukti, mereka pecat. Bukan mereka hendak siasat. Mereka pecat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh didakwa. Tadi disebut boleh didakwa. Lalu saya meminta supaya isu ini ditangani...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tidak. Yang Berhormat Menteri, Exco agama dia bawa bukti mereka pecat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya sudah suruh berhenti Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Parti apa hendak cakap pasal Islam. Exco agama dia pun dia pecat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Ini kerana bukan Exco dia rompak pasir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Bukan Exco dia pergi rompak sesiapa. Exco dia jaga agama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, duduk Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ya. Sekali lagi tadi Yang Berhormat Menteri telah sebut sudah ada peruntukan.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Ini Yang Berhormat Shah Alam ini parti dia, pecat Exco agama dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]*

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Ini hendak cakap pasal agama buat apa ini?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ada orang mabuk.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Hendak bukti apa?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ada orang mabuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Exco agama dia dipecat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Seorang-seorang Yang Berhormat. Seorang-seorang bercakap. Sekarang ruang di bagi kepada Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya hendak tanya. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Selepas Yang Berhormat Shah Alam Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Dia bagi dekat siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Seorang-seorang Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Dia Yang Berhormat Menteri bagi dekat siapa?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Pada Yang Berhormat Shah Alam.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Habiskan sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Menteri saya minta Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu diberi peluang bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa sudah ada peruntukkan. Sekarang ini kalau ada kes murtad itu dan orang yang memurtadkan boleh didakwa bukan di Mahkamah Syariah tetapi di Mahkamah Sivil kerana ia bercanggah dengan perlembagaan dan sudah ada peruntukan. Selalu saya harap beginilah, kalau semua tuduhan-tuduhan ini biar dibawa ke mahkamah. Kalau ada kes biar didakwa. Saya rasa itulah permintaan kita supaya isu ini jangan menjadi isu politik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, ya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang dikatakan 250,000. Akan tetapi, bukti tidak ada. Tidak ada apa-apa tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Sekarang ini sudah ada. Kalau betullah apa yang disebut, bawa ke mahkamah, dakwa. Kita daripada PAS, kalau betul ianya berlaku kita akan sokong. Apa yang kita tidak mahu ialah persoalan ini dipolitikkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dipolitikkan untuk hendak melaga-lagakan, ya.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat Menteri?

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat, saya hendak minta satu sahaja. Apabila Yang Berhormat Menteri dan Jawatankuasa pertimbangkan apa ini, cuma ingat sahajalah. Parti Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Kuala Selangor ini pecat Exco agama dia kerana pertahankan agama.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun] [Dewan riuh]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih, terima kasih. Okey.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Presiden kita pun kita sanggup pecat kalau tidak betul. Apatah lagi kita punya Exco.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Dia tidak mahu dengar bukti.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Bukan pasal Menteri Wanita dan Kebajikan. Kalau tidak betul, tidak dipecat!

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Exco agama dia ada bukti. Dia tidak mahu dengar.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Walaupun dia Presiden.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalnya isu yang lain.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Sikit punya hal. kalau tidak betul, pecat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Exco agama dia ada bukti, tetapi mereka tidak mahu dengar.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Kita tidak akan bermuka-muka. Kita *firm*. Tidak betul, pecat...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Siapa kata Exco agama maksum, dia bodoh. Siapa yang anggap Exco agama maksum, dia bodoh.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Exco agama dia ada bukti yang sebenar.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Siapa yang anggap Exco agama maksum, dia bodoh. Dia bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Dia kata orang bodoh, baguslah macam itu kata dia bodoh. Tiga kali bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: ...Ha, sebutan yang lebih bagus. Kata orang bodoh. Parti yang bodoh...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk saya meneruskan penggulungan saya Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Exco agama jadi bukti. Tidak mahu dengar, dipecat. Ini kaum yang takut dengan kebenaran. Itu sahaja.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, nanti, nanti dahulu Yang Berhormat Pasir Mas. Ada jawapan lagi, soalan Yang Berhormat Pasir Mas tidak habis lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Ada lagi Yang Berhormat Pasir Mas punya penggulungan belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Akan tetapi Yang Berhormat, masuk sebelum itu. Ada hal yang belum selesai. Sedikit sahaja. Saya masih lagi terkilan sebab bila kita sebut memang Islam agama rasmi persekutuan. Ya, ya memang agama lain memang bebas diamalkan. Itu dijamin oleh perlembagaan tetapi dalam perlembagaan pun menyebut agama lain, pihak penganut agama lain tidak boleh cuba hendak memurtadkan penganut agama Islam. Jadi oleh itu kalau ada pihak-pihak yang melakukan kerja-kerja macam ini sesiapa sahaja, kita jangan *polegetic*. Betul, kita hendak jaga keharmonian tetapi mesti kita kena ambil tindakan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Setuju.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi sekarang ini yang dibangkitkan ialah perkara ini berlaku. Kenapa tidak ambil tindakan dahulu? So bila kita bangkit, dia kata ini politik sebenarnya sama sahaja. Ini politik dua-dua ini. ini semua. Kepala sudah masuk lapis bumi sudah ini. *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta dan yang kedua murtad ini bukan sahaja ada pihak agama lain hendak cuba mempengaruhi memurtadkan orang Islam, ada mereka yang menganut dan mendukung kefahaman pluralisme pun dianggap murtad. Saya hendak baca kenyataan Tan Sri Abdul Sani. Dia sebut di sini "*kalau dahulu dia kata saya kata sudah dia murtad. Orang yang kata semua agama sama adalah murtad. Pasal Tuhan kata [Membaca sepotong ayat] Tuhan kata satu sahaja agama Allah*". Macam mana ketua pembangkang yang mendukung fahaman pluralisme, dia juga dikatakan murtad.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta laluan sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Minta sedikit. Ringkas.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Itu tuduhan besar itu Yang Berhormat Menteri. Berat itu. Menuduh orang murtad, murtad namanya. Berat itu. tuduh orang murtad namanya. Menteri, Ketua Pembangkang murtad namanya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kuala Selangor.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Kesabaran tetapi..

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Membaca sepotong ayat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya minta Yang Berhormat Menteri nasihat Yang Berhormat Pasir Mas.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ketua Pembangkang.... Nasihat dia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam. Harap cukup Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam cukup. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri belum menjawab soalan lagi.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ringkas. Ringkas sahaja. Soalan Yang Berhormat Menteri..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Ahli Yang Berhormat saya minta jangan berpolitik dalam Dewan ini. Kita tempoh sudah akhir, tidak payah berpolitik. Soal-soal yang pecat-pecat itu boleh beri ceramah lah Yang Berhormat. tidak payah bawa dalam Dewan.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Yang Berhormat Menteri, bila kita berbahas soal murtad dan sebagainya, sebagai orang Islam kita akan bersandar kepada dalil hadis, dalil Quran dan kita baca. Kalau kita ambil secara tenang, kita boleh setuju dan boleh tidak tetapi perbuatan apabila di kalangan kita membaca dalil-dalil Quran dalam hadis kemudian disorak..

Seorang Ahli: Kita tidak sorak.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ada sudah suara bersorak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: ...Perangai macam ini Yang Berhormat Menteri, dalam awal dakwah zaman *Makkiah*, zaman awal Nabi, bila Nabi baca ayat Quran, puak kafir Quraisy sahaja yang bersorak. Sekarang bila Yang Berhormat Kuala Selangor baca, ada juga perangai macam itu. Bersorak. *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalnya.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ulang balik. Cakap orang boleh. Itu Kafir Quraisy.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tujuan dia mempolitikkan. Dia hendak bersara.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Machang cukuplah. Yang Berhormat Machang cukuplah. Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta tolong Yang Berhormat. Saya menerima twiter daripada - Sebentar Yang Berhormat. Banyak twiter sekarang ini daripada luar sana, *I think reporters* mempertikaikan bahawa saya tidak dapat kawal Dewan. *See?* Siapa yang tidak dapat kawal Dewan? Yang Berhormat yang tidak ikut perintah Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi di luar sana membayangkan memperkatakan Tuan Yang di-Pertua ketika ini tidak dapat kawal Dewan. *These are reporters outside here. The Twitter friend* tetapi sebenarnya Yang Berhormat tidak ikut cakap. Semuanya cakap.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Semualah bercakap. Semua tahu peraturan mesyuarat. Saya tidak pernah.. Sebentar Yang Berhormat.. duduk Yang Berhormat, sebentar. Saya tidak pernah. Inilah *occupational hazard* Speaker. *Look at this.* Kita biarkan begini, yang buat angkara dalam Dewan, yang tidak tahu Peraturan Mesyuarat, abaikan Peraturan Mesyuarat Ahli-ahli Yang Berhormat, yang di *tweet* di luar sana membayangkan bahawa Yang Berhormat Speaker tidak dapat kawal Dewan, sedang tidur. Adakah benar? Tidak kan? Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kepada semua yang turut mengambil bahagian. Oleh sebab itu saya katakan bahawa ruang penggulungan tentang murtad ini ianya merupakan kalau dalam Dewan pun kita sudah merasakan terlalu sensitif, apatah di luar sana Ahli Yang Berhormat. kita telah pun mendengar bacaan ayat hujah daripada Yang Berhormat Kuala Selangor, kita dengar hadis daripada Yang Berhormat Shah Alam. Hadis itu tentang. *[Membaca sepotong ayat]* Disebut dalam itu, orang yang tidak mengkufurkan orang yang kafir ini, orang yang mengkafirkan orang dia jadi kafir, yang tidak mengkafirkan orang yang kafir juga pun jadi itu, yang syak pada pun juga kufur.

Akan tetapi ini bukan persoalan kita untuk menentukan hukum sesiapa yang menjadi kufur dalam konteks hukum oleh sebab hukum ini bukan urusan kita untuk menghukum. Ini kerja yang telah ditentukan di dalam Islam begitu. Jadi dalam masa yang sama, saya setuju Yang Berhormat Shah Alam tadi minta supaya pembuktian-pembuktian yang ada di bawa ke mahkamah tetapi seperti biasalah bukti ini adalah sesuatu yang kadang-kadang sukar untuk ditunjukkan walaupun ada pada dia punya kilau-kilauan kes itu, tetapi untuk hendak dibuktikan pelbagai kaedah dan kalau ada *lawyer* yang hebat pula lagi, mungkin payah untuk menang.

Kita tengok banyak. So, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Cumanya saya rasa amat rasa bersimpati kepada *tweet* yang ada di luar yang menyebut bahawa Tuan Yang di-Pertua tidak mampu mengawal kalau sekiranya saya membenarkan ruang untuk soalan yang begitu banyak tambahan. Jadi elok saya teruskan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, enakmen seterusnya Yang Berhormat Pasir Mas menyebut tentang supaya JAKIM dan Majlis Agama Islam (MAIN) memasang CCTV bagi mengelak masjid di ceroboh. Dimaklumkan JAKIM sebagai badan penyelaras bagi pentadbiran hal ehwal Islam amat mengambil berat isu-isu yang menyentuh pengurusan hal ehwal masjid. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini masjid yang berada di bawah pengurusan JAKIM seperti mana Masjid Negara, Masjid Tuanku Mizan ataupun kita kenali juga dengan Masjid Besi telah pun memasang CCTV bagi tujuan berkaitan manakala Masjid Putera sedang menanti sebuah pemasangan sebuah CCTV. Walau bagaimanapun bilangan CCTV tersebut perlu ditambah memandangkan kawasan masjid yang agak luas. Begitu juga di negeri-negeri, pemasangan CCTV telah pun dibuat di setengah-tengah negeri antaranya Perak, Johor dan Melaka pada masjid-masjid yang terpilih sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Parit membangkitkan isu mengenai Akta Profesion Guaman Syarie..

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, sedikit sahaja. Janganlah masjid yang terpilih sahaja. Masjid ini surau kah semua rumah Allah. Jadi kalau perlu CCTV pasanglah.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: *Insya-Allah*. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Okey, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Yang Berhormat Pasir Mas, untuk makluman di Malaysia kita memiliki lebih kurang 6,400 buah masjid dan kita memiliki 14,400 buah surau termasuk surau Jumaat – yang membawa jumlah semuanya sekali sekitar 22,000. ini secara kasar yang kita simpan di dalam *data base* ataupun bank maklumat tentang masjid dan surau di seluruh Malaysia. Jadi maka sebab itu proses kalau ada keinginan pemasangan ini, saya amat mengalu-alukan sangat bukan hanya sekadar Majlis Agama dan Jabatan Agama Islam Negeri bahkan seluruh daripada individu dan tokoh-tokoh korporat dan sebagainya sebab ia melibatkan soal kos. Jadi sebab itu fasal jumlah yang begitu banyak tetapi kita mula berjalan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tangga batu dan Yang Berhormat Parit membangkitkan isu mengenai Akta Profesion Guaman Syarie. Yang Berhormat Tangga Batu mencadangkan penetapan tarikh akhir Akta Profesion Guaman Syarie disiapkan. Bagi merealisasikan hasrat pewujudan akta tersebut, sebagaimana penjelasan saya di Dewan ini pada 19 Mac yang lepas dalam menjawab soalan, saya telah menyatakan bahawa JAKIM telah dan sedang giat mengadakan kerjasama dengan Jabatan Peguam Negara, Jabatan

Kehakiman Syariah dan Persatuan Peguam Syarie (PGSM). Usaha ini memerlukan komitmen dan kajian yang terperinci bagi menghasilkan satu undang-undang yang komprehensif dan memenuhi kehendak serta realiti semasa.

■1650

Oleh kerana pengujudan akta ini melibatkan banyak pihak, kerajaan berpandangan bahawa isu penetapan tarikh serta sesuatu yang agak subjektif, justeru draf undang-undang ini akan disiapkan setelah kerajaan menerima input daripada pihak yang berkaitan terutamanya PJSM. Suka saya sebutkan bahawa kita sedang giat untuk mengusahakan agar akta ini dapat kita segerakan untuk bagi lebih memantapkan bidang mahkamah syariah dan juga termasuk peguam-peguam syarie.

Yang Berhormat Padang Terap telah menyarankan pelaksanaan syariah Islam dan pemerkasaan undang-undang syariah bagi mengatasi masalah sosial dan jenayah. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penggubalan sesuatu undang-undang di negara ini tidak kira sama ada undang-undang sivil ataupun syariah adalah bertujuan untuk mendidik, mencegah dan menjaga hak serta keadilan setiap individu tanpa mengira batasan bangsa, agama dan kenegerian. Ini selari dengan kehendak dan semangat yang ditekankan dalam prinsip *maqasid syariah* iaitu itu sendiri.

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa mengambil berat tentang perkembangan serta pertumbuhan agensi pelaksana kepada undang-undang syariah di peringkat negeri seperti Mahkamah Syariah Negeri, Bahagian Penguatkuasaan Syariah, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Bahagian Pendakwaan Syariah JAIN. Kerjasama strategik agensi-agensi pusat serta Jabatan Peguam Negara, Institut Latihan Perundangan dan Kehakiman (ILKAP), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain sentiasa disusun bagi menaik taraf perkhidmatan penyampaian agensi-agensi berkenaan. Ini penting bagi memastikan undang-undang serta syariat Islam dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan. Pada masa ini fokus kerajaan ialah untuk mengujudkan pengurusan kes jenayah syariah yang lebih telus di mana usaha-usaha untuk mengasingkan Bahagian Pendakwaan dan Bahagian Penguatkuasaan difikirkan secara serius seperti pengasingan yang berlaku di pihak sivil.

Apa pun, ingin saya tegaskan di Dewan yang mulia ini, kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa berusaha mengharmonikan undang-undang yang sedia ada supaya selaras dengan *maqasid syariah* dan bersifat patuh syariah ataupun dipanggil dengan izin, *syariah compliance* kerana langkah tersebut adalah selaras dengan Perkara 162 Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan pihak berkuasa membuat pengubahsuaian undang-undang untuk dikuatkuasakan dalam negara. Kerajaan juga sentiasa mempertingkatkan usaha serta membaiki undang-undang sedia ada supaya ia benar-benar praktikal bagi menjamin keadilan dan menjaga hak rakyat di negara ini bersesuaian dengan matlamat Gagasan 1 Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Hulu Terengganu meminta supaya tindakan lebih tegas diambil bagi mengekang fahaman Syiah. Dimaklumkan bawah JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri dan agensi keselamatan dan penguatkuasaan lain sentiasa peka terhadap penyebaran Syiah di negara ini. Antara langkah yang diambil oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Menyebar luaskan fatwa-fatwa yang telah dibuat tentang pengharaman Syiah kepada masyarakat;
- (ii) sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah, penyebaran maklumat pengharaman menerusi media cetak dan elektronik;
- (iii) program memantau dan mengawal bahan-bahan media cetak dan elektronik daripada tersebar fahaman Syiah menerusi media-media berkenaan; dan
- (iv) meningkatkan kerjasama penguasaan antara agensi agama dengan kementerian yang berkaitan dalam menangani dan menyekat fahaman Syiah daripada berleluasa dan tersebar kepada masyarakat.

Beberapa tindakan yang telah dilakukan termasuklah pendakwaan di Mahkamah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah untuk saya sebutkan terbaru juga pada 1 Mac 2012, Kementerian Dalam Negeri telah bertindak mengharamkan tiga buah buku yang membawa fahaman Syiah iaitu buku '*Pengantar Ilmu-ilmu Islam*' yang ditulis oleh penulis Murtadha Muthahhari dan diterbitkan oleh Pustaka Zahra dari Jakarta, buku '*Dialog Sunah Syiah*' ditulis oleh Syarafuddin Al-Musawi yang diterbitkan penerbit PT Mizan Pustaka dari Bandung, dan buku '*Tafsir Sufi al-Fatihah Mukadimah*' ditulis oleh Jalaluddin Rakhmat dan diterbitkan oleh PT Remaja Rosdakarya juga dari Bandung.

Berhubung dengan tindakan terhadap kumpulan ajaran sesat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu, kerajaan sentiasa bertindak segera dalam membanteras ajaran sesat di seluruh negara termasuk negeri-negeri Pantai Timur. Beberapa contoh tindakan tegas yang diambil adalah seperti berikut;

- (i) Mengadakan siasatan rapi menfatwa serta ajaran yang bertentangan dengan Islam; dan
- (ii) mendakwa guru dan pengikutnya mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Selepas pengharaman dibuat, lima kaedah telah diguna pakai sebagai usaha kerajaan ke arah memulih dan memantau kefahaman yang telah difatwakan itu, iaitu:

- (i) Memusnahkan organisasi dan menghalang daripada percubaan menghidupkan semula kumpulan yang tekah diharamkan;
- (ii) mengikis identiti kumpulan;
- (iii) menghilangkan rasa taksub kepada bekas ketua;
- (iv) memulihkan akidah, sikap dan cabang hidup; dan
- (v) membantu mengembalikan akidah dan kehidupan mereka ke arus perdana.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai seminar pluralisme yang akan diadakan pada bulan Mei di Kuala Lumpur seperti yang dibangkitkan...

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Minta laluan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Arau bangun Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sedikit sahaja Yang Berhormat mengenai operasi dan pengendalian yang tidak beroperasi di dalam negara tetapi mereka membuat operasi ini di luar negara, misalnya KTS (kelab taat suami) ini. Jadi kita pohon pihak kementerian bukan sahaja KDN, yang memantau – JAKIM juga harus ada satu unit yang kita juga perlu buat siasatan, walaupun pengendalian dan operasi modes operandi itu berlaku di luar negara. Jadi apakah tindakan JAKIM dan pihak kementerian dalam menangani masalah ajaran yang beroperasi di dalam negara tetapi mendapat arahan daripada luar negara?

Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Sambung, sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Baling.

Dato' Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan tahniahlah sebab suasana tadi pun Yang Berhormat Menteri boleh tenang sahaja. Sehubungan dengan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Arau, kita mendengar ada beberapa pihak cuba mendaftarkan, contohnya daripada badan-badan ataupun persatuan-persatuan yang cuba lari daripada pegangan Ahlul Sunah wal Jemaah. Sejauh mana JAKIM dapat memantau dan menghidu lebih awal supaya perkara ini kita dapat cegah lebih awal. Yang Berhormat Menteri, kita tidak mahu apa yang berlaku kepada Al-Arqam satu ketika dahulu yang telah diharamkan oleh pihak kementerian, tetapi rupanya mereka membiak ataupun terus dengan aktiviti secara lain yang sekarang ini difahamkan sampai mereka ada satu siaran TV yang khusus. Jadi berpengalaman daripada keadaan ini berlaku, apakah usaha-usaha kita dalam mencegah perkara-perkara yang seumpama ini daripada terus merebak?

Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Arau menekankan soal kerajaan bagaimana untuk kita hendak memantau perkembangan-perkembangan yang berlaku dengan ajaran-

ajaran sesat di dalam negara tetapi dia berpusat ataupun dia mengarahkan daripada luar negara. Kita amat memahami juga dengan mendalam dan kalau boleh saya sekaligus dengan Yang Berhormat Baling tadi.

Memang kita sentiasa secara dekat kita ada mesyuarat secara mingguan dan bahkan mesyuarat di antara Menteri bersama-sama menteri berkenaan khususnya secara mingguan kita buat di antara JAKIM, KDN dan juga polis dan juga pihak LA, penasihat undang-undang yang berkaitan termasuk penasihat undang-undang di JAKIM untuk sentiasa mendapat maklumat-maklumat dan input terkini daripada apa yang sentiasa berkembang termasuklah kelab taat suami tadi, termasuk juga rangkaian *business* yang menjadi sumber ekonomi untuk ditaja dan membantu balik sehingga mewujudkan *web TV* dan sebagainya.

Tadi Yang Berhormat Baling kata saya tenang. Saya tenang tetapi hati saya rasa macam sedikit sedih melihat semangat kita tetapi – cara semangat pertembungan itu tidak menampakkan kita nampak ada satu kesatuan. Akan tetapi apa pun, rumusan yang dapat saya simpulkan tadi Yang Berhormat Baling, saya nampak bahawa kita semua sayang kepada agama Islam dan kerajaan bersungguh-sungguh untuk membawa agama ini sebagaimana yang sewajarnya dan sepatutnya peruntukkan Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai seminar pluralisme yang akan diadakan pada bulan Mei di Kuala Lumpur seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, dimaklumkan JAKIM sentiasa dan terus memantau sebarang program dan aktiviti yang berkembang termasuklah sebagaimana yang telah disebutkan dan aktiviti yang mempunyai unsur-unsur yang meragukan termasuk penyebaran fahaman liberalisme dan pluralisme agama.

■1700

Sekiranya terdapat bukti jelas kewujudan unsur-unsur tersebut, JAKIM akan mengambil tindakan sewajarnya dengan kerjasama pihak berkuasa lain seperti Jabatan Agama Islam Negeri dan Agensi Keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung Yang Berhormat Sekijang mencadangkan supaya JAKIM bertindak ke atas masalah gay dan seumpamanya yang semakin serius yang banyak di paparkan di laman web dan sosial. Kerajaan dan JAKIM bertanggungjawab menyelaras pengurusan hal ehwal Islam di negara ini telah bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan agensi berkaitan termasuk pihak polis bagi memantau laman-laman web dan juga tindakan-tindakan dan juga media baru yang lain dalam usaha untuk menangani isu berkenaan.

Antara usaha yang telah diberikan keutamaan oleh JAKIM ialah bagi menangani isu gay yang berkecelaruan identiti ini adalah dengan memperhebatkan usaha meningkatkan kesedaran umat Islam betapa jijik dan hinanya amalan dan cara hidup songsang gay dan kumpulan yang seumpamanya. Dalam hal ini, JAKIM memfokuskan kepada pendekatan

pendidikan dan juga tarbiah kepada masyarakat yang sihat dan pendekatan Ilas Wassyifa, rawat dan juga penyembuhan kepada kumpulan yang terjebak dengan cara hidup songsang dan bertentangan dengan norma hidup masyarakat yang bertamadun kerana dari aspek psikologi mereka ini adalah pesakit yang perlu diberi rawatan yang tepat.

Berhubung dengan cadangan diwujudkan pusat pemulihan bagi memulihkan mereka yang terlibat dalam masalah tersebut, kerajaan mengambil perhatian dan berterima kasih ke atas cadangan Ahli Yang Berhormat mencadangkan penubuhan pusat pemulihan dan diambil perhatian untuk tindakan dan juga pandangan ini di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang menyarankan kerajaan memudahkan proses perkahwinan pertama bagi generasi muda termasuk yang berkahwin di luar negara bagi menyelesaikan isu pertambahan anak di luar nikah. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dalam mempermudah pengurusan nikah, cerai, rujuk, JAKIM telah bekerjasama dengan MAMPU bagi membangunkan Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam (SPPIM) yang telah diaplikasikan di tiga buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Perlis dan akan diperluaskan secara berperingkat di seluruh Malaysia pada tahun 2014.

Sistem ini mengandungi tiga modul utama. Modul nikah, cerai dan rujuk dan sistem ini terbukti meningkatkan kecekapan kemudahan. Tanggapan yang mengatakan bahawa prosedur nikah, cerai, rujuk yang dilaksanakan negara ini merumitkan adalah sebenarnya tidak melihat secara keseluruhan. Dari pemerhatian yang dijalankan oleh JAKIM, tanggapan yang dibuat ini adalah terutamanya kelompok mereka yang terdiri daripada :-

- (i) lelaki yang tidak berkelayakan dan tidak berkemampuan tetapi ingin berpoligami;
- (ii) perempuan yang telah hamil luar nikah yang menyebabkan sukar untuk mengikut prosedur seperti wajib menghadiri kursus pra perkahwinan dan ujian saringan HIV dan AIDS; dan
- (iii) wali enggan atas sebab-sebab tertentu.

Ketiga-tiga kumpulan ini sering mendakwa prosedur dan undang-undang yang dilaksanakan menyusahkan mereka. Namun begitu, atas kepekaan kerajaan untuk memudahkan rakyat berdasarkan gagasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, JAKIM telah mengadakan persefahaman dengan enam Majlis Agama Islam Wilayah Selatan, Thailand terutamanya bagi membantu pasangan yang perlu berkahwin di luar negara khususnya di Selatan Thailand.

Suka saya tegaskan sekali lagi, JAKIM dan JAIN tidak pernah menghalang berkahwin di luar negara dengan syarat mengikut peraturan yang dilaksanakan di Malaysia dan negara berkenaan. Bagi tujuan ini, JAKIM telah menyediakan dengan izin, *standard operation procedure (SOP)* perkahwinan rakyat Malaysia di luar negara bagi memastikan perkahwinan

yang dilaksanakan sah dari segi peraturan dan hukum syarak. Ini amat penting untuk kesinambungan generasi umat Islam berdasarkan sah nikah, sah nasab.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Lalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kota Raja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya ingin sedikit penjelasan mengenai kes-kes yang berkahwin di Thailand dan tidak pernah mendaftarkan perkahwinan itu di negara kita.

Kemudian, sang suami meninggalkan isteri dan anak-anaknya. Ini mengakibatkan anak-anak ini tidak boleh mendapatkan surat beranak, sijil lahir dan kad pengenalan. Jadi, bila mereka pergi kepada pejabat agama, mereka diminta untuk membawa saksi dan dokumen dan sebagainya dan ini tidak ada. Jadi, oleh kerana tidak ada penyelesaian di pejabat agama, maka Jabatan Pendaftaran Negara juga tidak boleh membantu mereka. Bagaimana penyelesaian kes-kes yang begini? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Kota Raja. Memang sebab itu kita katakan kenapa dan perlunya ada prosedur atau pun yang disebut dengan *standard operation procedure (SOP)* untuk perkahwinan sama ada untuk mula mendaftar sehinggalah sampai proses penceraian. Sebab hal yang penting ini menyebabkan ia ada urutan. Bukan hanya sekadar untuk tidak boleh mendaftarkan anak tersebut, bahkan esok untuk masuk ke sekolah ada masalah untuk bantuan, masalah untuk biasiswa, PTPTN ada masalah, sehingga sampailah pula untuk dia hendak berkahwin lain dan hendak buat kad pengenalan ada masalah.

Jadi, maka sebab itu kita harap dia mematuhi, tetapi untuk saya hendak menjawab persoalan yang macam mana pula hendak selesaikan untuk daftar sebab orang tidak pernah risau soal daftar kahwin. Apa yang dia risau bila tidak dapat kad pengenalan dia. Jadi, sebab itu dia risau. Jadi, maknanya prosedur ini harus dirujuk balik kepada pihak Jabatan Pendaftaran Negara kerana mereka mempunyai peraturan-peraturan tersendiri dan sebagainya dan khususnya juga termasuk dengan pihak kalau dia kena balik kepada negeri yang dia berkahwin dahulu, ambil balik dia punya perkahwinan asal yang dia buat dan untuk memudahkan bagi tujuan proses selanjutnya.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya faham tentang prosedur SOP ini. Akan tetapi tidakkah kita ada satu *cut of date*. Maknanya ada kes-kes lama, ada yang anak sudah besar pun tetapi oleh kerana ada perubahan, jadi tidak ada penyelesaian bagi orang begini. Saya ada satu kes sekarang yang saya kata kalau boleh bawa saksi dia, saya akan bawa tetapi sampai akhirnya dia tidak dapat bawa. Jadi, bagaimana kes-kes ini? Mesti ada satu jalan penyelesaian.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya setuju bahawa perlu ada tempoh untuk penyelesaian tetapi oleh kerana saya sebutkan tadi bahawa kena cari dahululah. Balik kena cari dahulu kepada surat, masa tempat mana dia berkahwin dan sebagainya. Pergi balik ke Jabatan Agama untuk hendak memaklumkan tentang kesilapan mereka kahwin tidak berdaftar di luar dan sebagainya dan memerlukan surat-surat sokongan yang lain. Ini kerana kalau tidak esok kesan besarnya terhadap anak-anak ini tetapi apa-apa pun saya rasa mungkin lebih tepat Yang Berhormat merujuk kepada jabatan yang berkenaan bermula dengan Jabatan Agama dan termasuklah sehingga sampai Pejabat Pendaftaran Negara untuk menyelesaikan masalah ini. Saya rasa mungkin saya tidak boleh hendak menjawab dalam masa yang ringkas begini di sini untuk persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kota Raja.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu-isu berkaitan dengan persijilan halal. Yang Berhormat Sabak Bernam mencadangkan kerajaan mewujudkan satu akta yang mewajibkan setiap iklan produk makanan dan minuman mempamerkan logo halal JAKIM dan produk yang tidak jelas status halalnya disekat dari disiarkan di televisyen dan juga media massa. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, semua iklan yang disiarkan di media elektronik dikawal oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri. LPF akan membuat pemeriksaan ke atas semua iklan yang menggunakan logo halal. Setiap iklan bagi produk yang mempamerkan logo halal adalah tertakluk sama ada produk berkenaan mempunyai sijil halal atau tidak.

Sekiranya tiada sijil halal, maka pihak LPF tidak akan membenarkan iklan tersebut disiarkan dengan menggunakan logo halal. Jika terdapat iklan yang menggunakan logo halal Malaysia atau pun logo halal tanpa pengesahan sijil, pengesahan daripada JAKIM atau MAIN, maka ia merupakan satu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Yang Berhormat Baling mempersoalkan mengapa logo halal tidak...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Isu halal, masih lagi isu halal. Saya hendak bertanya begini. Isu logo halal itu kita sedia faham tetapi untuk mendapatkan logo halal itu perlu mengeluarkan duit dan sebagainya. Ada satu idea yang baru-baru ini dilemparkan oleh rakyat kita bahawa kenapa tidak kita buat satu undang-undang di mana dengan sendirinya mereka yang enggan untuk mendapatkan logo halal ini isytiharkan produk mereka ini tidak halal. Ya, tidak halal, terus isytiharkan tidak halal.

■1710

Jadi, sekiranya mereka tidak pergi minta, maka tidak halal. Sekiranya mereka didapati, ini akan meninggalkan satu kelas lagi produk yang tidak ada logo dan mungkin *with time*, dengan masa, maka kita boleh betul-betul memisahkan sebab logo halal ini banyak orang *complaint* juga Yang Berhormat Menteri, banyak kosnya untuk mendapat logo halal.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Yang Berhormat Kota Raja, tentang halal ini. Memanglah bagi orang Islam, dia cukup sensitif ataupun cukup menjaga tentang halal lebih-lebih lagi tentang sembelihan. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat Kota Raja, kita sedia maklum bahawa negara Malaysia berbilang agama, bangsa dan budaya dan begitu juga dengan kemasukan barangan sama ada barang dalam negara dan juga import. Sifat negara kita ialah keterbukaan dalam pengimportan dan juga dalam penjualan barang-barang. Jadi, sebab itu kalau mengambil pendekatan, Yang Berhormat sebutkan tadi, yang tidak mohon dia kena letak tidak halal. Jadi, ada banyak perkara yang kena kita fahami juga sebab kalau kita mewajibkan, sebab sifat kita sekarang ialah minta logo halal ini secara sukarela, tidak salah untuk dia tidak ada tanda.

Jadi, sebab itu kita juga mengambil kira makcik yang duduk di Kelantan jual nasi dagang, yang duduk di Terengganu jual keropok lekor, yang duduk di Kedah jual nasi lemak dan macam-macam, ada mihun sup, mi goreng, kuetiau dan sebagainya. Untuk hendak mohon sijil halal tentunya ada usaha yang agak jauh tetapi kalau disebutkan kata mahal ini, saya hendak beritahu sebenarnya tidak mahal mana. Untuk ukuran biasa ialah industri kecil – RM200, industri sederhana – RM400 dan RM800 untuk multinasional. Jadi, label pembayaran itu saya rasa tidak begitu membebankan sangat tetapi yang pentingnya, ia ada nilai tambah apabila dia memohon sijil halal, ada nilai tambah untuk orang lebih meyakini pembelian.

Dalam masa yang sama juga kita kena faham bahawa maksud yang dikatakan halal yang baru Parlimen meluluskan, dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 yang lepas yang dipanggil dengan APD (Akta Perihal Dagangan 2011) atas pindaan APD 1972 yang lalu oleh KPDKK. Kita mengguna pakai, 1 Januari 2012 sekarang ini baru mengguna pakai akta halal ini. Akta halal ini ialah untuk tujuan jangan ada penipuan. Kalau dia tidak ada sijil, tidak jadi masalah tetapi jangan dia tidak ada sijil halal, pengesahan halal lalu kemudiannya pula dia mempamerkan logo. Ataupun dia cuba untuk menyalahfahamkan orang ataupun mudah saya sebut *mislead*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Contohnya ialah apabila dia meletakkan ayat-ayat Al-Quran dalam dia punya premis perniagaan ataupun ada orang yang memakai tudung duduk jaga menghidangkan atau tolong masak. Akan tetapi didapati dia tidak ada sijil halal, itu juga tidak dibenarkan.

Akan tetapi dalam keadaan yang lain, kita benarkan sebab pasaran Malaysia adalah pasaran terbuka. Jadi sebab itu kita faham bahawa banyak cadangan yang sampai kepada pihak Bahagian Halal JAKIM dan juga kepada saya tetapi kita mengambil kira atas keperluan yang ada. Kemudian memang JAKIM yang mengeluarkan sijil bersama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri, tidak mengambil langsung pendekatan untuk komersial ataupun keuntungan tetapi ialah untuk membantu.

Saya hendak bagi mudah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada permohonan yang kadang-kadang saya sendiri pun naik hairan kenapa dia perlukan. Contohnya ialah besi untuk

kegunaan farmaseutikal yang dimasukkan dalam tubuh manusia. Jadi, sepatutnya saya fikir besi untuk menggantikan tulang yang patah, reput dan sebagainya. Jadi, kita kata fasal apa letak besi ini hendak tanda halal juga. Rupanya kita difahamkan bila tanda halal itu, dia lebih meyakinkan orang yang membeli untuk dimasukkan ke dalam tubuh mereka. Ini dah memang sifat semula jadi orang Islam, dia suka kepada perkara tersebut.

Satu lagi yang saya boleh contoh, ada yang saya tidak pernah terfikir barangkali, minyak hitam ataupun minyak pelincir yang dimasukkan dalam motor atau kereta. Dia minta juga tanda halal. Kita fikir sebab minyak pelincir ini, Yang Berhormat Pasir Salak jangan silap faham pula. Minyak pelincir kereta tidak payah untuk tujuan kita pohon untuk dapat tanda halal. Akan tetapi diberitahu oleh operator yang menguruskan, yang tukang pembaik, ganti minyak dan sebagainya ini dia kata hendak sembahyang dan sebagainya. *So*, saya fikir maknanya industri halal ini akan berkembang begitu besar dan halal untuk menjamin memudahkan umat Islam dapat mengenal pasti produk tersebut adalah terjamin.

Saya suka hendak menjelaskan Tuan Yang di-Pertua, bahawa bila sebut kata halal, ia bukan hanya sekadar *ingredient* ataupun bahan dalam itu tetapi daripada proses di dalam ladang sampailah ke hidangan atas meja, ia dihimpunkan, disimpan ataupun *di transport*, dibawa atas kenderaan. Semuanya adalah dijaga kebersihan dan tidak boleh untuk kalau ada di sana perkara-perkara yang boleh menyebabkan kualitinya menurun. Jadi, sebab itu bila disebut halal, di sana ada JAKIM, ada Kementerian Kesihatan, ada yang berkaitan dengan pertanian dan juga sebagainya untuk bersama.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Saya hendak tanya sikit sahaja, saya tidak berapa faham juga fasal benda ini. Cuma hendak ulang balik ada pernah tanya dulu tetapi rasanya tidak ada jawapan, tidak ada komen apa. Fasal penipuan logo halal tadi, ada permintaan kata hendak bezakan antara logo halal untuk makanan yang kita guna, ada untuk perkhidmatan, perbankan dan sebagainya, banyak jenis. Jadi Dato' Timbalan Menteri dah sebut tadi minyak pun hendak halal. Mesti ada barangkali kaedah untuk membezakan antara tanda-tanda. Ini juga permintaan daripada orang yang bukan pemain industri dalam bentuk pelabelan logo halal tadi.

Saya juga hendak tanya sebab dulu dah ada cadangan, sudah banyak kali disebut rasanya. Penubuhan Institusi Pengauditan Halal. Kalau dulu saya dengar kata JAKIM ada satu *department* di bawah JAKIM barangkali yang ada khusus badan atau unit ini. Jadi, saya rasa atas ekspektasi permintaan pasaran itu saya tidak rasa JAKIM boleh *handle* atau boleh tanggung tugas untuk pengauditan halal ini. Cuma hendak tanya, setakat ini saya rasa sudah lima kali saya tanya. Ada atau tidak cadangan untuk mengkhususkan dalam bidang ini dan kalau ada, bila hendak buat, kita boleh bantu. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Yang Berhormat Indera Mahkota, terima kasih banyak. Minta maaf, mungkin saya tidak ingat berapa kali dah ditimbulkan dan

sebagainya. Cumanya mungkin Yang Berhormat Indera Mahkota dah timbul banyak kali, betul mungkin barangkali. Akan tetapi Yang Berhormat Indera Mahkota macam ada kasyaf sikit, nampak macam kita buat jadi. Jadi, sebenarnya logo halal ini, saya dah beritahu dah dulu, sehingga pindaan kepada APD 1972, yang lama dulu. Akta Perihal Dagangan 1972, selagi mana kita tidak luluskan pindaan dan dalam Dewan yang mulia tahun yang lalu kita telah meluluskan, sebab itu telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012.

Dalam pindaan APD 1972 itu, Akta Perihal Dagangan 2011 yang kita kuat kuasa pada 1 Januari 2012, kita telah mewajibkan hanya satu logo sahaja yang dibenarkan untuk diguna pakai iaitu ialah 'JOKO' yang diguna pakai oleh JAKIM dan juga majlis-majlis, jabatan-jabatan agama Islam negeri. Dalam masa yang sama juga Ahli Yang Berhormat sekalian, kita ada tujuh syarikat sebelum daripada ini. Ia juga mengeluarkan sijil walaupun kebertanggungjawaban itu adalah berbeza dengan kebertanggungjawaban yang didukung oleh Majlis Agama Islam dan juga JAKIM dalam Bahagian *Hub* Halal tetapi mereka juga mengeluarkan. Ini yang menyebabkan banyak logo tadi. Mulai sekarang hanya satu logo sahaja yang dibenarkan dan mana-mana logo yang lain boleh diambil tindakan sama ada yang mengeluarkan logo tersebut dan juga yang mempamerkan, mengatakan dia mempunyai logo halal.

Keduanya, bila Yang Berhormat Indera Mahkota sebutkan, kata memerlukan kepada Audit. Saya suka hendak menjelaskan Audit Halal ini, itu saya kata Yang Berhormat, macam nampak baru minggu lepas kita mengadakan satu seminar yang saya sendiri hadir untuk merasmikan seminar tersebut yang pengauditan halal seluruh Malaysia dan kita mempunyai tenaga-tenaga di seluruh Malaysia yang telah pun diberi latihan oleh pihak KPDNKK untuk tujuan pengauditan ini. Akan tetapi saya minta sedikit sebab perkataan audit ini agak begitu nampak satu kehebatan tersendiri sebab bila disebut dengan perkataan audit itu dia nampak fail, dia nampak *figure*, angka-angka dan sebagainya. Yang datang itu pula dalam bentuk audit.

■1720

Akan tetapi saya beritahu ialah untuk tujuan pemeriksaan, pematuhan kepada halal ataupun sijil halal yang telah dikeluarkan. Ini kita ambil kira nantilah iaitu kerana sebab saya sebut ini ialah Yang Berhormat hendak menggambarkan kita sudah pun mengambil tindakan. Jadi mungkin Yang Berhormat tanya banyak kali itu, hari ini sudah kita jawablah.

Kemudian selain daripada itu Yang Berhormat Baling telah mempersoalkan mengapa logo halal tidak dikuatkuasakan di Kedai Mesra Petronas. Penguatkuasaan logo halal adalah berdasarkan saya sebutkan awal tadi dalam penjelasan bahawa Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) dan Perintah-Perintah Perihal Dagangan Berkaitan Halal, undang-undang tersebut tidak mewajibkan perkataan logo halal JAKIM pada semua produk atau barang-barang atau premis. Pensijilan Halal Malaysia ada bersifat sukarela. Walau bagaimanapun, sekiranya sesuatu produk atau premis ingin mengguna pakai logo halal, mereka perlulah mendapat sijil halal daripada JAKIM ataupun MAIN ataupun daripada JAIN.

Yang Berhormat Baling juga mencadangkan supaya diasingkan logo halal bagi perkhidmatan dan produk. Pada masa ini hanya satu logo sahaja digunakan bagi semua skim pensijilan yang dilaksanakan bagi mengelakkan kekeliruan kepada pengguna dan pihak industri dan kerajaan berpandangan bahawa tidak perlu buat masa sekarang menggunakan dua logo yang berasingan untuk perkhidmatan dan produk bagi pensijilan halal JAKIM kerana ia akan menyebabkan kekeliruan kepada pengguna dan pihak industri sebagaimana yang ditetapkan oleh Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Selain daripada itu, aspek pendaftaran logo dan hak cipta terhadap logo di dalam dan di luar negara adalah lebih mudah dilaksanakan sekiranya mempunyai satu logo sahaja. Ini mungkin barangkali menjawab juga Yang Berhormat Indera Mahkota tadilah yang minta untuk produk yang berbeza dengan tanda logo yang berbeza. Yang Berhormat Baling.

Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya dihubungi dan ditemui oleh pengusaha-pengusaha sebahagian daripada pengusaha stesen minyak Petronas khususnya apabila mereka melahirkan rasa tidak berapa senang dengan pembekal-pembekal yang membekalkan makanan untuk dijual di kedai-kedai Mesra Petronas dan mereka mempunyai asas untuk mengesyaki pembekal-pembekal makanan ini yang agak belum pasti halal.

Jadi dengan sebab itu ada pihak yang mengemukakan supaya pihak Petronas Dagangan memastikan supaya mereka dapat sijil halal JAKIM. Cuma yang mereka tidak senang hati ialah apabila ada di kalangan pegawai berkenaan yang memberitahu bahawa kita tidak perlu soal itu kerana pembekal-pembekal ini adalah rakan niaga kita, kita kena jaga mereka. Jadi ini nampaknya macam tidak berat sangat tentang keperluan halal itu.

Sehubungan dengan ini juga mengikut Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan tadi, kita hendak tunggu mereka minta halal, baru kita hendak beri tanda halal atau sijil halal, mungkin suasana ini ada satu ruang yang boleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab itu mengeksploitasi demi untuk perniagaan mereka sehingga orang-orang Islam terjebak dengan benda-benda yang tidak halal. Contoh kalau kita boleh sebut sekarang ini ada kedai-kedai makan yang memang jelas tidak halal sebab dia mengusahakan secara tidak halal tetapi orang Islam tengok *confuse* macam kedai mamak, dia masuk juga padahal bukan mamak betul, mamak "tongkang".

Jadi benda-benda yang macam ini, jadi kalau kita tunggu dia hendak minta betul, ini minta maaf, "tongkang" itu – Jadi kita *confuse*. Kita sudah kenyang berapa *round* sudah tetapi baru kita sedar ini bukan kedai mamak sebenar. Jadi benda-benda yang macam ini sebagai contoh Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Baling, kita mengambil perhatianlah tetapi sebagaimana yang saya jelaskan awal bahawa

dalam keadaan yang ada sekarang ini, pelaksanaan untuk halal ini masih lagi bersifat sukarela untuk yang memohon dan tidak.

Akan tetapi apa pun kita juga mengharapkan kalau ada keraguan-keraguan daripada pihak-pihak pengusaha dan sebagainya ataupun pekerja-pekerja yang menghubungi kepada tidak kiralah kepada siapa sahaja sekalipun boleh kita panjangkan hal tersebut untuk pengetahuan majlis agama bahagian halal bahkan termasuk juga dengan JAKIM untuk kita melihat dan juga membuat pemeriksaan ke atas barangan-barangan tersebut dan kita faham juga bahawa bagaimana saya sebutkan tadi bahawa bagi restoran-restoran “tongkang” tadi, saya suka hendak menyentuh Tuan Yang di-Pertua bahawa kalau ada perkataan-perkataan yang boleh memungkinkan salah faham untuk kita faham sama ada perkataan *bismillah*. Dia tidak ada logo tetapi perkataan *bismillah* ataupun ayat-ayat al-Quran yang selalu digantung di kedai-kedai seperti ini. [Membaca sepotong ayat al-Quran] Dan sebagainya atau pun ayat Seribu Dinar ataupun ada unsur-unsur yang pemakaian tudung dan sebagainya kepada pekerja mereka. Ini boleh kita mengambil tindakan kalau sekiranya kita tanya dia balik, dia ada atau tidak tanda halal yang dimiliki.

Akan tetapi berbeza sedikit di Kedah Yang Berhormat Baling. Ini saya hendak *share* sedikit kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu restoran dia tulis Restoran Halal Lebih Kurang. Jadi restoran ini saya ingat Yang Berhormat Pokok Sena tahulah. Restoran Halal Lebih Kurang ini saya maklumkan pada JAKIM apa ini? Katanya bahagian halal, apa ini tulis lebih kurang, orang Kedah tradisinya kalau silap sedikit sebanyak dia kata halal lebih kurang. Yang Berhormat Baling pun faham benda ini.

Jadi maknanya dia bukan bermaksud untuk membawa konotasi yang boleh membentuk kefahaman orang ini ianya halal atau tidak halal sebab lebih kurang tetapi lebih kurang itu ialah tentang selepas makan, halallah lebih kurang, yang ikan terlebih, ambil kuah terbanyak atau pun dia beritahu sebab dia kira kemudian. Jadi yang sayur itu dia tidak beritahu. Mungkin itu yang dia tulis halal lebih kurang. Ini kerana petang Yang Berhormat. Jadi saya kena sebut sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih banyak dan saya pergi Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Bachok dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah menyentuh isu berkaitan *wasatiyyah* dalam perbahasan Titah Diraja ini.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah menyatakan bahawa konsep *wasatiyyah* ini konsep beliau. Ia merupakan konsep yang diambil daripada ajaran Islam bagi mewujudkan masyarakat yang bersederhana dan seimbang ke arah mewujudkan negara yang berjaya. Ini juga menunjukkan kerajaan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika ini sentiasa berlandaskan ajaran Islam yang turut

memberikan manfaat kepada penganut agama lain. Mengenai penubuhan pertubuhan institut *wasatiyyah*, perkara ini masih di peringkat perincian. Apabila semuanya selesai dan bersedia, ia akan dimaklumkan kepada masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu yang berkaitan dengan Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah Malaysia. Yang Berhormat Pasir Mas telah meminta penjelasan kenapa mahkamah di Wilayah Persekutuan sudah dua tahun tiada Ketua Hakim Syarie, sudah empat tahun tiada timbalan mufti, lapan tahun Mahkamah Rayuan tidak bersidang dan tiga tahun jawatan Ketua Pendakwa Syarie kosong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod perjawatan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, tidak pernah berlaku kekosongan jawatan Ketua Hakim Syarie, Ketua Pendakwa Syarie dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Begitu juga tidak benar dalam tempoh lapan tahun Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan tidak bersidang. Begitu juga tiada kekosongan jawatan Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan.

Sebenarnya kekosongan yang disebutkan ialah kekosongan Ahli Yang Berhormat bangkitkan adalah mengenai kekosongan jawatan Ketua Hakim Syarie di negeri Pahang. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kehakiman Syariah Pahang tidak menyertai Skim Perkhidmatan Pegawai Syariah, Perkhidmatan Guna Sama Persekutuan. Oleh itu semua urusan pengisian dan kenaikan pangkat pegawai-pegawai di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang adalah tertakluk di bawah bidang kuasa dan urusan negeri berkenaan khususnya pihak berkuasa agama negeri. Bagi jawatan Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang, berlaku kekosongan sejak tahun 2009 sehingga kini. Pihak JKSM telah mengemukakan lima calon yang terdiri daripada pegawai syariah daripada kalangan anak negeri Pahang dan buat masa sekarang, kita masih menunggu kelulusan yang akan diberikan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Kuala Krau memohon supaya bangunan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang diluluskan dalam *rolling plan* yang ketiga, Rancangan Malaysia Kesepuluh. JKSM - Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia akan mengemukakan permohonan projek bangunan baru ibu pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang kepada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) pada bulan April 2012 untuk disenaraikan dalam *rolling plan* ketiga Rancangan Malaysia Kesepuluh 2013/2014.

■1730

Yang Berhormat Ampang pula menyarankan supaya sistem Mahkamah Syariah diperbaiki dengan menggabungkan perbicaraan bagi kes perceraian hak penjagaan dan tuntutan pembahagian harta yang melibatkan pihak pasangan yang sama bagi memudahkan, menjimatkan kos-kos pihak terlibat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, ketika ini sistem pendaftaran sistem yang dilaksanakan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia adalah berdasarkan setiap satu permohonan didaftarkan dan diberikan nombor kod yang kes yang khusus. Jika seorang pelanggan hadir ke mahkamah untuk mendapatkan dua permohonan

seperti permohonan hak penjagaan anak dan nafkah anak maka kes akan didaftarkan di atas dua kod kes, setiap kes akan dikenakan fi pembayaran yang ditetapkan dalam Kaedah Tatacara Mal di mahkamah yang diwartakan.

Tujuan sistem tersebut diwujudkan ialah untuk memudahkan pihak pengurusan mahkamah mengumpul rekod statistik jumlah kes yang didaftarkan setiap tahun. Di samping itu, sistem akan memudahkan seorang hakim menjalankan perbicaraan kerana jika dua kes digabungkan dalam satu pernyataan tuntutan, fakta-fakta dalam dokumen kes akan bercampur. Ini bukan sahaja menyukarkan pihak hakim, tetapi juga pihak-pihak yang memfailkan permohonan ketika perbicaraan di mana mereka akan merujuk fakta-fakta yang didokumentasikan sebagai pendaftaran dan seterusnya dibentangkan di mahkamah bagi tujuan pembuktian. Pihak mahkamah terpaksa memberikan penekanan kepada aspek kemudahan pelanggan di dalam perbicaraan kerana proses perbicaraan adalah proses yang sangat penting bagi menjamin kejayaan sesuatu kes berbanding aspek kos semasa pendaftaran.

Berkaitan isu suami gagal melaksanakan nafkah anak ataupun nafkah isteri, langkah pertama pihak isteri hendaklah memfailkan permohonan nafkah di mahkamah syariah untuk mendapat perintah suami membayar nafkah dalam jumlah tertentu. Jika setelah perintah dikeluarkan, suami gagal membayar nafkah sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah, pihak isteri hendaklah hadir semula ke Mahkamah Syariah untuk memfailkan permohonan penguatkuasaan perintah nafkah. Bagi membantu isteri dan anak-anak dalam isu penguatkuasaan nafkah ini, pihak kerajaan melalui agensi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan satu bahagian baru yang dikenali bahagian sokongan keluarga (BSK) sejak tahun 2008 dan penempatannya ialah di seluruh Mahkamah Syariah Negeri-negeri. Bahagian ini ditubuhkan dengan objektif untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan kes-kes penguatkuasaan perintah yang tidak dipatuhi oleh suami atau pun bekas suami.

BSK berperanan sebagai unit yang memberi perkhidmatan mengesan tempat tinggal bekas suami, memberi khidmat nasihat kepada pihak-pihak terutamanya isteri, bekas isteri yang tidak mampu melantik peguam memfailkan kes penguatkuasaan perintah dan menjalankan proses mediasi, nasihat dan panduan berkenaan kaedah penguatkuasaan yang sesuai mengikut undang-undang, sangat penting untuk isteri ataupun bekas isteri yang kurang berkemampuan. Setelah siasatan lengkap, pegawai BSK akan membantu mereka memfailkan kes permohonan penguatkuasaan perintah di mahkamah berkenaan. BSK juga menyediakan skim dana BSK dan kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM15 juta bagi tujuan pelaksanaannya. Dana ini merupakan bantuan nafkah sementara kepada isteri dan anak yang sedang menanti perbicaraan kes penguatkuasaan perintah yang tidak dipatuhi oleh bekas suami dan ayah.

Dana ini juga mendapat peruntukan Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Skim ini dapat meringankan bebanan kewangan kepada isteri-isteri yang diceraikan dan haknya diabaikan oleh bekas suaminya dalam tempoh kes penguatkuasaan perintah sedang berjalan di mahkamah. Jika pihak isteri atau bekas suami mempunyai masalah kewangan atau menghadiri perbicaraan, perkhidmatan BSK transit telah diwujudkan pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, ketika ini pelaksanaannya bermula di Wilayah Persekutuan sahaja.

BSK Transit telah memberikan kemudahan pengangkutan dan kos penginapan sepanjang tempoh menghadiri perbicaraan di mahkamah. Dengan cara ini, JKSM berharap pihak-pihak yang tidak berkemampuan tidak mempunyai alasan untuk tidak hadir di mahkamah bagi menghadiri perbicaraan atau membuat tuntutan. Kesimpulannya, kerajaan sentiasa mengambil perhatian memberi kemudahan kepada masalah yang dialami oleh pihak-pihak yang terlibat dalam kes di Mahkamah Syariah bermula daripada sebelum permohonan difailkan semasa perbicaraan berjalan dan selepas mendapat perintah mahkamah.

Selain itu, kaedah penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah, peruntukan sedia ada Akta Enakmen Tatacara Mal Negeri-negeri ketika ini dengan jelas memperuntukkan kaedah dan cara penguatkuasaan bagi melaksanakan semua perintah atau penghakiman Mahkamah Syariah jika tidak dipatuhi oleh pihak yang diarahkan oleh sesuatu perintah mahkamah, semua peruntukan menyamai kaedah yang ditetapkan oleh Mahkamah Sivil. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Baling juga membangkitkan isu berkaitan JKSM, Yang Berhormat Baling ingin penjelasan mengenai e-Syariah yang didakwa kini merudum berbanding ketika ia mula dilaksanakan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, e-Syariah merupakan sistem pengurusan kes yang digunakan oleh Mahkamah Syariah di seluruh negara secara *online*. Sistem ini masih dilaksanakan sepenuhnya di ke semua mahkamah syariah di seluruh Malaysia. E-Syariah telah dibuat penambahbaikan bermula tahun 2009 dan telah dilaksanakan bermula pada April 2011 di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan diikuti oleh negeri-negeri lain sehingga Julai 2011. Penyerahan versi 2 sistem e-Syariah oleh pihak vendor akan dilaksanakan sepenuhnya pada bulan April 2012. Skop penambahbaikan e-Syariah...

Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Yang Berhormat Menteri, sebelum itu, BSK tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya sikit? Lagi panjang kah Yang Berhormat Menteri?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Saya ada semua lebih kurang 40 muka surat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Baling, saya minta maaf Yang Berhormat Baling. Masa kita lewat. Jadi minta tolonglah, kalau ada persoalan tanyalah dengan Yang Berhormat Menteri selepas inilah.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh bersetuju, saya mohon untuk saya jawab satu lagi soalan kemudian selebihnya saya jawab secara bertulis.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Setuju, setuju.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Untuk tidak menghampakan Yang Berhormat Baling, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Ringkaskan soalan.

Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma BSK tadi ada sikit sahaja saya hendak tanya sebab ada negeri-negeri yang walaupun skim BSK ini berjalan, tetapi ada negeri yang dia tidak menerima proses ini, jadi dia menggunakan duit zakat. Apabila guna duit zakat, peruntukan zakat ke tempat lain itu terpaksa diagihkan ke sini.

Jadi itu yang saya rasa apakah pihak JAKIM sedar benar perkara ini berlaku dan apa tindakan yg selanjutnya. Kalau boleh saya cadangkan, sebagai mana yang kita sebut di Kaherah atau di Mesir sebagainya, diadakan satu bank untuk menjalankan tugas-tugas ini. Bagaimana kalau kita di Malaysia, contohnya kalau kita ambil Bank Rakyat untuk menjalankan tugas ini, maka lebih sistematik. Seolah-olah macam satu kedudukan di mana yang terpinggir tadi, ibu-ibu tunggal atau sebagainya yang tidak diberi nafkah oleh suami tadi, maka dapat dibantu. Jadi itu yang lain itu saya ingat saya memang hendak betullah secara bertulishlah, janji kena bagi betul.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Baling. Sebenarnya jawapan persoalan yang ditimbulkan termasuk daripada kaedah untuk pembayaran kepada ibu-ibu dan juga bekas isteri yang ditinggalkan oleh suami ini, selain daripada model BSK ini, ada model di Australia dan model dekat dengan Mesir yang sebagaimana Yang Berhormat Baling sebutkan. Ada dalam jawapan saya di hadapan tetapi oleh kerana BSK ini panjang soalan dia dan termasuk juga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ini, jadi dia termasuk nanti dengan jawapan yang akan saya berikan kepada Yang Berhormat Baling, cadangan model dengan mengambil kira model BSK kita berdasarkan kepada Perlembagaan Negara kita yang meletakkan negeri dan juga agama di bawah kuasa Raja dan juga Sultan masing-masing dengan pendekatan yang pelbagai.

Akan tetapi, apa pun ada jawapan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab semua soalan-soalan yang berikut kemudiannya nanti dengan secara bertulis yang akan saya bekalkan sesegera mungkin kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dan saya rasa terima kasih banyak atas kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan hal-hal dan

tajuk yang berkaitan dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang berkaitan dengan agama di bawah agensi saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat, panjang juga ceritanya petang ini. Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan.

5.39 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Saya ingin menjawab mengenai isu FELDA, SPAD dan APMM mengikut jika tidak dikacau tidak panjang, tetapi jika dikacau, diganggu, ia jadi panjang. Yang Berhormat Kubang Kerian membangkitkan persoalan kenapa kerajaan mengambil risiko dengan menyenaraikan FGVH dalam Bursa Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan Felda Global Ventures Holding (FGVH) yang dibantu oleh penasihat-penasihat profesional strategi dan penyenaiaan telah pun membuat kajian yang teliti dan menyeluruh sebelum membuat keputusan untuk menyenaraikan FGVH. Keputusan dibuat berdasarkan penilaian ekonomi dan juga strategi bagi memastikan penyenaiaan dapat memberi pulangan yang baik kepada pemegang saham FGVH dalam jangka masa panjang.

■1740

Kajian juga turut mengambil kira impak negatif dan positif yang merangkumi prestasi yang lalu di samping peluang prospek dan risiko perniagaan dalam industri yang bakal dihadapi FGVH di masa hadapan. Kajian yang dibuat telah merumuskan bahawa penyenaiaan FGVH memberikan peluang dan prospek yang kukuh serta memberi pulangan yang baik kepada para pemegang kepentingannya terutamanya peneroka FELDA. Di samping itu ia dapat menggalakkan pelaburan asing di dalam negara serta menjadi pemangkin pertumbuhan FGVH untuk menjadi jaguh dunia di dalam industri berasaskan pertanian.

Kerajaan menyambut baik cadangan Yang Berhormat Silam mengenai perwujudan Greater FELDA dan mewujudkan satu universiti baru yang dibantu oleh FELDA untuk tujuan pengajaran dalam bidang pertanian, pembangunan pemasaran dan kekeluargaan. Namun begitu pada masa kini FELDA belum bercadang untuk melaksanakannya memandangkan terdapatnya institusi pengajian tinggi awam ataupun swasta yang mengkhusus dalam bidang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat FELDA telah menubuhkan akademi FELDA dengan menawarkan kepakaran kepada pihak luar dalam bidang pembangunan tanah di samping itu juga FELDA turut menjalinkan kerjasama dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan institusi lain untuk melatih generasi FELDA dalam bidang kajian yang berkaitan.

FELDA kini mempunyai empat kolej integrasi ilmu atau Kolej KINI selain memiliki saham di kolej IPTS.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Menteri Silam. Sedikit sahaja tentang universiti tadi.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya minta Yang Berhormat Silam bertanya jangan bagi ulasan latar belakang.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Saya tahulah Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini FELDA belum ada rancangan untuk mewujudkan universiti, oleh sebab ada sudah Kolej KINI di Bandar Sahabat di Parlimen Silam. Adakah pihak kementerian untuk menaikkan taraf Kolej KINI tersebut untuk menjadi universiti di masa akan hadapan dan mohon kalau boleh supaya dapat dipertimbangkan. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, kita ada empat Kolej KINI dan untuk keperluan di masa hadapan kita akan fikirkan kemudian. Terima kasih Yang Berhormat Silam. Yang Berhormat Machang ingin tahu kedudukan FGHV dengan pinjaman EPF untuk tujuan pelaburan. Untuk makluman Yang Berhormat sehingga 31 Disember 2011 sebanyak RM1.83 bilion telah dipinjamkan oleh KWSP kepada FGVH melalui FELDA dan sebanyak RM179.4 juta bayaran balik telah dilunaskan sehingga tempoh tersebut. Sehingga kini FGVH tidak mempunyai sebarang tunggakan bayaran berkala yang sepatutnya di bayar kepada KWSP. Malahan FELDA mempunyai rekod yang amat cemerlang dalam pembayaran balik pinjaman. FELDA pernah meminjam sebanyak RM4.975 bilion sebelum ini daripada kerajaan Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Tabung Kuwait dan Tabung Saudi. Kesemua pinjaman itu telah dibayar balik pada tahun 2000 iaitu 14 tahun lebih awal daripada jadual sepatutnya pada tahun 2013.

Yang Berhormat Machang juga ingin tahu adakah FELDA telah melakukan capaian pasaran sebelum membuat sesuatu pelaburan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pelaburan yang telah dibuat oleh FGVH adalah mengikut garis panduan dan tatacara dan urus tadbir yang konsisten, sistematik dan menyeluruh. Penilaian dan analisa pelaburan dibuat melalui proses *due diligent* dengan izin yang komprehensif di mana melibatkan khidmat pakar dalaman organisasi dan juga konsultan luar merangkumi semua aspek berkaitan perundangan, teknikal, termasuk juru nilai dan penganalisis pasaran bebas. Setiap cadangan pelaburan juga dibentangkan untuk mendapat kelulusan Jawatankuasa Pelaburan, Ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan lain-lain kelulusan berkaitan.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Laluan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kenyataan Yang Berhormat Machang mengenai FGVH dalam proses penyenaaran sedangkan rekod terdahulu menunjukkan prestasi

kewangan yang negatif adalah tidak tepat. Kumpulan FGVH telah merekodkan tahap keuntungan sebelum cukai yang baik pada tahun kewangan 2009 dan 2010 iaitu untung RM203 juta dan untung RM366 juta.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Laluan. Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Yang Berhormat Menteri saya berbeza pendapat sedikit. Ruang ini adalah ruang penjelasan bukan kacau atau ganggu biar kita rujuk. Saya hendak bertanya pertamanya ialah rekod keuntungan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Di tangan saya Yang Berhormat Menteri adalah rekod kewangan atau prestasi Felda Global Ventures Holding Group of Company...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Panjangkah Yang Berhormat? Ringkas boleh ringkas. Okey.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Saya baru merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat dalam menjawab rekod keuntungan Felda Global Ventures bagi tahun 2010. Disebut oleh Yang Berhormat ialah RM366 juta untung. Rekod di tangan saya adalah merujuk kepada catatan dalam Mesyuarat Perdana Menteri bersama pengurusan tertinggi yang menyebut keuntungan *profit before tax* pada tahun 2010 cuma RM92 juta. Kalau Yang Berhormat tengok dalam naskhah yang sama mungkin boleh beri penjelasanlah. Itu yang pertama.

Yang kedua ialah Yang Berhormat menyebut berkenaan dengan semua pelaburan Felda Global Ventures di luar negara di buat *due diligent*. Akan tetapi yang saya hendak tanya dengan Yang Berhormat ialah pelaburan di *North America*, di Quebec dan di US yang FELDA Global sekarang mengemukakan cadangan untuk melakukan *turn around* dan meminta lagi suntikan dana 30 juta Canadian Dollar (CAD) yang sama dengan RM100 juta dan kenapa rugi? Rugi kerana pertama kalah dari segi persaingan. Kenapa rugi? Kilang jauh daripada ladang sebab dia terlibat dengan aktiviti *canola* dan juga *soy bean refining and crushing*. Kenapa jauh daripada ladang bermakna kos pengangkutan meningkat. Kalah dari segi persaingan. Kemudian keupayaan kilang yang beroperasi di bawah paras yang sebenarnya.

Kalau *due diligent* dibuat sudah tentu penyakit ini tidak akan dialami. Jadi siapakah pihak profesional yang buat penilaian *due diligent* Yang Berhormat Menteri nyata tadi?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya sekali lagi berpegang kepada segala rekod yang saya ada. Bahawa pada tahun 2009 kumpulan FGVH secara keseluruhan untung RM203 juta dan pada tahun 2010 untung 366 juta. Pada tahun 2011 ini sedang diaudit peringkat akhir awal bulan April juga adalah untung yang banyak. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat kilang kita, FELDA TRT di Boston, yang sebelum ini memang kita akui, saya tidak sebut semua sekali untung berniaga ini oleh kerana banyak syarikat berpuluh-puluh anak syarikat, tetapi majoriti kepada anak Syarikat Felda Global Venture Holdings ini untung. Saya ingin maklumkan sebelum ini TRT Boston ada kerugian, memang kita akui tetapi pada hujung

tahun 2011 sedang diaudit akhir- tetapi saya ingin mengumumkan di sini bahawa kita untung. Kilang TRT Boston RM1.688 juta.

Saya ingin meneruskan prestasi pelaburan terkini kumpulan FGVH secara keseluruhannya adalah kukuh termasuk di luar negara. Sebagai mana yang saya sebutkan tadi, pelaburan di Amerika Utara terutama di Boston telah menunjukkan peningkatan prestasi bagi perniagaan di Amerika Syarikat. Di Kanada FGVH telah turut menjalin usaha sama strategik dengan syarikat multinasional yang bernama BUNGE. Salah satu pelaku agro komoditi yang paling besar dalam dunia. Kita akan melihat satu *turn around* yang hebat tidak lama lagi. Pada masa yang sama FGVH juga telah mengukuhkan model perniagaannya dengan memeterai perjanjian sewaan secara jangka panjang melibatkan tanah seluas kira-kira 355,846 hektar dengan FELDA.

Ini dapat memberikan jaminan bekalan mentah kepada FGVH bagi mengembangkan perniagaan hilirannya dan juga membolehkan FGVH memantapkan tahap produktiviti dan kecekapan operasi huluannya. Dari segi faktor luaran trend menaik harga minyak sawit dan prospek masa depan yang memberangsangkan bagi industri sawit, getah dan gula juga membantu dalam mengukuhkan prospek prestasi masa depan FGVH. Oleh itu faktor-faktor yang disebutkan itu meletakkan FGVH di landasan yang kukuh untuk disenaraikan pada pertengahan tahun ini.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Laluan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Berhormat Machang mempersoalkan kononnya...

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Sebelum itu...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: ini Yang Berhormat Machang saya...

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Itu saya tahu tajuk baru yang ini saya hendak tanya masih lagi tajuk yang sama. Yang Berhormat tiga perkara saya ke muka Yang Berhormat tidak jawab. Yang Berhormat laju sahaja. Saya tanya tadi Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan kenapa ada dua angka yang berbeza dalam data keuntungan yang disebut kepada Perdana Menteri sebagai Pengerusi dalam mesyuarat pada 27 Jun 2011. Itu angka keuntungan Group of Companies Felda Global cuma RM92 juta. Yang Berhormat kata pertahankan RM366 juta. Saya sebut sumber saya Yang Berhormat mesti juga jujur menyatakan sumber.

■1750

Kalau yang ini salah, saya akan menganggap salah, saya anggap Yang Berhormat ini betul. Akan tetapi saya merujuk pada dokumen rasmi Felda yang dihadiri mesyuaratnya oleh Perdana Menteri, 92 daripada jumlah *revenue* semula – jumlah *revenue* semuanya pun ada di sini. Jumlah *revenue* ialah RM1.14 bilion. Akan tetapi keuntungan *group of companies* adalah 92. Yang Berhormat, keuntungan itu datang daripada Malayan Sugar Holdings, datang daripada Felda Holdings. Pelaburan di luar negara kesemuanya tidak menyaksikan angka yang

Yang Berhormat sebut. TRT-ETGO misalnya, yang disebutkan di sini rugi 29.7, berikutnya, 40.4, kemudian 9.6. Kemudian apabila diukur oleh *consolidated adjustment*, rugi RM206 juta, RM203.8 juta, RM285 juta. Mesti ada penjelasan terhadap angka ini. Saya merujuk pada dokumen rasmi FELDA. Mesti ada penjelasan.

Saya juga tanya siapakah pihak profesional yang melakukan *due diligence*, sebab saya juga ada dokumen audit Pricewaterhouse terhadap akaun Felda Global Ventures yang menjawab – angka tidak boleh berbohong. Angka-angka ini mencatatkan kerugian. Yang untung kerana pembelian Malayan Sugar. Itu pun dipinjam daripada EPF, RM1.5 bilion. Sebelum daripada Felda Global ditubuhkan pun, Malayan Sugar memang sudah untung. Dengan guna duit EPF untuk membeli, jadi untung syarikat. Untuk itu *subset* kerugian pelaburan Felda Global yang lain. Felda Holdings, ini memang angsa bertelur emas untuk Felda Global. Sebelum Felda Global lahir pun, ini sudah untung.

Apa yang kita persoalkan ialah pelaburan Felda Global di luar negara. Itu yang kita persoalkan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Dan angkanya yang kita rujuk daripada Pricewaterhouse. Ini menunjukkan angka sebaliknya, tidak seperti Yang Berhormat berikan gambaran.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya boleh memberikan segala kenyataan-kenyataan dan bukti yang bertulis bahawa apa yang saya sebutkan itu adalah benar. Saya boleh sampaikan kepada Yang Berhormat Machang. Esok pun boleh. Bahawa apa yang saya sebutkan itu adalah benar.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Boleh?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya ingin menyatakan di sini bahawa...

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Boleh saya tambah sedikit Yang Berhormat?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya bukan datang ke Dewan Rakyat ini untuk berbohong. Apabila saya menyebut bahawa TRT Boston pada hujung bulan Disember tahun 2011 yang auditnya adalah peringkat akhir, untung RM1.6 juta. Ia adalah angka yang benar. Ia bukan angka bohong, Yang Berhormat. Dahulu memang rugi, saya tidak menafikan. Kenyataan saya dalam akhbar Yang Berhormat Kubang Kerian, saya kata ada syarikat untung, ada syarikat rugi. Namun, secara keseluruhan, apabila dikumpulkan, syarikat itu untung. Itu yang penting yang saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Betul.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya tidak berbohong. Saya bukan jenis manusia yang berbohong.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Boleh beri laluan? Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat menyatakan tentang prestasi dan untuk disenaraikan, itu isunya. Jadi, apakah KPI nya? Kalaulah mengikut PricewaterhouseCoopers yang menyatakan dalam cabaran Yang Berhormat untuk saya melihat kepada SSM, Felda Global Ventures di India rugi RM7,864,000, Felda Global Ventures di Indonesia rugi, Di Kalimantan rugi 3.9, 6.2. Kemudian saya juga melihat tentang penyata Felda Global Ventures Lifestocks juga rugi, RM7 million. Kemudian Felda Global Ventures yang anak syarikat yang di *Middle East* juga rugi, RM7.69 bilion. *North America* rugi RM27 million. Jadi kalau semuanya yang di luar negara ini rugi, jadi dengan mengharapkan Holdings itu, kumpulan itu yang tidak rugi, jadi apakah maknanya? Apakah KPI nya? Kalaulah semua syarikat pelaburan luar negara ini rugi, apakah jaminan untuk hendak disenaraikan semua syarikat akan keuntungan?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kita boleh memberikan kepada Yang Berhormat...

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Kita kata durian runtuh dan seumpamanya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kita boleh memberikan satu senarai 42 buah syarikat Felda Global Ventures Holdings yang untung! 42. Yang Berhormat baru baca berapa tadi? 42 buah syarikat FGVH yang untung. Kita boleh beri senarai kepada Yang Berhormat kalau Yang Berhormat hendak. Apa yang saya ingin nyatakan rekod keuntungan sebelum cukai: tahun 2009, RM203 juta; tahun 2010, RM366 juta. Angka ini tidak menipu. Angka ini betul, benar, sah, sah. Okey, saya teruskan.

Yang Berhormat Machang mempersoalkan kononnya...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh saya bertanya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan dalam mesyuarat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan pengurusan FELDA, Bilangan 3 Tahun 2011, bertarikh 20 Jun 2011, di mana beliau menyatakan pastikan hakim diberikan kefahaman dan pastikan FELDA menang. Saya ada minit mesyuarat sebagaimana yang Yang Berhormat Machang angkat, saya pun juga mengangkat minit mesyuarat itu di sini. *[Sambil mengangkat minit mesyuarat]*

Sebenarnya itu bukan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Berhormat Machang telah membuat satu kesilapan. Ia bukan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada di muka surat hadapan. Yang ini bukan. *[Merujuk kepada sekeping kertas]* Yang ini adalah rumusan perbincangan mesyuarat yang memberi maksud bahawa semasa saksi-saksi memberikan keterangan dalam mahkamah, pihak FELDA akan memastikan bahawa keterangan yang diberikan di hadapan hakim perlu jelas dan tepat serta dapat menerangkan maksud *oil extraction rate (OER)* dengan

izin atau kadar perahan sawit itu. Begitu juga dengan peguam Felda yang akan menghujahkan berkenaan isu OER ini agar dapat difahami dengan jelas dan terperinci oleh Yang Arif hakim yang akan membuat keputusan. Itu maksud minit mesyuarat itu.

Mengenai persoalan Yang Berhormat Machang tentang apakah keputusan kes antara Karib Mohd Saleh dan FELDA. Untuk makluman Yang Berhormat, kes tersebut dibicarakan di Mahkamah Tinggi Seremban di antara Karib Mohd Saleh dan 765 yang lain lawan FELDA dan Felda Palms Industry Sdn. Bhd. Kes ini telah ditetapkan oleh pengurusan kes pada 9 April 2012 bagi membolehkan kedua-dua peguam memfailkan ikatan dokumen untuk perbicaraan penuh. Kes ini juga ditetapkan untuk mediasi pada 9 Mei 2012 di hadapan hakim Mahkamah Tinggi Seremban.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja untuk penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya yakin bersedia untuk menerima dan mengiktiraf dan mengakui bahawa Felda Global Ventures yang mendapat sokongan daripada dividen daripada Felda Holdings dan juga apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Machang sebentar tadi sebagai Malayan Sugars, itu adalah antara sokongan yang kuat, yang memberikan suntikan untuk berlaku apa yang dikatakan sebagai memenuhi syarat IPO itu. Apa pun, saya tidak mahu mempertikaikan perkara tersebut.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bersediakah Timbalan Menteri mengakui bahawa dividen yang diberikan oleh Felda Plantations itu adalah cukup besar kepada KPF dan juga kepada Felda Global Ventures? Pada tahap yang saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah peratusnya dan apakah mampu ia diberikan ketika berlaku penyenaraian? Ini kerana 15% dividen itu hanya mampu diberikan oleh *blue-chips counter* seperti Genting dan sebagainya. Ia adalah satu yang sukar untuk prestasi kecuali seperti mana yang saya sebutkan kaunter-kaunter judi seperti Genting dan sebagainya. Itu perkara yang perlu difahami oleh peneroka akhirnya. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Sebenarnya apabila kita menawarkan 37% daripada saham FGVH untuk diberikan kepada KPF, tujuan kita adalah untuk memastikan supaya dividen 15% itu boleh diperoleh setiap tahun kerana model perniagaan KPF sekarang ini tidak membolehkan KPF terus-terusan memberikan dividen 14%, 15% setahun. Oleh kerana itu, apabila mereka terlibat dalam penyenaraian, maka untuk memastikan dividen itu 14% ke 15%, kita *offer*, tawarkan KPF untuk memiliki 37%.

Namun, sekarang ini kita menunggu apakah keputusan hakim pada 2 April, sama ada hakim akan *put aside* dengan izin, injunksi yang dibuat oleh lapan orang peneroka yang berkaitan. Kalau *put aside*, maka KPF boleh untuk menerima 37% itu. Namun, jika ada rayuan-rayuan dan sebagainya, KPF akan terlepas peluang berbilion ringgit untung. Ini kita boleh menyalahkan pihak pembangkang yang menyebabkan perkara itu berlaku.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Laluan. Penjelasan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri macam tidak menjawab soalan saya. Akan tetapi tidak mengapa.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, pertamanya saya mengucapkan terima kasih atas penjelasan berkenaan dengan catatan minit 7.9 yang menyebut bahawa pastikan hakim diberikan kefahaman subjek yang dimaksudkan adalah pastikan saksi-saksi FELDA memahami hakim. Begitu, ya. *I stand to be corrected. Fair enough,*

■1800

Kedua ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri cuma menyebut soal *post listing* 37% kepada KPF tetapi itu ialah pegangan melalui *special investment holding*, itu pun dalam bentuk apa yang kita sebut sebagai *redeemable preference shares*, dia boleh dapat dividen kalau untung tetapi dia tidak boleh bersuara kerana ia dipegang oleh *special purpose* ataupun *special investment holding*, ia ada beza. Maksudnya kalau nanti disenaraikan, saham FELDA Global itu untung, peneroka tidak boleh hendak jual sebab ia dipegang oleh – sebab itu analogi masa perbincangan saya buat, kalau dahulu Proton buruk sekarang peneroka ada Proton Waja baru tetapi dia cuma duduk di belakang orang lain yang pandu. Kalau orang itu hendak masuk longkang dan sebagainya, dia tidak boleh hendak buat apa, orang itu hendak jual tayar pun dia tidak boleh bantah, orang itu hendak tukar cat pun dia tidak boleh bantah.

Sebab itu Yang Berhormat memberikan satu keyakinan hendak menjamin pulangan 14%, 15% kepada peneroka, itu satu bab kalau betul. Sebab apabila masuk fasa penyenaian apa elemen di luar kawalan kita, elemen yang menentukan faktor-faktor jatuh ataupun naik nilai saham, itu di luar kawalan kita, walaupun bidang *plantation* itu dianggap stabil. Sebab itu Yang Berhormat, bahawa harus dilihat dari sudut rasional dan hujah pihak yang membawa suara berbeza. Sebab itu tidak bolehlah dilihat seolah-olah asas kepada hujah yang berbeza pendapat untuk menolak penyenaian ini semata-mata kerana dengki atau khianat kepada itu. Sebab kita memberikan *vehicle* penyenaian...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya saya faham itu Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: ...*Vehicle* penyenaian Tuan Yang di-Pertua iaitu FELDA *Global Venture*...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Boleh ringkaskan?

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Saya rasa *it is a weak vehicle*, dia sebenarnya bermula dengan syarikat pengurusan ladang, dia tidak ada aset, dia tidak ada kilang jadi dalam proses penyenaian, tanah 360 hektar dapat kepada dia, saham Felda Holding KPF dapat pada dia. Kemudian dinilai dia RM21 bilion, peneroka pegang 37, 63 lagi siapa yang pegang? Suara peneroka kalau dahulunya *direct* sekarang ini melalui *special*

purpose vehicle. Jadi ada bezanya, satu janji keuntungan 14% satu bab tetapi sebelum ini, saya tahu sebab syarat penyenaian ini, *potential investors* yang mengintai peluang untuk menyertai dan memiliki saham dalam Felda Global ini, dia tidak suka kalau ada KPF bersuara sebahagian daripada ini, sebab susah hendak membuat keputusan, dia mesti melalui GM, apa-apa keputusan melalui GM. Sebab itu dalam proses penyenaian Felda Global ini meminta supaya KPF ini diketepikan, sebab *potential investors* tidak mahu sebuah koperasi duduk menjadi suara utama di dalam Felda Global, itu kisahnya. Siapa dia *potential investors* ini boleh tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan? Siapa dia *potential investor* ini, syarikat mana.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey, kita menyatakan bahawa apabila KPF diberikan 37%, maka KPF akan mendapat hak ekonomi. Kemudian kita tubuhkan Felda *Asset Holdings Company* (FAHC) yang mempunyai hak mengundi untuk menjaga hak peneroka FELDA dan KPF, Lembaga Pengarah Felda *Asset Holdings* ini terdiri daripada wakil KPF, wakil FELDA, wakil Jabatan Perdana Menteri, wakil FJBH, wakil Kementerian Kewangan yang ada dalam Felda *Asset Company* (FAHC) itu. Itu modal yang sebelum ini yang kita berikan kepada KPF. Saya ingin juga memaklumkan bahawa yang kita hendak bagi kepada KPF 37% itu adalah dalam bentuk *redeemable convertible preference shares*. Iaitu apabila tiba waktunya ia juga boleh dijual, bukan tidak boleh dijual. Maksud saya ialah *redeemable convertible*, RPCS bukan hanya *redeemable preferences*. tetapi *redeemable convertible preference shares*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa pertanyaan Yang Berhormat Machang seolah-olah kerajaan mencampuri urusan mahkamah, sedangkan perkara tersebut tidak berlaku. Terdapat kes-kes di mana keputusan mahkamah tidak memihak kepada FELDA sebagai defendan, sebagai contoh kes FELDA Kemahang 1, 2 dan 3 yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kota Bharu. Kes-kes ini, FELDA kalah adalah berkenaan tuntutan wang tabung penanaman semula dan peneroka-peneroka tanam semula sendiri dan juga kadar perahan minyak sawit (OER) disebabkan masalah teknikal.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Lenggong, apakah perancangan kerajaan berhubung dengan program perumahan generasi kedua, rancangan FELDA di Lenggong, Perak. Sebenarnya pada masa kini FELDA sedang merancang melaksanakan satu projek perumahan di setiap wilayah di mana terdapatnya pembangunan FELDA. Untuk Wilayah Trolak akan dilaksanakan di Parlimen Lenggong di FELDA Lawin Utara. Dokumentasi dan lawatan tapak yang didapati sesuai seluas 20 ekar telah dikenal pasti secara umumnya sesuatu projek perumahan itu akan dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang ada, terdapat kekosongan tanah, permintaan dan yang mustahak juga adalah kelulusan daripada kerajaan negeri.

Kerajaan menyambut baik cadangan Yang Berhormat Marang agar FELDA mewujudkan hospital dan universiti, saya telah menyatakan bahawa hospital dan universiti ini bukanlah kepakaran FELDA untuk melaksanakannya...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: ...Tambahan pula banyak hospital dan universiti telah diwujudkan oleh kerajaan. Namun begitu ekonomi generasi baru akan sentiasa diperkasakan melalui pelbagai program yang dilaksanakan seperti pendidikan, latihan kemahiran, bidang keusahawanan dan bantuan pengajian tinggi kepada generasi baru.

Yang Berhormat Bakri telah membangkitkan soalan bahawa terdapat anak syarikat FELDA yang mengeksport minyak sawit ke Israel. Beliau turut menyatakan bahawa FELDA mempunyai saham dalam kilang sawit yang memproses hasil-hasil sawit peneroka dihantar ke Israel. Ingin saya tegaskan di sini bahawa tuduhan Ahli Parlimen Bakri dan pihak pembangkang bahawa FELDA mengeksport produk ke Israel adalah tidak benar! Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti utama kumpulan Felda Global Ventures Holding adalah pengeluaran dan pemasaran minyak sawit dan produk-produk yang berasaskan minyak sawit. Produk-produk ini dijual kepada pihak ketiga di pasaran tempatan dan juga dieksport melalui cabang pemasaran kumpulan FGBH iaitu Felda Marketing Sdn Bhd dan juga melalui syarikat usaha sama FELDA IFFCO Sdn Bhd (FISB).

FISB adalah syarikat multinasional, usaha sama 50-50 antara FGBH dan kumpulan IFFCO, syarikat pemprosesan makan yang berpusat di Sharjah, United Arab Emirates. Aktiviti utama FISB adalah sebagai syarikat perdagangan, pelaburan yang terlibat dalam perniagaan penapisan dan pembungkusan minyak sawit dan produk yang berasaskan isirung sawit. FISB mempunyai kilang penapisan dan pembungkusan di Malaysia, China, Afrika, Turki, Indonesia, Amerika Syarikat dan juga pejabat-pejabat perdagangan di Perancis dan Sepanyol. Kumpulan FELDA tidak mengeksport sebarang produk ke Israel melalui mana-mana anak syarikatnya termasuk FISB. IFFCO pula dimiliki oleh Kumpulan Alana, sebuah syarikat yang diterajui oleh sekeluarga Islam yang juga mempunyai polisi tidak menjual produk kepada Israel.

Namun FISB telah memenuhi pesanan pada tahun 2010 dan 2011 kepada pembeli untuk dipasarkan di Palestin Yang Berhormat. Walaupun begitu tidak menjadi polisi FELDA untuk menetapkan pelabuhan import oleh pembeli. Semua jualan ini telah diberikan permit mengeksport oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri Malaysia (MITI) sebelum penghantaran dibuat. FISB mula membuat penghantaran ke Palestin bermula bulan Mac 2010 dan penghantaran terakhir yang telah dibuat pada 9 Disember 2011 yang invoice terakhirnya bertarikh 7 Januari 2012. Nilai dagangan produk ke Palestin yang terlibat ialah sekitar RM35 juta. FISB tidak ada pilihan lain kecuali menghantar ke Negara Palestin melalui pelabuhan Ashdod di Israel. Namun begitu, semua produk berkaitan adalah dihantar untuk manfaat rakyat di Palestin.

Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Tuaran menginginkan penjelasan mengenai status geran tanah kepada peneroka FELDA di Sabah yang telah melangsaikan hutang dengan FELDA, adakah tanah-tanah peneroka FELDA Sahabat terlibat dengan

penyenaraian FGBH dan bilakah peneroka FELDA Sahabat akan menerima geran hak milik tanah mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanah yang terlibat di dalam penyenaraian FGBH di Bursa Saham Malaysia ialah tanah yang tidak menempatkan peneroka atau dengan kata lain tanah milik FELDA yang diuruskan oleh FELDA Plantation. Tanah milik peneroka iaitu kebun dan tapak rumah tidak akan disentuh walaupun sedikit. Tanah FELDA ini akan disewa dalam tempoh jangka panjang di antara FELDA dan FGBH, sehubungan dengan itu adalah ditegaskan bahawa tanah-tanah milik peneroka FELDA Sahabat dan seluruh negara tidak akan terlibat dalam urusan penyenaraian FGBH di Bursa Malaysia.

Berhubungan dengan pertanyaan mengenai penerimaan geran tanah, FELDA memberikan jaminan bahawa surat hak milik akan diserahkan kepada peneroka. Pada masa kini kerja-kerja mengukur lot individu bagi kawasan kediaman seluas 0.25 ekar dan kawasan kebun seluas 14 ekar telah siap dijalankan dan sedia dikemukakan pada Kerajaan Negeri Sabah. Permohonan hak milik bagi semua peneroka di FELDA Sahabat akan dikemukakan kepada kerajaan negeri untuk syor diberi milik kepada peneroka yang terlibat.

■1810

Setakat ini hampir 70% peneroka di seluruh negara telah menerima hak milik. FELDA mengambil maklum mengenai permohonan Yang Berhormat Tenggara supaya FELDA selesaikan kemudahan infra seperti membaik pulih tanah runtuh, cerun-cerun di tujuh rancangan FELDA di Parlimen Tenggara khususnya dan seluruh rancangan Felda di seluruh Malaysia. Suka saya memperjelaskan bahawa FELDA akan meneliti kes-kes tanah runtuh dan cerun serta telah pun menyelesaikan banyak kes ini. Ahli Yang Berhormat bolehlah bantu mengemukakan senarai kes-kes tanah runtuh di kawasan Parlimen Tenggara yang mana masih belum diadakan, diambil tindakan oleh FELDA.

Tuan Yang di-Pertua mengenai soal jawab tentang SPAD...

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Minta laluan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: ...Dan juga mengenai APMM, saya akan jawab secara bertulis.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Minta laluan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Sedikit sahaja. Terima kasih banyak.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Laluan Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tenggara.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Dia duduk.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tenggara.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Itu sahaja? Itu sahaja yang ingin saya sampaikan pada petang ini Yang Berhormat.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Yang Berhormat, ada sedikit lagi. Yang Berhormat tidak jawab soalan saya tadi.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Terima kasih.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Soalan saya tadi ringkas sahaja. Siapa *potential investors* yang akan mengambil bahagian dalam penyenaian?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Siapa kumpulan profesional yang melakukan *due diligent* terhadap urus niaga ataupun perniagaan FGV di luar negara? Itu yang kedua. Ketiga, saya menyebut tentang *turn around planning* TRT Holdings yang rugi di Quebec...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: ...Yang memerlukan suntikan...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya akan jawab tiga-tiga.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: ...Yang memerlukan suntikan dana CAD\$30 juta.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya akan jawab tiga-tiga Yang Berhormat. Terima kasih. Terima kasih. Terima kasih kerana telah menyampaikan tiga perkara itu. Perkara yang kedua saya akan jawab secara bertulis. Perkara yang ketiga, kita telah mengadakan usaha sama, sudah *sign agreement* usaha sama dengan sebuah syarikat multinasional yang dipanggil **Bunge**. Yang Berhormat boleh tengok dalam *website*, bukan *bungee jumping* ya.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Kita perlu suntik modal itu RM100 juta ya? Betul?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Syarikat itu akan *turn around* dalam masa yang dekat.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Pelaburan yang telah kita belanjakan adalah RM1.4 bilion. Sekarang dia hendak minta lagi RM100 juta Yang Berhormat. Lima tahun yang lepas, dia rugi setiap tahun Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Eh, Yang Berhormat Machang. Lima tahun yang lepas kita tidak mula lagi di Quebec, Canada.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Yang Berhormat, saya rujuk...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Lima tahun yang lepas kita belum bina kilang lagi di Quebec, Canada.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: ...Sudah masuk di sini. [Merujuk kepada dokumen] Dalam laporan kepada Perdana Menteri tertera di sini.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya ingat sangat mula buat kilang di Quebec itu bukan lima tahun yang lepas.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Pengambilalihannya bermula 2007. Kemudian ia melakukan beberapa...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya rasa Yang Berhormat keliru antara Quebec dengan satu lagi kilang di Boston.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Saya rujuk pada Quebec. Saya tahu, saya tahu saya rujuk Quebec.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya tahu, saya tahu dua-dua kilang itu.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Usaha sama di Quebec itu ialah dengan Bunge. Saya faham.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ia akan *turn around* dalam masa yang singkat, betul dan modal yang telah dilabur kepada TRT Holdings. TRT Holdings *consists of* perniagaan TRT di US, Yang Berhormat sebut Boston. Satu lagi di Quebec.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Boston sudah untung Yang Berhormat.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ya tetapi *total* pelaburan RM1.4 bilion.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Walaupun pada ketika itu Amerika Syarikat mengalami keruntuhan ekonomi yang teruk tetapi sekarang kilang kita di Boston telah mencatatkan keuntungan.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Yang Berhormat menyebut keuntungan RM1.4 juta. Saya menyebut tentang saiz pelaburan di sini RM1.4 bilion.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kalau kita hendak masuk mula-mula hendak buat kilang, adakah kilang itu percuma Yang Berhormat?

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Saya bersetuju. Soalnya, mereka perlukan lagi suntikan...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ini kali pertama boleh ada dialog macam ini.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya pun terperanjat Tuan Yang di-Pertua membenarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya pun hendak tegur juga. Sebenarnya cara kita berbincang dalam Dewan pun memang sudah menyalahi peraturan tetapi kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua selalu sebut, kita sangat-

sangat fleksibel tetapi soalnya di sini kita bangkit soalan, belah sini beri jawapan. Kalau didapati tidak betul jawapan itu, ada medium yang lain kita buat. Itu cara dia dan saya berterima kasih dengan Yang Berhormat Kuala Selangor tadi. Bila masa berdiri, Yang Berhormat tidak beri, peraturan 37 jelas. Kalau seseorang bercakap, seorang berdiri, yang cakap tidak bagi laluan, yang berdiri nombor dua itu terpaksa duduklah. Jadi, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang ketiga mengenai bakal pemegang saham. Soalan pertama, bakal pemegang saham. Pertama, kita sudah tawarkan kepada KPF. Kedua, pelabur, peneroka akan dapat yang kita panggil sebagai *blue form*. Ketiga, petugas kumpulan FELDA kita akan bagi *pink form*. Keempat, kerajaan negeri terutama Kerajaan Negeri Sabah dan juga Kerajaan Negeri Pahang dan juga kerajaan-kerajaan negeri lain. Kelima, pelabur bumiputera yang mendaftar dengan MITI. Keenam, pelabur institusi seperti Lembaga Urusan Tabung Haji, seperti EPF, seperti Kumpulan Wang Amanah Pencen dan seperti PNB. Ketujuh, pelabur rakyat Malaysia secara umum dan yang kelapan ada sedikit peratusan pelabur luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Itu sahaja Yang Berhormat?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: *[Mengangguk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, saya ucapkan terima kasihlah kepada semua Yang Berhormat kerana bekerjasama dengan sayalah sebenarnya. Bekerjasama dengan saya, kita telah lalui banyak juga perbincangan dan perbahasan. Memang di kalangan kita ada yang belum puas hati tetapi begitulah keadaannya. Terima kasih. Sekarang saya hendak maklumkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat dari Jempol itu hendaklah disetujui.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari Isnin, 2 April 2012 selepas sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan, perbahasan akan dimulakan dengan Rang Undang-Undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2011 dan akan diikuti dengan rang undang-Undang yang lain seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini. Sekian, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga pukul 10.00 pagi hari Isnin, 2 April 2012.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.17 petang.